

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 28**

**Selasa**

**19 Jun 2007**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):</b> ■ <b>Tuduhan Rasuah dan Penyalahgunaan Kuasa Terhadap Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara</b> - <i>Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor)</i>	(Halaman 25)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 26)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007	(Halaman 27)
<b>USUL:</b> Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 100)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
<b>Peranan Media TV Dalam Menyokong Agenda Nasional Negara</b> - <i>Y.B. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)</i>	(Halaman 101)
<b>Pinda Undang-Undang Kecil bagi Membantu Para Penjaja</b> - <i>Y.B. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)</i>	(Halaman 105)

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Selasa, 19 Jun 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat* ]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tindakan kementerian untuk mempercepatkan pembukaan persimpangan jalan masuk Lebuhraya Grand Saga ke Bandar Mahkota Cheras dan bilakah ia akan menjadi kenyataan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kerja Raya masih lagi mengadakan rundingan dengan pemaju Nara Jaya dan juga Syarikat Konsesi Cheras-Kajang-Kuala Lumpur-Cheras.

Perkara ini mempunyai satu sejarah iaitu pembinaan telah berlaku dan pemaju telah menjalankan pembinaan beberapa ribu rumah di tepi lebuhraya yang telah diadakan lebih awal daripada pembangunan itu berlaku. Pada masa mereka memohon untuk mengadakan jalan masuk ke Lebuhraya Cheras, kami telah mengenakan beberapa syarat. Satu di antara syaratnya iaitu mereka mesti berunding dengan syarikat konsesi Grand Saga dan selepas itu juga mereka boleh membina dan menyambung dengan Lebuhraya Cheras yang sedia ada.

Mereka masih membina rumah. Mereka mempamerkan satu papan tanda. Papan tanda itu menyatakan orang yang membeli rumah di sini tidak payah membayar tol. Jangan bayar tol. Saya percaya mereka bukanlah ... *they are not sincere* dengan izin dan mereka terus membina rumah beberapa ribu. Sejumlah rumahnya yang dijangka sebanyak 10,000 buah rumah dalam satu projek dan 4,000 rumah dalam satu projek.

Kita jangka lebih kurang kedua rancangan ini akan mempunyai 40,000 buah kenderaan sehari. Saya telah mengadakan perbincangan dengan Nara Jaya di pejabat saya. Nara Jaya menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju apa-apa, buka *gate*. Ini bukan *gate* Kereta Api Tanah Melayu. Suka kita buka, bila ada kereta api, kita tutup. Ini lebuhraya. Apa kita cakap pun dia tidak mahu dengar.

Oleh kerana itulah kita tidak membenarkan mereka masuk dalam Jalan Cheras. Saya suka juga menerangkan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soalan ini. Sekarang, selepas beberapa perbincangan, minggu ini iaitu 15 Jun, saya telah meminta Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk memanggil kedua-dua pihak mengadakan perbincangan.

Syarikat konsesi bersetuju untuk membina sebuah plaza tol dengan harga yang murah iaitu harga yang murah itu sebanyak RM5 juta. Oleh kerana beberapa alat elektronik mesti dipasang dan perbincangan di antara Nara Jaya dan mereka, Nara Jaya kata, saya bagi RM1 juta sahaja. RM1 juta tidak bolehlah Yang Berhormat.

Mereka minta, dalam pembinaan ini RM5 juta mereka kena bayar. Nara Jaya kata RM1 juta, saya kata bincanglah, bincang sampai lagi lima tahun dia bincang, lima tahun tidak ada buka, 10 tahun bincang, 10 tahun pun tidak ada buka. Kedua-dua pihak pun mesti bertanggungjawab. Walau pun syarikat konsesi dia bertanggungjawab, dia kata okey kita boleh bayar setengah, panggil dia bayar setengah, dia kata tidak boleh. Itulah masalah Yang Berhormat, saya jelaskan kepada Yang Berhormat.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Cheras juga minat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana datang sendiri ke Parlimen ini untuk menjawab soalan spesifik ini. Soalan utama tadi dengan soalan tambahan ini Yang Berhormat Menteri, adalah mewakili penghuni dan penduduk Taman Bandar Mahkota Cheras dengan Bandar Sungai Long yang lebih kurang 10,000 penduduk yang cukup ramai dan mereka sudah pun menderita lebih kurang 10 tahun dan tiga tahun yang lepas laluan keluar masuk yang baru yang disekat ini disediakan dengan kos lebih kurang RM12 juta oleh pemaju berkenaan.

Akibatnya mereka terus menderita walau pun jalan ini sudah siap kerana ditutup. Mereka terus menderita kerana berlaku keangkuhan oleh pemaju yang hanya mementingkan kewangan. Kedegilan Grand Saga kerana mementingkan kutipan tol, kelemahan serta kelewatan rundingan katanya oleh LLM dan kementerian melainkan Yang Berhormat Menteri yang cukup cekap pada hari ini.

■1010

Penduduk di situ terus menderita, Tuan Yang di-Pertua. Hingga sekarang jalan siap begitu lebar, begitu luas dengan lampu dan jambatan tetapi tidak boleh digunakan. Apa gunanya? Jadi, soalnya sekarang, adakah perlu rundingan sampai tiga tahun, sampai lima tahun atau sepuluh tahun? Ini adalah keputusan berkenaan dengan kewangan, bukan nyawa yang perlu penelitian yang terlalu *detail*.

Oleh itu saya minta kementerian bantulah sikit. Pihak pembangkang asyik berdemonstrasi tiap-tiap hari Sabtu, tiap-tiap hari Ahad, menunjukkan kononnya merekalah yang membuat kerja hal rundingan ini. Kononnya merekalah yang memperjuangkan kepentingan penduduk-penduduk setempat. Tetapi...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** *[Bangun]*

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Nantilah dulu. Ini soal spesifik, tetapi Yang Berhormat Menteri perkara ini mesti diselesaikan, tidak kira sama ada bayarannya berapa dan matlamat saya ialah ia mesti diselesaikan dalam masa yang terdekat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat. Cukup.

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat satu syarat yang penting telah diperkenalkan oleh kerajaan kepada mereka. *[Yang Berhormat Menteri membaca satu daripada syarat] "Pihak Nara Jaya Berhad (NSB) hendaklah bersetuju menanggung rugi LLM Grand Saga atas segala tindakan tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan, pampasan, kos dan perbelanjaan apa juga mungkin dialami oleh LLM Grand Saga berbangkit atau berkaitan dengan kerja-kerja pembinaan, laluan keluar masuk yang dinyatakan di atas lampiran format".*

Ini satu daripada syarat-syarat yang telah dikenakan. Jadi, penswastan projek -"Kami Nara Jaya Sdn. Bhd. bersetuju dengan syarat-syarat yang dinyatakan di atas berjanji untuk mematuhi". Ditandatangani oleh Liew Choon Wit, *Senior General Manager*, Eng Kai Lai, *Senior Project Manager*.

Ini lah Yang Berhormat, *[Menunjukkan sebuah risalah]* Pembangkang bolehlah tunjuk perasaan. Kalau dia tidak tunjuk perasaan dia bukanlah pembangkang lagi. *[Dewan riuh]* Kami kerajaan...

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Sekejap, Yang Berhormat. Kami kerajaan, kami mempunyai tanggungjawab. Jikalau saya minta buka jalan itu pada akhirnya siapa yang akan bayar ganti rugi sebanyak RM400 juta? Kerajaan kena bayar ganti rugi RM400 juta. Saya tidak mahu kerajaan membayar ganti rugi RM400 juta oleh kerana RM400 juta itu boleh dibelanjakan kepada rakyat.

Walau bagaimanapun, untuk Yang Berhormat, sepatutnya Yang Berhormat bincang dengan saya, sekali lagi saya panggil syarikat. Ada juga orang daripada syarikat yang ada tanduk di sini. *[Membuat aksi tanduk di kepala]* Tidak mahu cakap, tidak mahu buka mulut, keras sahaja tidak mahu bincang. Kami bila-bila pun rendah sahaja, kita simpati tetapi dia tidak. Pasal dia ada duit, dia besar. Bila bina itu, sudah dapat kelulusan tetapi syarat mesti dipatuhi. Ini satu perkara. Sekali lagi bolehkah mereka mempamerkan, "Belilah rumah di sini, boleh masuk ke jalan lebuhraya tanpa bayaran tol". Kami ada gambar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apakah cadangan kementerian untuk menyelesaikan perkara ini?

**Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Ya, saya hendak tahu bila sahaja.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, atas permintaan Yang Berhormat, dua bulan yang lalu saya sudah minta Jabatan Kerja Raya dan juga Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk mengadakan satu persetujuan di antara mereka. Akhirnya, dalam mesyuarat pada 15 hari bulan ini, Grand Saga bersetuju pada mulanya dia kata RM10 juta. Saya kata, tidak boleh RM10 juta. RM5 juta boleh dijadikan satu *toll gate* untuk *smart card* dan lain-lain di mana mereka minta RM2.5 juta dibayar oleh pemaju dan RM2.5 juta lagi dibayar oleh syarikat. Itu pun saya minta

LLM jika boleh mengurangkan ganti rugi daripada pemaju tetapi syarikat itu akan bertanggungjawab. Ini akan berlaku dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi. Selepas itu saya akan beri kebenaran kepada syarikat itu untuk membina dengan segera dan kita boleh mengambil masanya lebih kurang sebulan setengah dan selepas itu kita buka jalan itu.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih. Ya, Yang Berhormat bagi Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada pengetahuan saya pada bulan Jun ini Syarikat Grand Saga kutipannya selepas operasi selama lapan setengah tahun telah mengutip bayaran tol sebanyak kos yang sama dengan pembinaannya. Ini bererti dalam tempoh bakinya 25 tahun syarikat ini akan membuat keuntungan bersih ditolak dengan sedikit kos *maintenancenya*. Ini merupakan satu kebaikan kepada syarikat kroni Barisan Nasional. *[Disampuk oleh Ahli-ahli Pembangkang]*.

Tadi Yang Berhormat Menteri sudah memberikan satu jawapan yang paling menyedihkan dan mengecewakan penduduk-penduduk Bandar Mahkota Cheras bahawa beliau telah bersetuju untuk pembinaan satu plaza tol di jalan utama akses tunggal masuk ke Taman Mahkota Cheras itu. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kelulusan yang pertama yang telah pun diberikan oleh Majlis Perbandaran Kajang kepada Nara Jaya pemaju Bandar Mahkota Cheras itu untuk membina jalan utama diberikan pada tahun 1994 sebelum perjanjian konsesi Grand Saga dengan kerajaan ditandatangani?

Kedua, jalan utama ini sememangnya menjadi satu syarat utama dalam perintah pembangunan yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Kajang kepada pemaju.

Ketiga, rumah-rumah baik pun komersial atau kediaman di Bandar Mahkota Cheras tidak akan memperoleh sijil kelayakan (CF) untuk bangunan premis mereka jika sesuatu syarat dalam perintah pembangunan itu tidak dipatuhi oleh pemaju. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, mengapakah rumah-rumah di Bandar Mahkota Cheras ini masih boleh dapat CF walaupun jalan utama ini tidak boleh digunakan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat. Cukup.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Bukan, ini untuk pengetahuan Dewan ini kerana Majlis Perbandaran Kajang walaupun tidak dapat mengeluarkan CF bagi jalan atau sijil kesempurnaan - *how do I say completion of work ...*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Sijil kelayakan.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Sijil kelayakan bagi jalan itu tetapi Majlis bersetuju memberikan CF kepada rumah-rumah kerana Majlis sendiri yang menghendaki pemaju itu membina jalan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Baik.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Dari aspek ini, adakah ini merupakan satu kesalahan oleh pemaju? Saya minta penjelasan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, Yang Berhormat tunjuk perasaan sahaja tetapi saya mengadakan beberapa perbincangan dengan penghuni-penghuni rumah yang telah membeli rumah datang ke pejabat saya. Saya telah menunjukkan beberapa dokumen mengapakah ini tidak boleh berlaku. Saya jelaskan... Saya kata, walau bagaimanapun jangan susah, kita cuba selesaikan perkara ini seberapa segera yang boleh. Majlis Perbandaran tidak mempunyai kuasa untuk meminta mana-mana pihak masuk ke dalam lebuhraya. Menteri Kerja Raya sahaja yang boleh! *[Disorak]* Tahukah? *[Buat isyarat menulis]* Saya sedia beri kebenaranlah.

■1020

Beri dia kebenaranlah. Dia bagi kebenaran kepada satu ratus orang pun saya tidak peduli. Bila mereka mematuhi syarat-syarat baru saya ikuti dengan saya punya arahan. Jadi saya minta Ahli Yang Berhormat dari Cheras, bantulah kita sedikit. Kita bersama kerja. Saya pun tahu, saya kesian dengan penduduk-penduduk. Penduduk-penduduk dan 40,000 kenderaan dalam tempoh masa enam bulan lagi akan menggunakan jalan ini. Jadi kami mesti menjaga kepentingan rakyat, kepentingan penghuni rumah dan juga kepentingan syarikat konsesi khasnya kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput soalan Yang Berhormat dari Maran.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada pelajar kita daripada Penang dan juga Klang.

2. **Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan berapakah jumlah sungai di seluruh negara yang dianggap berada dalam keadaan amat tercemar, tercemar dan bersih dan apakah langkah-langkah segera kerajaan dalam mengatasi masalah sungai-sungai yang amat tercemar ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani pada 27 Jun 2007. Yang Berhormat Sepanggar pada 28 Jun 2007 dan Yang Berhormat Tumpat pada 9 Julai 2007. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan pemantauan kualiti air di 146 lembangan sungai pada tahun 2006. Daripada keputusan analisis air yang telah dilakukan adalah didapati bahawa 80 lembangan sungai atau 54.8% berada di tahap yang bersih. 59 ataupun 40.4% lembangan sungai berada di tahap sederhana tercemar dan 7 ataupun 4.8% lembangan sungai adalah berada di dalam keadaan yang tercemar.

Langkah-langkah yang sedang diambil bagi menangani masalah-masalah sungai yang tercemar ini adalah seperti berikut. Di antaranya:

- (i) penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas punca-punca pencemaran yang telah dikenal pasti;
- (ii) mempergiatkan lagi aktiviti kesedaran awam bagi mencegah pencemaran dan membersihkan sungai melalui pelbagai program di bawah Jabatan Alam Sekitar dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran;
- (iii) penubuhan satu pasukan petugas khas menangani pencemaran sungai untuk mengenal pasti sungai-sungai yang tercemar tersebut dan mewujudkan *dedicated team* yang merangkumi agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan bersepadu;
- (iv) kempen pencegahan pencemaran dan pembersihan sungai di kawasan pihak berkuasa tempatan. Melaksanakan program pencegahan pencemaran dan peningkatan kualiti air sungai;
- (v) penubuhan Jawatankuasa Alam Sekitar di peringkat Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri bagi memantau kegiatan pencemaran terhadap sungai-sungai dan kawasan masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga dari rekod kementerian masih belum ada badan-badan korporat yang tampil dengan sukarela untuk membantu membaik pulih dan membiayai kos pembersihan sungai-sungai di negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maran.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita kadang-kadang amat kecewa apabila terdapat sebahagian masyarakat kita yang tidak bertanggungjawab kerana menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sampah mereka dan banyak insiden banjir telah berlaku. Saya perhatikan, saya ucap terima kasih kepada kementerian kerana mewujudkan jawatankuasa ini.

Tetapi hakikatnya dari segi pelaksanaan saya rasa masih kurang penyelarasan antara agensi. Kita pergi ke bawah, ke kampung-kampung kawasan. Kadang kala apabila kita berbicara tentang sungai yang banyak mengambil tindakan ialah JPS, sedangkan agensi lain mungkin kurang. Saya hendak bertanya kementerian ataupun kerajaan, apakah tindakan yang sebenar-benarnya yang difikirkan berkesan dalam usaha menyelaraskan kerjasama antara agensi ini. Terutamanya kita ada Kementerian KeKKWa untuk menyedarkan atau membina sivik masyarakat tentang peranan mereka menjaga kebersihan sungai ini.

Satu lagi saya kira ada juga masyarakat memberikan maklumat. Tetapi mungkin tindakan kadang-kadang tidak diambil. Saya hendak tahu apakah undang-undang yang boleh memberikan kuasa kepada masyarakat awam supaya boleh membuat laporan dan mengambil tindakan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Di pihak kementerian kita memang sedar. Undang-undang yang ada sekarang ini sememangnya banyak yang bertindih dan masih belum mencukupi. Seperti yang kita lihat sungai-sungai tersebut kadang-kadang dia melalui beberapa buah negeri dan juga beberapa buah kerajaan tempatan. Di mana kita masih lagi belum ada undang-undang secara *concurrent list*. Jadi oleh itu, pihak kementerian melalui JPS sekarang ini sedang mengkaji satu sistem pengurusan sungai secara bersepadu dan juga untuk mengadakan undang-undang sungai ataupun *River Law* yang akan dibentangkan di peringkat kerajaan negeri, Dewan Undangan Negeri untuk memantau dan mengenal pasti cara dan kaedah yang terbaik untuk menjaga sungai kita daripada tercemar.

Sebagai contoh, Sungai Klang sahaja pihak JPS yang mengangkat sampah daripada sampah terampai dari Sungai Klang sahaja sebanyak 200 tan sehari, di mana melalui dalam tiga Majlis Daerah Tempatan. Jadi di antara lain kita juga mungkin mencadangkan supaya perangkap-perangkap sampah diletak di setiap permulaan satu kawasan pihak berkuasa tempatan dan di akhir kawasan pihak berkuasa tempatan tersebut, di mana kita boleh tengok kawasan pihak berkuasa tempatan yang mana yang paling banyak membuang sampah dalam sungai. Kita akan ambil tindakan terhadap penguasa-penguasa tempatan tersebutlah. Jadi itu di antara cara yang kita sedang kaji. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat memang kerajaan sentiasa mengambil perhatian. Cuma memang tidak cukup undang-undang yang ada pada kita, tidak memadai untuk memastikan pelaku, pesalah dan juga penceroboh mencemar dan juga memberikan sungai kita ini bukan saja kotor Tuan Yang di-Pertua, Sungai Kinabatangan ini sungai yang nombor dua yang terpanjang di seluruh Malaysia.

Tetapi hari ini sungai ini dianggarkan 50,000 hingga 80,000 tan toksik setahun dibuang dalam sungai ini. Tidak ada yang kena tangkap Tuan Yang di-Pertua. Ada mungkin kena dakwa lima ribu, sepuluh ribu. Untung estet ini berjuta-juta, berbilion. Jadi ini merupakan, satu bukan sahaja pencemaran tetapi *criminal*. Dia bertujuan membunuh masyarakat di Sungai Kinabatangan. Apa tindakan yang diambil? Saya minta kerajaan menubuhkan satu Lembaga Sungai-sungai selain daripada *River Law* untuk memastikan sungai-sungai kita bukan saja bersih tetapi rakyat kita bebas. Ini isu alam sekitar Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya rasa memang patut dia marahlah, sungai dia tercemar. Saya pun marah jugalah sebab di Sabah itu



kalau Sungai Kinabatangan memang kita kenal pasti sebagai di antara sungai yang banyak menerima hasil kumbahan daripada kilang kelapa sawit. Keadaan pedalaman tersebut membuatkan kita memang susah untuk membuat pemantauan. Masalahnya apabila pencemaran tersebut dimasukkan ke dalam sungai, jadi apabila bercampur dengan air itu hilang *evidence*. Maksudnya bukti-buktinya sudah tidak ada.

Jadi kita kena tangkap *on the spot* ambil sampel daripada kilang-kilang yang *discharge* itu untuk menahan mereka ataupun untuk saman mereka. Jadi ini masalah kita, kawasan yang luas. Tetapi insya-Allahlah, Kinabatangan kita prihatin dan ambil perhatian terhadap apa yang telah dibangkitkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput soalan Yang Berhormat dari Pendang.

**3. Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa kos penyelenggaraan bangunan kerajaan yang diperlukan kerana sering mengalami masalah akhir-akhir ini serta apakah hasil siasatan terhadap masalah tersebut yang dilakukan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kejadian kerosakan yang berlaku kepada bangunan kerajaan akhir-akhir ini adalah berpunca daripada kelemahan pemasangan di peringkat pembinaan. Dengan itu ialah tidak melibatkan sebarang kos penyelenggaraan kerana bangunan tersebut masih di dalam tempoh tanggungan kecacatan *defect liability period*, dengan izin segala pembaikan masih lagi di bawah tanggungjawab kontraktor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Pendang.

■1030

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita tahu daripada permulaan hari itu tiang MRR2 yang retak, kemudian OT di Hospital Sultanah Bahiyah terbakar, kemudian tanah runtuh di Putrajaya, siling dan paip bocor di Kementerian Pembangunan Usahawan, Parlimen bocor dan mahkamah tinggi yang baru, penyambung paip yang digunakan adalah dari bahan yang sub standard. Jadi saya hendak tanya kepada menteri, adakah ini merupakan salah satu daripada perancangan untuk mengenakan menteri sendiri? Itu soalan yang pertama.

Yang keduanya, adakah penggunaan bahan-bahan yang sub standard ini masih tidak dikenakan tindakan kepada pemaju-pemaju tersebut sehingga bangunan mahkamah itu boleh digunakan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Guna bahan sub standard, harga lebih mahal tetapi bangunan itu boleh digunakan sehingga mencederakan ataupun mencacatkan pembangunan di mahkamah tersebut. Menteri juga mengatakan kos untuk siasatan sahaja melibatkan RM22 juta itu untuk siasat, belum lagi untuk pembaikan dan juga lain-lain perkara. Saya minta jawapan daripada menteri, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ahli Yang Berhormat telah meminta lebih kurang 22 soalan dalam satu soalan yang dibangkitkan. Saya boleh juga menyatakan saya akan beri jawapan bertulis tetapi tidak payahlah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahan-bahan digunakan dalam pembinaan Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur itu bukan oleh sebab mereka menggunakan bahan yang tidak sesuai. Ini boleh dikatakan kontraktor-kontraktor kecil yang telah mengambil beberapa tindakan untuk memasang alat-alat atas siling *board*. Bila siling *board* itu bukanlah untuk mengambil muat daripada mana-mana pihak, dipasang itu untuk menjaga suasana yang baik tetapi ini sudah dilaporkan dan juga beberapa siling sudah dilihat.

Bangunan tidak ada apa, bangunan satu sahaja iaitu apabila kita mengadakan *expansion join*. *Expansion join* oleh sebab kita tidak boleh buat mana-mana satu bangunan yang panjang seperti itu jadi satu badan, kita kena pecah jadi beberapa bahan. Jadi bila kita ada macam itu di sesetengahnya kita telah *epoxy* dan kita akan mengadakan satu penutup. Tetapi apa salah telah dibuat kontraktor atau mereka telah menjalankan plaster *work* atas *join* itu. *Join* tidak boleh di plaster, pasal itulah bila ada juga bangunan *movement* dia kata dengan izin. Bila ada *movement* dalam *structure*, hari ini dia *move* setengah inci dan dia kembali mengikuti dengan keadaan cuaca. Jadi ini semuanya mesti diambil kira. Kerja-kerja di mana di Hospital Sungai Petani dan juga di tempat-tempat yang lain semuanya kontraktor tidak menjaga kerja masa kontraktor kecil telah memasang.

Oleh sebab saya telah memberi arahan kepada Jabatan Kerja Raya, semua kontraktor-kontraktor kecil mesti diperiksa. Adakah mereka layak untuk menjalankan kerja atau tidak, dan juga hantar notis tunjuk sebab mengapa kita tidak boleh mengambil tindakan untuk menyenaraihitamkan mereka daripada kerja-kerja kontrak di JKR untuk dua tahun atau tiga tahun, semuanya sedang berlaku.

Satu sahaja saya telah minta pegawai-pegawai JKR, apabila satu-satu bangunan kerajaan sudah diselesaikan pembinaan, kita mesti mengadakan satu pemeriksaan yang lanjut untuk mendapat tahu apa masalah yang ada di dalam pembinaan itu. Jadi ini sedang ditimbang oleh Jabatan Kerja Raya untuk mengadakan satu jabatan, *Building Surveyor Department*, ukur bangunan akan diadakan di mana-mana satu bangunan atau satu kerja diselesaikan dengan serta-merta, mereka memberi satu pemeriksaan yang luas untuk mendapat tahu adakah bangunan itu dibina dengan mengikuti syarat-syarat yang dikenakan oleh JKR.

Jadi saya suka juga memberitahu kepada Yang Berhormat, kerja-kerja yang sedang dijalankan, kontrak-kontrak sedang diberikan, saya telah minta JKR untuk *to have a second look*. Adakah kontraktor banyak di antara dapat kerja dia dapat dua atau tiga kerja, dia tidak jaga satu kerja lagi. Jadi semua di ambil tindakan. Sekarang saya sudah minta *no more playing the fool*. Kontraktor besar kah, berapa besar dia pun batal juga dengan serta-merta. Dia boleh juga memohon kepada siapa-siapa, kita tidak benar dia kerja lagi. Inilah sejarah baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh datang ke sini dan memberi satu jawapan yang tidak betul bahawa tidak ada kos tambahan untuk kerajaan oleh sebab siri kecacatan bangunan-bangunan kerajaan. Yang Berhormat sendiri kata bahawa perlu RM22 juta untuk *inspect* sahaja bangunan di Putrajaya dan sekarang bukan sahaja Putrajaya tetapi di Kuala Lumpur dan 186 bangunan yang disewa.

Bukankah ini satu jawapan yang tidak bertanggungjawab? Mengapa perkara ini masa dulu tidak berlaku, sekarang berlaku? Yang Berhormat sudah menjadi Menteri Kerja Raya 22 tahun, syabaslah. 28 tahun sepenuhnya *Cabinet Minister*. Tetapi selepas 22 tahun sebagai Menteri Kerja Raya, standard lebih rendah. Dulu Perdana Menteri kata *first world infrastructure, third world mentality* sekarang *third world infrastructure, fourth rate the mentality, ninth rate the maintenance*. Bukankah ini Yang Berhormat Menteri perlu memikul tanggungjawab? Bukankah masa sudah sampai untuk seorang Menteri Kerja Raya yang baru? *[Dewan riuh]*

Mungkin *you* boleh tukar ke portfolio yang lain tetapi bukannya *played the fool*. Adakah Yang Berhormat Menteri sudah *played the fool* untuk 22 tahun sebagai Menteri Kerja Raya sehingga ada *third rate infrastructure, fourth rate mentality* dan *nine rate maintenance*, kenapa boleh berlaku?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sudah sampai masa untuk memilih seorang Ahli Parlimen baru kepada Ipoh Timor pun. Betulkah tidak? Bolehlah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Jikalau Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak erti apa saya kata, itu bukan saya yang salah. Tuan Yang di-Pertua, dia bila-bila sehingga sampai masa sahaja, bukan masa cukup. Bila dia punya soalan, dia bangkit apa pun setengah masa sahaja, bukan masa cukup.

Kerajaan meminta melantik jurutera-jurutera untuk memeriksa 20 juta kaki persegi bangunan. Kita kena lantik beberapa banyak jurutera-jurutera. Saya telah nasihat kepada kerajaan kalau kita mahu juga melantik sekali gus untuk memeriksa ini akan memerlukan kos sebanyak RM28 juta. Bukannya satu bangunan atau dua bangunan, pada keseluruhan Putrajaya. Yang Berhormat tidak erti, dia tidak tahu apakah teknikal. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sekarang bukan Putrajaya, sekarang Kuala Lumpur dan Malaysia, apa kos sekarang?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat bila *you* tidak erti perkataan teknikal jangan cakaplah. Buka mulut sahaja tuduh orang. Saya 20 tahun menteri kah, 28 tahunkah, 48 tahunkah itu saya punya kebolehan. *[Dewan riuh]* Awak jadi...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tragedi orang India lah! Itu tragedi orang India! *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Awak jadi Ahli Parlimen lebih awal daripada saya. *[Dewan riuh]* You boleh letak jawatan kah?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Orang India menjadi *under class* di bawah pemerintahan, itu tragedi. *[Dewan riuh]* Indians become under class because of you. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Because of you dengan izin the whole Chinese community in this country confuse because of your politics, pergilah. *[Dewan riuh]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** What is MCA doing then. What is MCA doing?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** You don't even understand politics in this country. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Menteri-menteri MCA all confuse, malu MCA.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Ketua Pembangkang bodoh.

*[Dewan riuh-rendah]*

■1040

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat..

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Mana-mana satu perkara bagi jawapan salah saja, *[Dewan riuh]* Jadi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat, dia bangkit isu masyarakat India, pergi tengoklah masyarakat India lebih elok daripada dulu *[Dewan riuh]*.

Saya dalam beberapa tahun ini sudah melaksanakan beberapa banyak projek untuk menaikkan taraf hidup mereka. *[Dewan riuh]*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ninth Malaysia plan no special...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat..

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Awak tidak tahu apa ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kita tahu..

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Awak tidak tahu apakah rancangan dan tindakan...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kita tahu..Masalah yang dihadapi masyarakat India lagi teruk sekarang daripada 30 tahun dulu.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua, apa ini pasallah?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini peluang dan masa Menteri untuk menjawab. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Pergi tengoklah sekarang baru-baru ini pengambilan dalam civil service berapa India ada dapat? You tidak tahu! *[Dewan riuh]*

4. **Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah peruntukan subsidi tahunan yang telah disalurkan kepada rakyat dari 2004-2006 mengikut lima

sektor utama dan apakah kesan kejayaan dalam membantu rakyat sambil menjana pembangunan ekonomi Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**  
Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar, Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat dari tahun 2004 hingga tahun 2006 kerajaan telah mengeluarkan peruntukan berjumlah RM29.105 juta bagi membantu rakyat melalui pelbagai program subsidi. Bagi 2004 - RM6.2 bilion, tahun 2005 - RM11.8 bilion dan 2006 - RM11.02 bilion. Subsidi ini berbentuk subsidi padi, buku teks, petroleum, diesel dan LPG (gas masak), tol dan program bantuan makanan dan lain-lain subsidi, termasuklah subsidi untuk faedah-faedah bank bagi tabung-tabung yang tertentu.

Di antara subsidi yang telah diberi oleh kerajaan yang paling banyak ialah seperti petroleum, diesel dan LPG (gas masak) iaitu bagi 2004 - RM3.6 bilion, 2005 - RM9.2 bilion dan 2006 - RM8.5 bilion dan jangka pada 2007 mungkin meningkat lagi subsidi ini. Ini tidak termasuk cukai yang tidak dikutip bagi petroleum, diesel dan gas iaitu bagi 2004 - RM7.147bilion, 2005 - RM7.8 bilion, 2006 - RM7.38 bilion dan sehingga bulan Mei 2007 - RM2.9 bilion iaitu cukai jualan yang tidak dikutip untuk petroleum dan diesel. Jadi maknanya subsidi banyak Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan melalui program subsidi terhadap petroleum, diesel dan LPG berjaya menyumbang kepada kestabilan dan pengawalan harga barangan dan membantu mengurangkan kos operasi sektor-sektor tertentu seperti pengangkutan awam dan perikanan yang melibatkan kepentingan awam. Melalui program subsidi padi, kerajaan juga membantu rakyat secara langsung dengan mengurangkan beban petani dan dengan itu mendorong mereka terus kekal dalam aktiviti penanaman padi.

Program subsidi ini memfokuskan bantuan kepada golongan berpendapatan rendah, meningkatkan kuasa beli rakyat serta mengurangkan jurang ekonomi di antara kelas Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa rakyat semua berterima kasih kepada kerajaan di atas subsidi-subsidi yang diberikan selama ini, dan RM30 bilion dalam tempoh masa tiga tahun merupakan satu jumlah yang besar yang kita kena pastikan tiba kepada rakyat seperti yang kita harapkan.

Persoalan saya subsidi ini boleh memberi kesan seperti tidak mencerminkan harga barang kepada harga kos, juga meningkatkan aktiviti penyeludupan. Kita difahamkan tahun 2005, 10% daripada minyak kita yang di subsidi oleh kerajaan telah di bawa keluar, 10% ini berjumlah RM660 juta ini satu jumlah yang banyak.

Begitu juga dengan subsidi kepada barangan harga kawalan, kalau negeri-negeri yang bersempadan dengan Singapura, Brunei dan Thailand perkara-perkara ini bukan sahaja tidak

dapat dimanfaatkan oleh peniaga dan penduduk negara ini tetapi memberi manfaat kepada negara jiran, sebab harga dikawal dia beli dia untung dia bawa balik kita rugi.

Begitu juga dengan tol, kadang-kadang bila kita Yang Berhormat Menteri jaga tol dari sini kadang-kadang bila kita terpaksa menghentikan kenaikan harga kerajaan akan membayar pampasan. Jadi pampasan, subsidi dan ganti rugi ini saya rasa perlu diperjelaskan. Dan

bagaimana kerajaan berani untuk membuat perubahan supaya subsidi-subsidi ini bukan sahaja tidak terlepas dari tangan kita tetapi sampai kepada kumpulan sasar kerana RM9 bilion atau RM10 bilion setahun kita boleh buat macam-macam perkara untuk orang-orang miskin.

Walau bagaimanapun saya tidak nafikan ada sesetengah subsidi ini benar-benar memberi manfaat. Soalan saya apakah kerajaan berani untuk membuat perubahan, supaya menarik sebahagian subsidi yang tidak memberi manfaat yang tidak tepat kepada kumpulan sasar ditarik dan diberikan kepada satu kaedah yang lebih sempurna supaya rakyat yang benar-benar memerlukan dapat manfaat yang kita harap-harapkan, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan subsidi ialah untuk rakyat yang memerlukan, sebab itu kerajaan beri subsidi kepada seperti yang saya sebut tadi subsidi padi, subsidi buku teks, program bantuan makanan dan program-program untuk pinjaman bank bagi tabung-tabung seperti tabung *fund for food* dan sebagainya. Ini kerana kerajaan nak mengurangkan kos dan rakyat mendapat manfaat dan kerajaan dengan cara itu dapat mengawal harga inflasi kita menurun ataupun dapat dikawal dalam kadar 1.5% sehingga 2.5%, jadi rakyat mendapat manfaat.

Dalam hal ini memanglah berlaku bila harga barangan kita rendah berbanding dengan negara jiran memang berlakulah penyeludupan, ini masalah penguatkuasaan. Sekiranya penguatkuasaan kita diperbaiki saya yakin penyeludupan akan dapat dikurangkan, mungkin tidak dapat dihapuskan semua sekali tapi dapat dikurangkan. Termasuk juga subsidi minyak kepada nelayan, hari ini nelayan dapat minyak petrol, diesel dengan kadar harga RM1.00.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, contoh harga petrol sebenarnya RM2.60 kalau ikut masuk sekali dengan tanpa subsidi dan kerajaan ambil cukai jualan, harga petrol sebenarnya RM2.60 harga diesel RM2.00 tapi kerajaan bagi subsidi yang begitu banyak sekali, ini menguntungkan rakyat. Misalnya kalau tol, tol terlibat dengan *middle class* yang banyak kereta dan sebagainya, petrol yang banyak digunakan oleh kenderaan-kenderaan besar dan sebagainya, ini rakyat memberi kemudahan kepada ke seluruh rakyat - spektrum semua sekali yang miskin dengan yang *middle class* dan sebagainya. Jadi dalam hal ini kerajaan ialah kerajaan yang adil bagi kesemuanya sekali.

Soalan yang berikutnya ialah adakah kerajaan berani untuk nak berubah, ini satu perkara yang perlu kita bincanglah, saya yakin kalau kerajaan buat perubahan kurangkan subsidi akan timbul banyak pula soalan dalam Dewan ini sendiri. Jadi dalam hal ini kita harus pertimbangkan sewajarnya mengikut keadaan semasa Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya tak seronoklah kalau subsidi-subsidi ini kita tarik balik, kerana kalau kita tengok negara-negara barat Amerika Syarikat sendiri beri subsidi kapas kepada pengeluar-pengeluar kapas kerana hendak membenamkan kapas di negara Sudan, berbilion.

Kadang-kadang subsidi untuk pak tani-pak tani di negara-negara barat berbilion dibelanja, sedangkan di Malaysia pak tani-pak tani kita mendapat subsidi yang ala kadar sahaja.

Jadi saya memohon kepada pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan akan mengkaji semula sama ada subsidi yang diberi pada hari ini kepada pengusaha-pengusaha sama ada pengusaha-pengusaha industri motor, kereta, pengangkutan awam dan juga petani-petani ini dikaji semula mengikut kos yang meningkat pada hari ini. Contohnya kos pengeluaran padi hari ini dah meningkat, okeylah pegawai kerajaan dah dapat gaji tetapi petani menanggung pendapatan mereka daripada keluaran padi mereka. Begitu juga pengusaha-pengusaha teksi dan sebagainya.

■1050

Sama ada subsidi perlu kita pertimbangkan semula supaya kos-kos ini dapat menampung mereka untuk mencari makan. Jadi saya berharap pihak kerajaan akan meneruskan dan mengkaji semula supaya subsidi ini dapat ditambah supaya meringankan beban rakyat. Tuan Yang di-Pertua, pegawai kerajaan alhamdulillah dapat gaji, naik pangkat naik gaji, wakil rakyat tidak naik tidak apa kita tidak marah. Ini korban punya pasal, perubatan klinik di sini pun sudah tidak ada ubat Tuan Yang di-Pertua, kita pi *check* sahaja, ubat tidak ada, hina sungguh. Saya semalam macam hendak meleleh air mata. "Eh, sampai macam inikah kami wakil rakyat, berjuang dalam Dewan". Sakit kami hendak pi klinik ubat tidak ada, termasuk pembangkang ini kalau sakit sudah tidak ada ubat. Nanti pi *check*, pi beratur di Hospital Kuala Lumpur ambillah ubat, amboi. Kalau di sini tidak cukup kuorum, macam mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Balik pada subsidilah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini subsidilah. Jadi saya minta subsidi ubat kepada Ahli Parlimen di Dewan Rakyat. [*Ketawa*] Subsidi *in kind* dan subsidi-subsidi lain. Ini kadang-kadang biasa dalam negara-negara membangun. Kadang-kadang depa guna subsidi Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawal harga pasaran dunia. Jadi kalau di sini kalau kita tidak bagi dan saya mencadangkan kepada kerajaan juga bagi subsidi kesihatan kepada rakyat yang miskin dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang surat wakil rakyat tidak diterima oleh jabatan kerajaan ataupun hospital untuk tidak kena bayaran kepada orang miskin. Inilah yang saya harap supaya pihak kementerian, orang pertamanya Yang Berhormat, ini pelajar-pelajar Tuan Yang di-Pertua dari Balik Pulau, kawasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Depa mai hendak tengok Setiausaha Parlimen menjawab, baguslah. Jadi saya haraplah Yang Berhormat

kaji balik subsidi-subsidi supaya seimbang dengan kos peningkatan pada hari ini untuk kesejahteraan rakyat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai ini dia panjang lebar. Tuan Pengerusi saya ingat *the 'cist' of it*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dia minta tambah elaun Ahli Parlimen ini. Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita lihat subsidi padi contohnya RM24.81 bagi 100 kg padi bersih ditolak berat padi, hampas padi dan sebagainya. Akhirnya mendapat RM24.81. Memanglah tujuannya untuk menggalakkan penanam-penanam tadi kekal dalam usaha mereka dalam pertanian mereka tanam padi.

Kalau ditambahkan tadi memanglah depa akan bekerja lebih kuat lagi termasuk jaga padi supaya dapat sampai 10 tan untuk satu hektar dan sebagainya. Ini satu cara dan saya tidak boleh bagi jaminan di sinilah. Saya setujulah kalau hendak menggalakkan industri padi ini ditingkatkan supaya kita menjadi *self sufficient* dengan izin Tuan Yang di-Pertua patut digalakkan, patut diberi tambah subsidi. Ini terpulang kepada kementerian untuk mencadangkan kepada kerajaanlah. Mereka juga dapat baja padi, baja urea dan sebagainya ini dan untuk teksi Yang Berhormat sebut tadi, pengangkutan awam memang dapat sedikit subsidi tidak banyak sedikit dalam lima sen, 10 sen kurang daripada harga petrol pam.

Tetapi teksi mereka ada *option*. Selain daripada menggunakan diesel ataupun petrol, dia boleh menukar kepada gas, cumanya apabila saya sebut gas ini, ahli Ketereh dia pertikai, kerana gas pam ini tidak banyak lagi di Malaysia ini. Tetapi mereka memang ke arah itulah, kerajaan telah mengarahkan Petronas untuk mengadakan lebih banyak gas stesen ini di seluruh negara dan sebagainya. Dari segi kesihatan memang sebenarnya banyak subsidilah kerajaan bagi, kita bayar seringgit, kita boleh pergi jumpa doktor dapatkan ubat, ada pula ubat, dapat pula orang ini pergi ke hospital dapat ubat, dia buang ubat, dia ambil mc sahaja, dan sebagainya, ini berlaku kerana ubat itu perkhidmatan kesihatan begitu murah sekali, bayar seringgit jumpa doktor dapatkan ubat. Kalau ubat-ubat yang khas memanglah dia kena bayar sedikit, ini adalah usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan beban kepada rakyat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**5. Dato' Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah menjadi kesalahan seseorang itu mengambil sejumlah kad pengenalan orang bagi tujuan tertentu dan menggunakannya sebagai penyamaran dan nyata hasil siasatan yang dibuat ke atas laporan kes seperti di atas di Tanah Merah pada tahun 2004.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan di bawah Peraturan 8A, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990, berhubung memegang simpan kad pengenalan orang lain untuk sebarang tujuan adalah merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan dengan kesalahan, boleh dihukum di bawah Peraturan 25(1) peraturan yang sama. Hukuman yang boleh dikenakan ialah kenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi



RM20 ribu atau kedua-duanya sekali. Pihak kementerian tidak mempunyai maklumat berhubung laporan kes yang berlaku di Tanah Merah pada tahun 2004, sekian terima kasih.

**Dato' Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan kad pengenalan ini adalah merupakan satu kad yang perlu kita simpan bersama-sama kita walaupun ke mana kita pergi. Sekiranya kad ini beralih ke tangan orang lain, barang kemungkinan harta kita boleh dipinda milik, wang dari bank boleh dikeluarkan dan juga mungkin boleh disalahgunakan untuk mengundi sama ada mengundi dalam pertubuhan, dalam pilihan raya dan sebagainya. Ini merugikan kita dan memberi kesan kepada orang ramai dan juga masyarakat. Ini juga membahayakan kepada keselamatan negara kita di mana ianya boleh memberi kesan yang buruk kepada demokrasi dan sebagainya. Di sini saya minta kementerian menyiasat apa yang telah dibangkitkan dalam satu pertubuhan di tempat saya yang mana sebahagian besar, lebih daripada 150 kad pengenalan yang dikumpul dari tempat-tempat lain digunakan untuk diberi kepada orang lain untuk mengundi dalam satu pertubuhan pada tahun 2004.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terus terang sahajalah siapa yang kumpul itu.

**Dato' Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Saya minta supaya siasatan yang telah dilaporkan oleh polis supaya diteruskan kerana perkara ini masih belum selesai dan masyarakat masih lagi bertanyakan tentang siasatan kes tersebut. Jadi saya minta supaya kementerian menjelaskan apakah kesan-kesannya sekiranya kad pengenalan kita ini dipegang ataupun diberi kepada orang lain tanpa kerelaan kita, sekian terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanah Merah. Mengikut jawapan saya tadi, di bawah Peraturan 8A, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990, ini bermakna memegang simpan kad pengenalan orang lain adalah satu kesalahan. Jadi, hukuman tadi saya pun sudah sebut, iaitu penjara tidak melebihi tiga tahun dan denda tidak melebihi RM20 ribu atau kedua-duanya. Yang Berhormat boleh bagi tahu saya mana satu pertubuhan yang telah menyalahgunakan kad pengenalan orang lain untuk menghadiri mesyuarat pertubuhan itu dan jika terdapat bukti-bukti yang tertentu, maka JPN boleh ambil tindakan dengan segera dan di samping itu polis pun boleh mengambil tindakan. Sekian terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, pasal itu kad pengenalan tulen, ini fotostat *copy*, salinan. Saya bagi contoh, *prepaid* kita hendak elakkan buat fitnah, sekarang semua *prepaid phone*, *hand phone* kena *register* daftar. Sedar tidak kemungkinan mereka yang tidak mahu mendaftar *prepaid* kad ini dengan menggunakan nama mereka sendiri barangkali menggunakan fotostat *copy* orang lain yang dibuat lebih awal ataupun mereka yang menggunakan *photocopy* kad

pengenalan orang lain untuk tujuan tadi sebut SPR, tidak ada, pinjaman, kad kredit dan sebagainya.

■1100

Jadi apakah langkah-langkah keselamatan untuk memastikan mereka tidak sewenang-wenangnya menggunakan *photostat copy* atau fotokopi IC, kad pengenalan ini untuk mengelakkan orang lain tertipu menanggung rugi, jatuh bankrap dan sebagainya. Apakah pihak Yang Berhormat mungkin mewajibkan satu undang-undang, hukum dan sebagainya atau mengesahkan semua fotokopi yang diguna pakai untuk tujuan pinjaman dan sebagainya mestilah mendapat pengesahan lebih awal ataupun dengan cara yang terbaik. Kalau tidak, pelaku-pelaku ini masih bebas, tidak takut.

Apakah sudah tiba masanya satu undang-undang baru yang lebih relevan diperkenalkan untuk mengelak mereka yang menjadi mangsa ke atas fotokopi yang disalahgunakan oleh orang lain atau fotokopi orang yang tidak bersalah. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan daripada Yang Berhormat. Kita akan kaji tetapi saya ingin mengingatkan kepada syarikat-syarikat seperti bank, *credit card company* dan syarikat yang lain apabila menerima permohonan, mereka pastikan kad pengenalan tulen boleh diperiksa dan pastikan kad pengenalan itu adalah kad pengenalan pemohon. Ini adalah sangat penting. Pada masa sekarang kita ada alat pembaca MyKad, jadi syarikat-syarikat boleh gunakan alat pembaca MyKad untuk memastikan cap jari atau *thumbprint* seseorang pemohon sama ada tepat atau tidak. Jadi ini adalah satu cara yang terbaik untuk syarikat yang tadi saya sebut. Sekianlah, terima kasih.

**6. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah untuk mempromosikan penggunaan SECOND LINK Gelang Patah serta indeks penggunaan mengikut kenderaan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LINKEDUA Sdn. Bhd. telah menjalankan promosi berbentuk iklan melalui media elektronik dan media cetak sebagai langkah untuk meningkatkan penggunaan lebuh raya ini. Syarikat juga turut mengadakan siri promosi bergerak di Singapura bagi menggalakkan penggunaan lebuh raya LINKEDUA, khususnya kepada rakyat Singapura. Di samping itu, aktiviti SECOND LINK Bridge Run turut diadakan sebagai acara tahunan untuk menggalakkan penggunaan lebuh raya tersebut.

Pada masa yang sama, aktiviti pembangunan Pusat Pentadbiran Negeri Johor yang baru dikenali sebagai Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) melibatkan pembangunan secara berperingkat dalam tempoh 10 tahun termasuk pembangunan perumahan sedang giat dijalankan di antara tol plaza dan persimpangan Gelang Patah. Projek ini dijangka akan juga menjana trafik Lebuh Raya Laluan Kedua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2006, Lebu Raya Laluan Kedua Malaysia-Singapura telah mencatatkan jumlah trafik sebanyak 9,848,736 kenderaan berbayar yang terdiri daripada kenderaan Kelas 0 hingga Kelas 5. Sementara itu bagi tahun 2005, jumlah trafik adalah sebanyak 9,704,522 kenderaan. Ini menunjukkan adalah peningkatan sebanyak 144,214 kenderaan. Terima kasih.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan diberikan. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian sedang membuat kajian tentang kemampuan LINKEDUA untuk menampung pertambahan pengguna SECOND LINK atau LINKEDUA apabila Bandar Nusajaya, pusat pentadbiran baru itu mula beroperasi.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah mencadangkan satu sambungan di antara LINKEDUA dengan Tambak Johor di mana banyak di antara lalu lintas boleh juga menggunakan jalan tersebut apabila mereka menghadapi kesesakan lalu lintas di Tambak Johor tetapi ini tidak dapat diluluskan oleh kerana mereka tidak ada peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan kepada Dewan yang mulia ini, bilangan kenderaan yang maksimum yang boleh ditampung oleh LINKEDUA dan bukannya sekarang dengan kaunternya, 24 atau 25 kaunter itu, kebanyakannya kaunter Imigresen, tidak sibuk, ada lalat dan sebagainya. Selain daripada cadangan Yang Berhormat Menteri tadi, apakah cadangan lain termasuklah mungkin kadar bayaran diturunkan sedikit atau apa sahaja insentif untuk...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Jalan sunyi, *gang rape and all that*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *Gang rape... [Ketawa]* *Gang rape* di kawasan luarlah, kawasan lain. Itu termasuk keselamatan di sekitar itu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan kepada Dewan ini macam mana kita boleh menggalakkan laluan itu digunakan dengan sepenuhnya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Sebelum saya jawab soalan Yang Berhormat bagi Kepong, saya percaya Yang Berhormat sudah mendapat sedikit galakan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi. *[Disampuk] [Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa saya jawab tadi, kita tengah tunggu projek Wilayah Pembangunan Iskandar yang dicadangkan oleh kerajaan baru-baru ini. Dengan itu beberapa cadangan baru boleh diadakan. Selepas itu kita boleh juga menaikkan bilangan kenderaan kepada jambatan yang kedua yang kita sedia ada. Jambatan yang telah dibina boleh juga menampung lebih kurang 200 ribu lebih sehari.

7. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pelawat asing beragama Islam yang masuk ke negara kita mengikut kategori seperti pelajar, pelancong, pekerja, peniaga dan lain-lain ekspatriat. Sejauh manakah kelakuan mereka tertakluk kepada undang-undang syariah.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen Malaysia tidak menyimpan statistik pelawat asing mengikut kategori agama. Peraturan semasa hanya merekodkan nama negara, nama pelawat atau dari mana pekerja asing tersebut datang. Semua pelawat asing ke Malaysia adalah diwajibkan menghormati undang-undang di sini termasuk undang-undang syariah. Maklum balas yang diterima juga menunjukkan kebanyakan wakil negara asing menghormati perundangan serta adat resam dan kepercayaan negara ini. Sekianlah, terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan asal saya yang saya kemukakan itu adalah dituju kepada Perdana Menteri, tetapi saya tidak tahu bagaimana ia telah pergi kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana soalan saya adalah berkaitan dengan aplikasi undang-undang.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita pernah ada satu kes di mana terdapat satu pasangan pelancong dari luar negeri yang disyaki beragama Islam, disyaki belum berkahwin dan kerana duduk sebilik di dalam sebuah hotel walaupun mereka telah berkahwin, telah diambil tindakan oleh pihak pejabat agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita, kita dapat melihat ramai pendatang asing yang telah masuk ke negara kita sama ada sebagai pelancong atau pekerja ataupun pendatang asing dan kebanyakan pendatang asing yang datang dari negara Bangladesh, Pakistan dan Indonesia, khususnya, adalah beragama Islam.

■1110

Maka saya hendak tanya bagaimanakah pihak kerajaan dapat memantau dan menjaga atau memantau kelakuan mereka kerana ramai pekerja asing dan pendatang asing itu tidak berkahwin dan mereka duduk di Malaysia. Pihak kementerian walaupun tidak ada data, tetapi pejabat imigresen boleh menyemak dari segi visa dan jenis agama mereka. Minta penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, semua pelawat asing datang ke Malaysia wajib menghormati undang-undang di negara ini. Jadi sesiapa yang melanggar undang-undang negara ini mereka boleh diambil tindakan undang-undang. Jadi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai kes itu, pihak JAKIM ada kuasa untuk mengambil undang-undang syariah atau ambil tindakan ke atas mereka jika mereka disabit kesalahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkenaan dengan soalan ini saya ingin tanya apakah langkah

yang akan diambil oleh kementerian terhadap pendatang Afrika yang selalu membuat bising dan membuat banyak gangguan terhadap masyarakat kita di Kuala Lumpur. Ada banyak aduan yang dibangkitkan oleh Senator dari Bukit Bintang, bekas calon Bukit Bintang berkenaan dengan orang Afrika membuat banyak kacau-bilau di kawasan Bukit Bintang. Ia juga berlaku di kawasan saya. Setiap kali bila kami panggil polis datang, polis kata mereka tidak boleh buat apa-apa kerana orang Afrika ini memegang surat daripada UNCHR. Selalunya mereka ini dibebaskan begitu sahaja dan mereka selalu datang balik dan membuat banyak kacau-bilau.

Jadi saya ingin tanya, apakah visa yang dipegang oleh mereka dan apakah pendirian kementerian terhadap mereka dan bagaimanakah pihak kementerian mengambil langkah untuk mengatasi masalah gangguan yang disebabkan oleh mereka.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, Imigresen Malaysia ada keluarkan pas pelajar, pas lawatan sosial, pas lawatan kerja sementara, pas pengajian dan pas yang lain-lain. Jadi sesiapa yang salah guna pas itu, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka.

Di samping itu, kita dapat tahu bahawa pelawat atau wakil Afrika selalu datang ke Malaysia dan telah melakukan perkara-perkara yang tidak baik, oleh itu penguat kuasa imigresen telah menjalankan pemeriksaan ke tempat-tempat yang kita terima maklumat balas dan di pintu masuk kita telah meningkatkan dan mengetatkan pemeriksaan ke atas...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini bukan soal di pintu masuk Yang Berhormat, ia dalam negara membuat angkara dan masuk membuat jenayah berbagai-bagai. Ada dua perkara jenayah yang mereka buat iaitu dadah dan juga wang palsu. Ini berlaku bukan sahaja di negara kita, di negara jiran saya diberitahu soal keselamatan...

**Datuk Tan Chai Ho:** Kita ada dua cara, satu di pintu masuk kita mengetatkan pemeriksaan. Kalau mereka disyaki, mereka yang dikatakan tidak dibenarkan masuk ke Malaysia, kita akan tolak kemasukan mereka. Ini satu cara yang pertama. Yang kedua kita menerima maklumat balas di mana mereka telah salah guna visa atau pas, jadi kita ambil tindakan terhadap mereka. Itu sebab kita selalu membuat operasi mengejut supaya boleh tangkap mereka dan bila mereka telah disabitkan kesalahan, kita akan usir mereka keluar dari negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Putatan. Soalan pun lain, ini pelawat yang beragama Islam.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kebanyakan orang Afrika ini beragama Islam, mereka minum, mereka buat bising di kawasan saya, di kawasan Bukit Bintang. Jadi apa langkah yang diambil oleh kementerian?

**Tuan Yang di-Pertua:** Putatan teruskan cepat.

8. **Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) adakah kerajaan sedar bahawa terdapat syarikat yang menggunakan nama bumiputera sebagai Ahli Lembaga Pengarah walhal pemilik sebenar bukan bumiputera; dan
  - (b) jika perkara ini berlaku, apakah peratusan pegangan ekuiti bumiputera dalam bursa saham betul.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan mengenai ekuiti individu syarikat-syarikat tersenarai di Bursa Malaysia Bhd. yang digunakan bagi penyediaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), diperoleh berasaskan rekod maklumat rasmi yang terdapat di Bursa Malaysia Bhd dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Oleh yang demikian, dakwaan mengenai wujud syarikat yang menggunakan nama bumiputera sebagai Ahli Lembaga Pengarah sedangkan pemilik sebenar bukan bumiputera perlu diasaskan kepada bukti yang sah dari segi undang-undang. Pada masa ini tidak terdapat fakta dan maklumat yang boleh dijadikan sebagai bukti kukuh berhubung dengan dakwaan tersebut.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Soalan tambahan. Sebelum saya membuat soalan tambahan, saya ingin menghuraikan jawapan Yang Berhormat tadi. Kita semua sedar, Yang Berhormat sendiri sedar, tahu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tahu perkara tersebut yang mana syarikat-syarikat yang - terutama sekali syarikat pembinaan. Pengerusinya orang bumiputera yang ada pengaruh. Mereka ini yang melobi-lobi untuk mendapat projek pembinaan. Tetapi syarikat yang beroperasi ini bukan bumiputera. Semua masyarakat kita sedar ada juga syarikat yang peringkat kecilan seperti Kelas F kontraktor dipunyai oleh orang bukan bumiputera, tapi 100% nama dalam syarikat Kelas F itu bumiputera. Ini dianggap sebagai proksi kepada seorang yang duduk di jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan sebagainya.

Kita semua sedar Yang Berhormat, dan apakah langkah pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah kerana angka yang kita pakai dalam bursa saham itu amatlah diragui dan bukan tidak betul. Sekian.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam hal syarikat ini kita harus jangan keliru. Apa yang dimaksudkan dengan syarikat bumiputera, ia mestilah melebihi 51% ekuiti iaitu pemilikan saham. Jadi di dalam sesebuah syarikat mungkin Ahli Lembaga Pengarahnya ada Pengerusi ataupun Ahli Lembaga Pengarahnya daripada kalangan minoriti ataupun majoriti. Ini terpulung kepada syarikat sewaktu membuat pemilihan Ahli Lembaga Pengarahnya, tetapi status syarikat sekiranya ia lebih 50%, tetap ia adalah bumiputera dan sekiranya kurang, tentulah tidak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi kedudukan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat memang kita dapat kenal pasti sekiranya diberi maklumat yang tepat kepada pihak kerajaan, kerajaan boleh menyenaraikan syarikat-syarikat tersebut dan ia akan dihalang untuk mengambil bahagian di dalam tender ataupun peluang-peluang yang seterusnya.

■1120

Di samping itu, saya ingin menegaskan kepada Dewan ini iaitu soal ekuiti bumiputera ini khususnya di dalam senarai syarikat-syarikat *listed company* dengan izin ia sudah tentu berubah. Setiap hari ia berubah kerana terdapat saham-saham yang diapungkan dan boleh dibeli pada bila-bila masa. Jadi sudah tentu peratusnya berubah dari satu masa ke satu masa. Hari ini berubah, besok pun berubah. Tetapi di dalam perancangan kerajaan, kerajaan akan menetapkan satu masa untuk membuat perancangan bagi rancangan-rancangan Malaysia dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa sebenarnya apa yang dilakukan oleh kerajaan kita mempunyai satu jawatankuasa teknikal yang terdiri daripada pakar-pakar ataupun mereka yang mahir di dalam bidang-bidang ini iaitu daripada Unit Perancang Ekonomi, daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), daripada Suruhanjaya Sekuriti, daripada Bursa Malaysia, daripada Permodalan Nasional Berhad dan mereka inilah yang menjadi jawatankuasa dan mendapat maklumat-maklumat ataupun *sources of data* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan data-data ini di kumpul dan kita tentukan berapa ekuiti bumiputera dari satu masa ke satu masa.

**Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya sebagaimana jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa tidak ada bukti ataupun tidak dapat dibuktikan mereka yang melakukan kesalahan ini, tetapi kadang-kadang di dalam sebuah syarikat yang disenaraikan atau hendak disenaraikan di bursa-bursa saham ini kita diberitahu bahawa kadang-kadang pemegang ekuiti ini adalah pemandunya, pelayan pejabatnya atau peringkat rendah yang tak tahu apa-apa. Tetapi perkara ini memang sangat sukar dibuktikan, tetapi apabila penapisan dibuat saya minta kementerian ataupun jabatan-jabatan meneliti ataupun menilai sama ada orang ini betul-betul layak ataupun *just* untuk meletakkan nama mereka saja sebagai memenuhi syarat. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memang perkara-perkara ini juga telah kita dapat maklumat seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan sudah tentu dari satu masa ke satu masa pihak-pihak yang berkenaan terutamanya untuk disenaraikan di suruhanjaya, kita akan perkukuhkan dan sebab itulah arahan-arahan baru dari satu masa ke satu masa dikeluarkan khususnya sama ada oleh bursa Malaysia ataupun oleh Suruhanjaya Sekuriti dan juga Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Jadi perkembangan-perkembangan mutakhir ini telah memberi satu pendekatan baru kepada agensi-agensi yang saya sebutkan tadi.

9. **Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kriteria utama bagi perancangan membina jalan raya khasnya di Sabah. Berapa peratus jalan berturap dan belum diturap berbanding dengan keluasan muka tanah negeri ini.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria-kriteria utama perancangan jalan-jalan utama di Sabah adalah seperti berikut:

- (i) keperluan kepada perhubungan darat antara daerah, bandar dan kawasan pertumbuhan ekonomi iaitu sektor perladangan, perindustrian dan pelancongan dengan pelabuhan dan lapangan terbang;
- (ii) keperluan terhadap perhubungan darat yang selamat dan pantas; dan
- (iii) keperluan mengurangkan kesesakan trafik dalam kawasan perbandaran.

Seterusnya perancangan jalan raya melibatkan kajian-kajian tertentu dan perlu mengambil kira faktor-faktor yang berikut:

- (i) kajian awal tapak geografi dan topografi;
- (ii) kajian impak ke atas ekonomi;
- (iii) kajian impak ke atas alam sekitar; dan
- (iv) kajian impak ke atas sosial

Kajian-kajian di atas digunakan untuk menentukan kos dan reka bentuk jalan yang sesuai bagi projek-projek jalan raya. Selain itu juga, saya akan memberi keterangan kepada Ahli Yang Berhormat apabila kita bawa rancangan-rancangan seperti itu di mana-mana kawasan mempunyai banyak bukit dan lain-lain, kita juga akan menggunakan *aerial laser trying for filing* dengan izin untuk mendapat maklumat-maklumat di mana kita boleh membina lebuh raya atau tidak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keluasan tanah negeri Sabah adalah 76,114 kilometer persegi. Manakala jumlah panjang jalan berturap ialah 3,881 kilometer dan jumlah panjang jalan yang belum diturap ialah 5,063 kilometer. Ini bermakna peratusan jalan berturap berbanding keluasan negeri Sabah ialah 5.1% manakala peratusan jalan yang belum berturap iaitu 6.65%. Terima kasih.

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas penjelasan dan jawapan yang begitu bermakna sekali. Tapi kita lihat kalau 5.1% saja yang diturap sedangkan keluasan negeri Sabah begitu luas sekali, maka agak sedihlah. Sebenarnya kalau kita tinjau betul-betul memang banyak lagi



kawasan-kawasan, jalan-jalan yang belum diturap. Contohnya di kawasan saya, satu kawasan yang kalau diturap sangat akan melancarkan perjalanan trafik. Jalan itu ialah Jalan Mensiang - Pulutang di mana sebenarnya kontrak untuk penurapan telah diberi pada hujung tahun 90 an dengan kerja sebagai kontrak payung dan sepanjang lebih kurang empat kilometer tapi sehingga sekarang jalan itu belum diturap. Jadi bagaimanakah perjalanan ini dapat dijalankan sedangkan penting supaya jalan ini dapat diturap. Minta penjelasan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ada juga membelanjakan beberapa juta ringgit di negeri Sabah kadangkala kita dapat juga kawasan-kawasan di mana ada masalah seperti ini. Masalah kecil kadangkala memberi lebih sakit kepala kepada kita daripada masalah besar iaitu rancangan-rancangan besar sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya. Walau bagaimanapun, saya akan minta Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah untuk menyasat dan bagi laporan kepada saya. Jikalau tidak ada peruntukan untuk menjalankan kerja, kita akan memberi peruntukan daripada kementerian.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih menteri yang mungkin akan menjawab soalan ini. ingin penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai Jalan Kalabakan - Sakulut iaitu dalam kawasan Parlimen Kalabakan dan juga kawasan Parlimen Pensiangan.

■ 1130

Saya difahamkan jalan raya ini telah diberi satu konsesi iaitu lebih kurang RM600-RM700 juta untuk menyiapkan jalan raya tersebut. Apa yang saya ingin penjelasan daripada kementerian bahawa jalan raya ini telah ditukar ataupun telah diturun taraf. Pada mulanya jalan raya ini adalah akan diaspalkan. Tapi sekarang ini jalan raya ini telah ditukar taraf dan tukar *spec* menjadi jalan kelikir. Saya ingin penjelasan daripada kementerian sama ada perkara ini betul ataupun tidak. Kalau perkara ini betul, saya rasa ini adalah memalukan kepada negeri Sabah bahawa banyak jalan-jalan raya yang perlu untuk kita bangunkan di kawasan tersebut. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya semalam kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan sendiri, saya telah menerangkan iaitu perkara ini dalam siasatan. Apabila saya dapat laporan yang terperinci, saya akan menulis kepada dua-dua Yang Berhormat berkenaan dengan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soal jawab lisan untuk pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**TUDUHAN RASUAH DAN PENYALAHGUNAAN KUASA  
TERHADAP TIMBALAN MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI  
DAN KETUA POLIS NEGARA**

**11.31 pagi**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di bawah Peraturan 18(1) untuk membacakan usul yang berbunyi bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Dewan mengizinkan Ketua Pembangkang Lim Kit Siang untuk mengemukakan usul tertentu, kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan berkaitan dengan tuduhan rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang serius terhadap Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri - Yang Berhormat Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu), Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai polis kanan yang lain oleh laman-laman web yang dikenali dan tidak dikenali pengarangnya serta kegagalan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mempertahankan kredibiliti, integriti dan kewibawaan kerajaan.

Lebih kurang 14 minggu dahulu, rakyat Malaysia terkejut dengan laporan berita kebebasan untuk dijual sebanyak RM5.5 juta bahawa Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri didakwa membebaskan tiga tahanan Ordinan Kecemasan mengikut laman-laman web dan tidak dikenali yang bertajuk 'Datuk Johari, Timbalan Menteri yang paling berkuasa dan rasuah'. Ketua Polis Negara dengan serta-merta menyeru supaya siasatan dijalankan secara terbuka dan adil serta berkata bahawa tuduhan-tuduhan tersebut tidak dapat dinafikan sebelum siasatan disempurnakan. Walaupun Badan Pencegah Rasuah telah menyempurnakan siasatan ke atas tuduhan kebebasan untuk dijual yang bernilai RM5.5 juta tidak lama selepas timbalan menteri disoal oleh pegawai-pegawai BPR pada 19 Mac dan kertas siasatannya dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara.

Meskipun timbalan menteri sering mendesak supaya hasil siasatan diumumkan, tetapi orang ramai masih tidak mengetahui hasil siasatan. Pada 3 dan 9 Jun 2007, portal berita *Malaysia Today* menyiarkan dua artikel yang ditulis oleh Raja Petra Kamarudin dalam siri '*The Corridors of Power*' yang berkaitan dengan jenayah terancang dan pihak polis serta mendakwa Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai polis atasan terlibat dalam rasuah dan penyalahgunaan kuasa termasuk tuduhan rasuah terhadap Ketua Polis Negara sebanyak RM2 juta. Apakah tindakan yang telah diambil untuk menyasat tuduhan-tuduhan serius yang dibuat oleh artikel-artikel dalam portal *Malaysia Today* terhadap Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai polis atasan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat Kawasan

Ipoh Timur pada hari Jumaat, 15 Jun 2007. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu;
- (ii) bahawa ialah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) bahawa ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai, ia adalah juga kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan. Ianya masih dalam tindakan dan siasatan Badan Pencegah Rasuah. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG MAKMAL PATOLOGI 2007**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawalan makmal patologi dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN MELALUI UDARA (PINDAAN) 2007**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Melalui Udara 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA 2007****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Agensi Kelayakan Malaysia sebagai badan kebangsaan untuk melaksanakan rangka kelayakan Malaysia, untuk mengakreditasi program dan kelayakan pendidikan tinggi, untuk mengawasi dan mengawal selia kualiti dan standard pemberian pendidikan, untuk mengadakan dan menyelenggarakan daftar kelayakan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2007****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[18 Jun 2007]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Jerai untuk menyambung ucapannya.

**11.38 pagi**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya memandang pindaan Rang Undang-undang ini iaitu contohnya pembuangan toksik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kalau pembuangan toksik ini di sini kita letakkan hukuman lima tahun penjara dan hendaklah juga didenda tidak melebihi RM500,000. Tetapi kalau disebabkan oleh pembuangan toksik itu menyebabkan kematian, menyebabkan kecacatan ataupun kesihatan orang-orang yang di tempat-tempat buangan toksik itu saya kira hukuman ini tidak setimpal kerana kalau ia tidak melibatkan nyawa mungkin hukuman ini berpatutan. Tetapi kalau ada kematian disebabkan oleh buangan toksik ini, maka saya mencadangkan supaya syarikat ataupun pemilik syarikat itu harus kita caj mereka di bawah membunuh. Kerana mereka membunuh! Ini benda yang betul. Kalau

tidak kita pi buang toksik di Kuching, kalau Yang Berhormat bagi Bandar Kuching matilah, siapa yang susah? Mahu ada *by election* tentulah BN menangkan? [Ketawa]. Tapi ini melibatkan nyawa ataupun ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bandar Kuching bukan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau di Bandar Kuching, bukan hanya Yang Berhormat bagi Bandar Kuching sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tapi dia cari itu pemimpin yang bising-bising dahulu. Itu toksik pun dia cari orang. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi saya, kita minta ada alternatif di situ. Maknanya kalau disebabkan oleh pembuangan toksik di dalam sesuatu kawasan itu melibatkan kematian, maka adakah adil kita hanya denda, memasukkan mereka ke dalam penjara selama lima tahun dan denda RM500,000. Apa dia RM500,000 kepada syarikat yang besar? Yang sepatutnya mereka, syarikat yang besar ini ataupun syarikat-syarikat yang menjaga buangan-buangan ini harus mereka jaga dengan baik kerana kerajaan telah menetapkan kawasan untuk buangan toksik ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tetapi kerana hendak menjimatkan kos, mereka sanggup untuk melibatkan masyarakat dengan kesakitan, kematian dan macam-macam lagi. Sila, sila Panglima Sungai Petani.

■1140

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Yang Berhormat sebut disebabkan oleh sebab alam sekitar, disebabkan toksik yang menyebabkan kematian. Maka hendaklah dia ada satu tambahan peraturan di mana mereka akan didakwa atas menyebabkan kematian itu. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat atau pandangan Yang Berhormat, macam mana kita hendak tahu kematian dia disebabkan oleh toksik ataupun tidak. Boleh jadi kerana soal lain. Jadi, bolehkah Yang Berhormat jelaskan kepada Dewan yang mulia ini bagaimanakah kita hendak buat penentuan bahawa kematian itu disebabkan oleh sebab toksik, disebabkan oleh sebab minum air yang tercemar ataupun menghidu udara yang tercemar yang Yang Berhormat bangkitkan ini? Boleh Yang Berhormat jelaskan kepada kita? Kita hendak cari juga pakar-pakar yang boleh menentukan ini. Kalau tidak, kita hendak bawa *evidence* ini tidak ada dan mungkin kes itu akan dibuang sahaja begitu. Boleh Yang Berhormat jelaskan kepada kita?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Itu senang sahaja Yang Berhormat. Senang ini, kita zaman moden, zaman canggih, kita ada hospital, kita ada pakar di

hospital walaupun klinik hospital kita hendak ditutup. Itu lain hal. Tengok kawan saya, dengar Jasin batuk, keh, keh, keh. Kenapa, tak dapat ubat kah?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Belum dapat ubat lagi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Belum dapat ubat. Ini pun mencemar Dewan ini. Alam sekitar, bila dia batuk, batuk, ini mencemar. Kemudian dia jangkit kepada Tuan Yang di-Pertua, esok sudah tak boleh menjalankan tugas. Ini, pihak kementerian bukan fikir. Ketua Setiausaha Kementerian, Tan Sri itu, bukan fikir. Dia kata, apa sahaja ada kepada Ahli Parlimen? *Who are they? Who are the members of Parliament? What bloody hell dia boleh kata begitu pula? [Disampuk].*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat penjelasan, penjelasan. Yang Berhormat, siapa yang kata macam itu dekat Yang Berhormat, kepada Ahli Parlimen? Saya baru masuk ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kementerian Kesihatan. Mereka mengatakan kita ini *nobody*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa cakap Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana ada cakap macam itu?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ada, saya dapat informasi. Saya buat kerja Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh bawa saksi Tuan Yang di-Pertua. Maknanya dia menghina Parlimen, menghina Perdana Menteri, menghina Timbalan Perdana Menteri, menghina Agong. Patutnya Tan Sri *shift* pun kena tarik baliklah. Apakah salah Tuan Yang di-Pertua, klinik bukan 24 jam. Bukan hari-hari. Kalau kita bersidang sahaja, baru ada klinik itu untuk hendak menjaga kesihatan Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai yang bekerja di Parlimen ini.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan Yang Berhormat, boleh?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Boleh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya agak terkilan dengan apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat kerana saya juga ada hak yang sama dan apabila ada *statement* yang sedemikian kepada kita, saya ingat ini perlu dibuat sesuatu. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, sekiranya perkhidmatan klinik itu sudah diletakkan di Parlimen ini, ia menjadi tempat di Parlimen ini. Ia tidak boleh dipindahkan sembarangan tanpa mendapat makluman, pengetahuan, kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, *the Chair there*. Sekiranya ianya dibuat begitu sahaja, apakah ianya bermakna, hendak katakan eksekutif, bukan eksekutif ini. Di mana letaknya, apakah eksekutif mengatasi *legislative* atau apakah ini bukan satu *contempt of Parliament*? Sebab dia sewenang-wenang sahaja, bubuh, tarik. Kalau sudah tempat ini duduk di Parlimen, dia duduklah di Parlimen. Kalau tidak, berkiralah dengan kita. Apa pandangan Yang Berhormat? *I think this is dengan izin, contempt of Parliament.*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Memang Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya, ini bukti. Bukan saya hendak bercakap, tetapi saya terpaksa bercakap kerana saya merasakan penghinaan bukan kepada saya, tetapi penghinaan kepada Parlimen. Tempat rakyat memilih. Yang Berhormat daripada Jasin, dia cakap kepada saya kelmarin. Dia kata, "Dato', saya ini batuk. Tidak sihat hendak pergi klinik sekejap". Dia pergilah klinik dan kita dapat doktor di sini, doktor yang terbaik. Doktor yang dia mengangkat sumpah, apabila memegang jawatan dia berkhidmat untuk rakyat, dia kata. Saya berbincang dengan dia dan kepada saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, dia berkata, "*If you are in Kuala Lumpur, dengan izin, kalau Dato' sakit bila malam-malam, nombor telefon saya. Saya bagi dekat Dato'. Call me*". Begitu juga kadang-kadang dia pergilah ambil ubat di hospital. Bawa mai untuk Ahli Parlimen kerana dia tahu Ahli Parlimen adalah orang yang penting, banyak tugas dan kerja. Jadi, dia berkorban sedikit untuk kesenangan wakil rakyat. Bukan hari-hari wakil rakyat sakit, tetapi dia punya *head office*, ketua di Hospital KL, kata, "*You are not messenger. You are doctor*". Itu dia suka hendak buat. Kalau saya suka hendak buat kerja itu kerana hendak mengeratkan kawan-kawan di sini, apa salahnya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Ini bukan Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekelilinglah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini alam sekitar, dada sakit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, dada sakit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia bila dada sakit, melibatkan alam sekitar Tuan Yang di-Pertua. Tercemar dada sayalah. Nanti Tuan Yang di-Pertua pun sakit, saya pun mahu ziarah. Kalau Tuan Yang di-Pertua sakit, saya mahu bawa pergi klinik macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya takut dengar banyak, nanti saya pun sakit. Jadi, balik kepada tajuk. *[Dewan riuh][Ketawa]*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya, tengok hari ini macam mana? Dok penat lagi tak?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Mengangguk kepala]*.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Oh, angguk sahaja, angguk sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Pagi tadi saya jumpa di pintu, hap, hap penat Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*. Pasal doktor boleh *exam* dia, tetapi ubat dia kena pergi HKL ambil. Saya tidak mahu pihak kementerian, pihak Hospital Kuala Lumpur menganiayai doktor yang ada di sini. Doktor ini doktor yang cukup baik. Dia harus diberi sebagai pekerja terbaik Kementerian Kesihatan. *[Tepuk]*. Kalau ada sesiapa yang mengganggu-gugat beliau, kami Ahli-ahli Parlimen di sini akan pertahankan doktor itu. *[Tepuk]*. Ini janji kami kepada doktor dan juga orang ini, kepada pihak kementerian dan Hospital Kuala Lumpur supaya jangan

menghina Parlimen ini. Jangan menghina kami, kerana kami ini dipilih. Kalau walaupun wakil rakyat dipilih dihina, mereka sebagai pegawai kerajaan, ketua itu, apakah taraf mereka lebih hina daripada kami? Tuan Yang di-Pertua, cukup sudah kesabaran kami...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah. Nanti Yang Berhormat cakap banyak, sakit, tak ada doktor pun susahlah. Baiklah. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Okey. Saya *cool down, cool down*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tolong *down* sedikit, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bukan ada apa. Saya pun tahu. Di dunia ini, bila tuhan cipta manusia, semua manusia ini sama. Dia tidak ada darjat. Tidak ada dua darjat, sama dan kita bila mati masuk dalam liang Tuan Yang di-Pertua. Enam kaki itu kita masuk, habislah. Kalau kita ada banglo besar, kita ada isteri cantik, kita *millionaire*, apa *aire* pun, kita sana juga *aire*. Kepong pun akan pi situ juga. *[Ketawa]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Semua akan pergi situ.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan libatkan Kepong. *[Ketawa]*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, Kepong sebagai seorang doktor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi dia orang yang baik, jangan kacau dia.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sebagai seorang doktor, bila doktor macam doktor hospital kita ini kena macam itu, tentu dia simpati. Dia sebagai doktor, dia *defence*. Betul tak Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Mengangguk kepala]*.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Angguk sahaja. *[Ketawa]*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kepong bagus, dia tak macam Kuching. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengharaplah, kes.. Saya tidak ada ruang kerana ini alam sekitar. Sakit-sakit ini menyebabkan doktor dan sebagainya. Saya mengharapkan supaya pihak kementerian dan menteri sendiri melihat perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, bukanlah kita kata, kita Ahli Parlimen ini, kita besar. Tak ada apa. Kita pun tahu, sedar diri, tetapi kalau kita sakit waktu ini? Macam mana Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kadang-kadang Yang Berhormat, kalau bercakap kerap sangat, pengsan di sini. Ubat tak ada pun susahlah.



■1150

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Macam mana? Macam mana? Dia boleh mari tengok dia kata MP Jerai pengsan, tapi ubat tak ada, macam mana mahu bagi saya sedar balik?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sungguhpun Yang Berhormat Kepong doktor tetapi bukan setiap masa dia ada di sini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Dia ubat kulit pun dia tak bawa. Dia pakar kulit. Dia sakit kulit boleh.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Dia tengok kulit kita.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Kalau had dia tak boleh. Dia tengok kulit sahaja. Ini alam sekitar, kulitlah [*menepuk lengan kirinya*].

Itu toksik kalau dibuang dia menyebabkan manusia ini sakit.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pasir Puteh, doktorkah Yang Berhormat? Yang Berhormat seorang doktorkah? Bukanlah.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Doktor, sebab saya takut jatuh tadi, Yang Berhormat Jerai, Tuan Yang di-Pertua saya tertarik subseksyen (4) ini. Sebab kalau boleh kita pinda biarlah kemas kata Yang Berhormat Jerai tadi. Bukan sahaja lima tahun penjara, bukan sahaja RM500,000 ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang beliau bukan bangkitkan perkara ...

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tak, tak bangkit dah. Itu nasihat. Kita akan ambil tindakan secara drastik yang tadi. Yang tadi drastik apa yang YB cakap. Saya tertarik tadi kalau boleh bagi sebatan, selain daripada RM500,000, selain daripada lima tahun, kedua-dua dan ketiga-tiganya sekali kalau kita buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa yang sedang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerai adalah masalah doktor, klinik.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Oh, klinik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ... dan sebagainya [*Dewan riuh*]

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tahu, tak apa. Saya pun hendak bangkitkan yang itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cakap apa sekarang?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya hendak kaitkan dengan apa yang disebutkan awal tadi. Yang Berhormat, beri peluang sedikit berkenaan klinik di Parlimen ini. Kita tahu Parlimen adalah institusi yang terbesar dalam negara. Gaji-gaji kakitangan awam tak

boleh naik tanpa bawa ke sini. Macam mana kita perkecilkan hasrat ini? *Take action* dengan izin *drastic election*, tindakan *election* [Dewan semakin riuh]

Sebagai *election*, tindakan, *action*, *action* kena ambil secara drastik kerana saya dengar tadi cukup serius. Saya tidak apa, saya duduk tengok dalam masyarakat Hadhari ini, PM kata mesti ada modal insan yang hendak duduk sini. Mesti ada *delivery system* yang cekap. Maka saya hendak supaya apa pandangan Yang Berhormat Jerai, kita hendak supaya apa yang duduk di Parlimen ini hendak pinda atau hendak apa mesti *get direction from* kita *Speaker*. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Semangat Yang Berhormat ini berkobar-kobar tetapi apabila bercampur dengan Bahasa Inggeris itu ... *action* dengan apa *tion* itu saya tidak berapa faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *Election*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia ada dua makna itu. *Action* kah, *election* kah ataupun lagi satu *tion* itu... jadi ... tak apalah saya bersetujulah Yang Berhormat dan kita semua bersetuju.

Berbalik kepada Sungai Petani tadi, bila orang itu dia kena kematian disabitkan pembuangan toksik ini, dia buat *post-mortem* di hospital jadi doktor akan ... itu kerja doktor lah, forensik dia akan membuat siasatan dan sebagainya dan kalau dia *confirm* bahawa kematian seseorang disebabkan oleh pembuangan toksik ini maka syarikat yang terlibat dengan pembuangan toksik itu harus bertanggungjawab.

Kalaulah ibu yang mengandung disebabkan oleh pencemaran toksik ini menyebabkan anak dalam kandungannya itu tidak normal, maka harus pihak syarikat ini bertanggungjawab kerana kita ingat satu peristiwa di India, Tuan Yang di-Pertua. Di mana itu Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Bopal.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bopal, saya lupa, Bopal betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa yang berucap Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya, pakar rujuk saya Arau. Kadang-kadang saya pergi sekali ke Bopal dengan Yang Berhormat ini, lupa tempat itu, saya tanya dia Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini pakar pertanian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, pasal pokok sana mati kerana apa ...

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Pencemaran alam.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ... kerana pencemaran alam. Pokok-pokok semua mati. Orang pun mati dan syarikat itu telah disaman beratus juta ringgit.

*They just cannot get the way like that* dengan izin. *This murder whole what? This is good English you know?* [Ketawa] [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua, saya serius benda ini. Kalau kita... bukan bercakap kerana ini tetapi saya hendakkan bahawa dia mesti ada tambahan di situ. Kalau menyebabkan kematian, apa dia. Ini menyebabkan mungkin sakit sedikit sebanyak tak apa tetapi menyebabkan kematian, *deform* anak-anak ataupun cacat seseorang itu disebabkan oleh hidu toksik ini. Apakah ganjaran yang perlu kita bayar balik? Adakah individu itu juga Sungai Petani, boleh menuntut ganti rugi kepada syarikat ini di atas tidak bertanggung jawaban depa ini?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dua orang yang bangun.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini dua-dua saya punya sahabat, jadi kita tengok dahulu... kita ambil yang senior lah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tidak. Tidak. Oleh kerana Yang Berhormat bangkit, saya ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang senior saya beri senior kerana ini pun senior. Sila Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kita menghormati orang tua-tua.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tua lah Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Macam mana boleh kata orang tua-tua?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia punya janggut pun putih Tuan Yang di-Pertua [Ketawa]

Bukan setakat rambut putih, janggut pun putih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Senang sahaja. Saya masih tidak pasti yang mana Yang Berhormat kata tadi oleh kerana kita boleh dakwa kepada syarikat itu, bahawa seseorang itu mati diakibatkan oleh toksik, *toxic waste* kah apa bendakah?

Okey, tetapi ini pun atas kajian *long putudernal studies* yang mana dia ambil jangka panjang baru dia boleh *determine* atau membuat penentuan bahawa akibatnya adalah kerana toksik, boleh jadi tetapi bagaimana pula kilang yang melepaskan toksik masuk ke dalam sungai akibat dia minum, kita hendak ambil tindakan kepada kilang itu tetapi kilang itu diberi lesen,

katalah negeri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Adakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan dihukum gantung atau bagaimana? Itu yang saya hendak bertanya Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, *that is a simple answer, doesn't worry* dengan izin. Sebenarnya kelulusan itu sebelum sesebuah syarikat hendak diberi lesen untuk mengeluarkan ataupun meluluskan perniagaan mereka, sudah tentulah semua Jabatan Alam Sekitar, EIA apa semua akan membuat laporan dan memberi *clearance* kepada mereka untuk memulakan *production* dan selalunya pembuangan-pembuangan toksik ini dia ada tempat.

Ada tempat khusus untuk dibuang supaya ia menjamin keselamatan alam sekitar dan juga keselamatan manusia. Di sini bermakna, kalau syarikat itu buang *waste* melalui sungai bermakna dia melanggar peraturan, peraturan alam sekitar ini, peraturan yang telah diberikan, maka mereka harus bertanggungjawab. *Just simple like that Sungai Petani* dengan izin. *It's a very good answer.*

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** [Bangun]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Oh! Yang ini pakar. Ini pakar ini, saya *all right*. Ini saya izin ini Yang Berhormat Ketereh dulu.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Akta yang dipinda ini adalah akta seksyen 34B subseksyen (4) yang hanya menyatakan bahawa kalau dahulu sama ada *jail* atau denda RM500,000 tetapi sekarang ini jailnya adalah mandatori kemudian baru denda tak boleh lebih daripada RM500,000. Itu sahaja yang dipinda tetapi dalam akta subseksyen A, subseksyen B, subseksyen C kerana Akta Ibu asal dan juga perkara 2 dan 3 seperti mana yang Yang Berhormat Sungai Petani kata tidak ada *power*, tidak ada kuasa dalam akta ini untuk *persecute* orang yang dengan izin *cussing hum* atau menyebabkan kecederaan. Saya tak jumpa dalam Akta Ibu, yang ada hanya dalam akta ini adalah 34B *prohibition against placing deposit ect. a schedule of waste.*

Maknanya kaedah mengelak daripada mereka meletakkan barang-barang sampah tetapi kalau sampah itu membahayakan keselamatan, dalam 34B tidak ada yang dipinda. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat boleh bagi gambaran kepada kita di mana seperti mana yang Yang Berhormat Sungai Petani kata tadi di mana barang-barang yang dibuang ini menyebabkan kecederaan, kematian, kesusahan kepada penerimanya, apakah syarikat ini patut didenda.

Kalau tidak ada, mungkin kita minta supaya Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan atau mungkin meminda sekali lagi sebab perkara ini adalah sangat mustahak. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Memang Yang Berhormat, dalam 34B ini, seksyen ini dia tidak ada, jadi itu saya hendak cadangkan ini. Saya mencadangkan sebab benda ini serius. Kalau tak berlaku tak apa tetapi kalau sudah berlaku, waktu itu barulah kita kelam kabut, kita akan ambil tindakan. Macam tanah robohlah Tuan Yang di-Pertua, tanah

roboh di Kuala Lumpur dan sebagainya bila sudah tanah roboh barulah kita kelam kabut, kita akan ambil tindakan, tindakan, tindakan tetapi di sini saya ingin memperingatkan juga...

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Yang Berhormat Mambong.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat Mambong. Apa Yang Berhormat Mambong cakap terus masuk jadi undang-undang pasal dia pakar. Dia punya *conclusion*, Yang Berhormat Mambong dia boleh cakap tiga jam pasal alam sekitar. Tapi pokoknya jangan terbang pokok saja. Kalau begitu Yang Berhormat duduk dan beri dia berucap. Kalau dia berucap lagi panjang. Sampai *shift* ke empat pun boleh bercakap, Tuan Yang di-Pertua. Ini biasa bercakap sampai dua hari. *[Ketawa]*

■ 1200

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetuju dengan pandangan rakan-rakan Yang Berhormat bagi Sungai Petani, Ketereh dan juga Jerai tentang komen-komen itu tadi. Tetapi kalau kita lihat pindaan akta ini hanyalah kepada seksyen 34B. Itu benar. Pindaan kepada seksyen 34B dan juga seksyen 43 supaya ketua pegawai eksekutif (CEO) diheret ke mahkamah dan dimasukkan dalam penjara. Itu kita setuju. Tetapi kalau kita lihat ini, Akta Ibu Akta Alam Sekeliling ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya hendak tanya adakah Jerai yang berucap?

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Jerai juga. *[Ketawa]* Adakah akta ini, *Environmental Qualities Schedule Waste Regulation 1989*, dengan izin akan dipinda bersama kerana di dalam *regulation* ini seharusnya kuasa-kuasa mesti diturunkan kerana langkah-langkah untuk menguatkuasakan pelbagai peruntukan untuk mengawal pembuangan sisa-sisa toksik adalah terkandung di dalam *regulation* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Mambong, tadi Yang Berhormat bagi Jerai sudah cakap apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat boleh menjadi undang-undang. Jadi, saya fikir mungkin Yang Berhormat bagi Jerai pun tidak tahu jawab.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Undang-undangnya sudah ada tetapi kita mahu kementerian untuk pinda juga *regulation* bersama...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat bagi Jerai boleh ringkaskan jawapan.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** ...supaya semua peruntukan dalam *regulation* akan dipinda untuk memperkuatkan lagi penguatkuasaan. Terima kasih. Yang Berhormat bagi Jerai, apa pandangan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Mambong. Teknikal. Saya bagi gambaran, maknanya saya *pickup* dia punya *point*lah. Baguslah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Bangun]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini apa pula batuk lagi ini? [Ketawa] Ini hari alam sekitar, Tuan Yang di-Pertua. Ini pencemar ni!

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih, sahabat saya Jerai. Yang kita pinda ini sama ada Yang Berhormat berpuas hati dengan penjara lima tahun, lepas itu denda tidak melebihi RM500,000. Kalau kita lihat insiden-insiden yang berlaku pada tahun-tahun kebelakangan ini, sebagai contoh mereka telah membawa *toxic waste* daripada negeri luar, import, tipu dokumen dan selepas itu tanam di Johor - dekat Tuan *Speaker* punya tempat.

Saya difahamkan...[Batuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sakitkah, Yang Berhormat? Tidak sihat?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sakit, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua. Saya diperiksa oleh doktor semalam. Dia sudah beri *prescription* ubat sampai sekarang saya menunggu ubat itu dan saya tidak makan ubat lain. Saya hendak tengok berapa lama yang dia hendak bagi saya ubat dan saya sanggup pengsan di sini, sakit di sini, usung di sini selagi klinik itu tidak bagi saya ubat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi Yang Berhormat sudah pergi jumpa doktor?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sudah berjumpa doktor. Periksa semua. Sudah kenal pasti sakit saya. Tinggal lagi ubat dia kata, mengikut pengarah dia, dia kata, kalau Yang Berhormat hendak ubat pergi ke Hospital Besar Kuala Lumpur beratur beramai-ramai di sana. Apa besarnya Yang Berhormat, kata dia.

Itulah sebabnya saya dari segi prinsipnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sanggup tidak makan ubat. Kalau teruk petang ini saya makan ubat "Ibu dan Anak", Tuan Yang di-Pertua.

Penat, penat juga ini tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, adakah puas hati dengan denda ini? Sebagai contoh, kadang-kadang *toxic waste* ini daripada negeri Taiwan dan juga negara-negara maju, dia hendak musnahkan *toxic waste* ini di negaranya harganya berjuta, lima juta, sepuluh juta. Kalau dia dapat macam ini punya denda di Malaysia baru RM500,000, lima tahun jel, daripada dia belanjakan RM10 juta di negara dia, dia bagi kepada orang Malaysia RM5 juta kau uruskan benda ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat. Cukuplah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Akhirnya esok negara kita akan jadi *dumping ground* untuk *toxic waste*. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, tunggulah. Nanti pergi jumpa doktor. Baik, cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kasihan. Ini kira dia kurang sihat. Kalau dia sihat dia lagi tinggi bersuara. Tidak apalah. Tengok, ini surat khabar tunjuk ini, beritahu pada Tan Sri dan kementerian. Bagi tahu mereka. Ini baru satu orang sakit.. Saya tidak mengapalah, saya boleh tahan lagi. *[Ketawa]* Tapi kalau saya sakit, dia tidak datang, kita cadang ambil hospital swasta duduk di sini, Parlimen bayar. Boleh bayarlah. *Opposition* pun kena sokonglah. *You* orang pun jangan ingat muda tidak sakit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh panggil Yang Berhormat bagi Pendang turun ke sanalah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, doktor Pendang pun boleh tapi dia tidak bawa ubat.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Saya minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Oh, Yang Berhormat bagi Tebrau. Okey.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai dan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya tentang di bawah akta ini kita tujukan kepada orang yang melakukan kesalahan. Bagaimana bagi pihak agensi yang membenarkan sesuatu kesalahan itu dilakukan contohnya dalam kes pencerobohan kawasan tadahan air atau rizab sungai? Kawasan ini dibenarkan ataupun *dicondone*. Dia melihat tetapi tidak mengambil langkah untuk menghalang pembinaan rumah secara besar-besaran. Bukan sebuah dua sahaja tetapi keseluruhan taman kediaman yang jumlah rumahnya meningkat hingga 100 ke 150 buah dibina di suatu tempat kawasan tadahan air.

Ini merupakan satu pencerobohan tanah rizab sungai yang serius tetapi ia berlaku. Bagaimana kalau agensi kerajaan itu membenarkan perkara itu berlaku, apakah akta yang dicadangkan ini boleh mendenda pegawai-pegawai yang membenarkan pencerobohan itu berlaku?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kes seperti ini berlaku bermakna ada perkara yang tidak kena. Mungkin ada sogokan, rasuah dan sebagainya. Dalam peraturan pegawai kerajaan mereka boleh disurcaikan kalau tidak menjalankan peraturan, menjalankan tugas-tugas mengikut aturan peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Dia boleh diambil tindakan dan kalau melibatkan rasuah dan sebagainya maka kita boleh *refer* dia kepada BPR.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat, bil ini sungguhpun hanya satu muka sahaja, tetapi begitu bermakna untuk rakyat kerana ini untuk menyelamatkan manusia daripada tercemar kepada toksik yang boleh menyebabkan penyakit, menyebabkan seseorang itu menghadapi masalah kesihatan. Ini bukan perkara yang boleh dimain-mainkan.

Kita lihat hari, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kasihan kepada kerajaan. Peraturan-peraturan kita buat, penguat kuasa kita kurang baik maka perkara ini berlaku. Kadang-kadang manusia itu lebih pentingkan wang ringgit daripada hidup dan kawan rakan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, Yang Berhormat bagi Putatan, silakan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai bahawa walaupun akta yang kita pinda ini hanya satu perkara sahaja, tetapi ada juga yang termaktub atau terkandung dalam akta ini perkara yang membunuh, yang bersabit dengan alam sekitar.

Apa yang saya hendak katakan di sini saya minta penjelasan daripada sahabat saya Jerai, adakah bersetuju jika kesalahan seperti bunyi yang boleh membunuh kepada orang yang lelah, orang yang sakit batuk-batuk, macam Yang Berhormat bagi Jasin tadi itu. Kalau sekiranya ada van-van yang menjual tong-tong gas ini pergi ke tempat perumahan yang membuat bunyi kereta yang kuat untuk menjual tong-tong gas ini. Ada kes yang orang-orang yang senior, orang-orang tua yang sakit mati kerana terkejut mendengar hon-hon ini. Ini bersabit dengan *environment* - alam sekitar. Saya harap Jerai juga mungkin satu hari, mungkin sudah lepas sudah jadi mimpi lagi. Mungkin dia terkejut juga, mungkin mati juga akibat daripada alam sekitar ini. Minta penjelasan sikit.

■ 1210

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kes hon ini Tuan Yang di-Pertua, ini kes tertentulah. Kalau kes hon ini kita hendak masuk alam sekitar ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Seperti jugalah Yang Berhormat disambut oleh kompong, mati salahkan kompong, tidak bolehlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ha, macam itu. Ini kes terkejut ini kes jantunglah. Kes terkejut ini kes jantung, bukan kes lain. Jadi ini *isolated cases* lah, benda yang bukan selalu berlaku. Tetapi macam yang toksik ini kita mesti lihat Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu benda yang insiden. Saya mahu pihak kementerian dan menteri cuba kalau tidak boleh berdiri, tidak apa kita *clear*. Masuk bil satu lagi ke depan kita tingkatkan supaya kita beritahu kepada Malaysia dan seluruh dunia bahawa kita tidak boleh bertolak ansur dengan pembuangan toksik yang melibatkan akibat kesihatan rakyat dan juga alam sekitar.



Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, orang dok tuduh Malaysia tidak menjaga alam sekitar. Amerika Syarikat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak tahulah. Kalau Tuan Yang di-Pertua mahu saya bersyarah panjang, bincanglah. Kalau suruh pendek saya berhentilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab saya yakin ada Ahli Yang Berhormat juga ingin berucaplah. Jadi terpulang kepada Yang Berhormatlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Okeylah, saya *landing* lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi jaga-jagalalah kalau *landing* lah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Ketawa] Saya jaga. Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat alam sekitar ini. Saya berkali-kali dalam Dewan yang mulia ini mengatakan Tuan Yang di-Pertua, macam banjir yang berlaku di Kuala Lumpur, banjir berlaku di sana dan di sini, siapakah yang harus kita persalahkan?

Saya tidak meletak semua kesalahan kepada kerajaan. Saya meletak kesalahan kepada terutamanya pengguna, yang keduanya pemaju yang membuat pembangunan. Yang ketiganya, pegawai kerajaan yang meluluskan projek-projek ini. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, *developer* itu untung beratus-ratus juta ringgit. Tetapi apabila perumahan mereka naik, keliling sudah kita tahu Kuala Lumpur namanya Lembah Klang. Lembah!

Tetapi kadang-kadang Bandaraya lulus projek tanpa mengambil kira tentang sungai dan sebagainya, tentang pembuangan dan sebagainya. Hendak salah siapa? *Developer* buat *submission*. Saya hendak mencadangkan sekarang Tuan Yang di-Pertua kalau 50 hektar tidak payah minta *clearance* daripada alam sekitar. Hendak buat rumah. Jadi dia boleh pecah 50 hektar, 50 hektar, 50 hektar dan tidak payah minta kelulusan daripada pihak kementerian kalau tidak silap saya, 50 hektar.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk] 50 ekar.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ekar ke hektar ke, 50 ya! Kemudian untuk hutan tidak boleh lebih. Kalau kurang daripada 500,000 hektar tidak payah minta kelulusan. Orang berniaga dia cerdik. Tidak boleh dia pusing macam-macam. Jadi kalau 50 hektar satu *submission* lagi, 50 ekar ke satu *submission* dia tidak payah pergi melalui alam sekitar. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua berlaku banjir, berlaku bencana, kerajaan keluar duit rakyat berbilion ringgit untuk menyelesaikan masalah di mana keuntungan dia orang dapat. Mana dia keadilan? *Very mean and very unfair* Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya minta pegawai-pegawai kerajaan kalau hendak lulus apa pembangunan pun pastikan kesejahteraan rakyat itu mesti dijaga. Jangan kita buat bangunan indah-indah akhirnya tengok kereta. Kalau kereta, kalaulah kawan itu gaji dia katalah gaji dia kerani ke, sebiji kereta

itu hutang tidak bayar Tuan Yang di-Pertua. Tahu-tahu air masuk rosak habis. Susah dia Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini di Kuala Lumpur kalau tengok awan mendung, orang sudah ketar. Kalau hujan tidur tidak lena takut air naik. Jadi hidup di ibu kota, apa gunanya kalau keadaan yang sedemikian. Baik macam saya duduk di kampung, tidak ada masalah. Ini di ibu kota, nama ibu kota, ini bukan salah kerajaan.

Kerajaan terpaksa buat terowong itu, terowong ini. Buat takungan air sampai rata keliling takungan air. Itu pun saya fikir Tuan Yang di-Pertua, pada buat takungan air lebih baik buat satu *run a volt* yang boleh digunakan untuk air dan guna untuk *power* kepada ini. Daripada kita takung sana, takung sini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, alam sekitar ini tidak dijaga. Akhirnya rakyat yang menanggung. Yang untung segelintir, yang menanggung banyak, yang dimaki hamun kerajaan. Di mana keadilan? Jadi di sinilah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Boleh *landing* Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi jaga ya, jangan langgar pokok.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Ketawa*] Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah rang undang-undang ini kerana kita kena serius pasal alam sekitar. Kalau kita mahu anak cucu kita hidup dengan aman dan sejahtera maka kita kena jaga alam sekitar. Pasal ini Tuhan buat Tuan Yang di-Pertua. Allah Taala buat, Allah Taala sudah kata bukit bukau jangan usik. Ini pasak kepada bumi. Dak... kita hendak duduk rumah atas bukit, gunung *style*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, *landing* senang cuaca baik. Cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Ketawa*] *Last* sekali Tuan Yang di-Pertua. *Last* sekali kerana tadi Yang Berhormat daripada Jasin batuk mencemar Dewan Rakyat kerana batuk-batuk dia itu. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua pihak Kementerian Kesihatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak balik kepada kesihatan lagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kena kesihatan... supaya mereka ingat ini Tan Sri ke, Datuk ke, Doktor ke, apa ke. Itu apa semua pangkatlah, tidak kira. Tetapi budi bahasa kena ada Tuan Pengerusi. Bila bercakap mulut kita kena lapik sikit. Jangan kita ingat kita bos, kita KSU, kita ketua jabatan, kita boleh lepas cakap lebih kurang. Tiap-tiap manusia ada perasaan Tuan Yang di-Pertua. Manusia pun makan nasi Tuan Yang di-Pertua. Dia pun makan nasi, saya pun makan nasi. Tetapi kalau dia lepas macam-macam perkataan Tuan Yang di-Pertua, bila dia hina Parlimen, dia hina Tuan Yang di-Pertua sebagai *Speaker*. Mana boleh macam itu.

Kita masuk dewan kita tunduk Tuan Yang di-Pertua menghormati cokmar dan kedaulatan negara. Tetapi dia boleh kata lebih kurang dan saya berharaplah supaya doktor ini yang menjadi mangsa kepada pengorbanan dia untuk Ahli-ahli Dewan Rakyat ini harus dibela seandainya beliau dianiayai kerana saya tahu mereka akan aniaya dia. Mereka akan hantar dia pergi mana-mana ke, *posting* pergi ke tempat yang orang tidak ada orang sakit pun dia hantar pergi duduk jaga dalam hutan utara mana ka. *And he is a very good doctor.* Kalau letak mai Yan pun saya suka. *I give you a good place to stay,* dekat Gunung Jerai. Ini kawan baik doktor. Dia bukan setakat doktor Tuan Yang di-Pertua, dia jadi kawan kepada kami. Kami juga jumpa dia tanya personal *advice* atas penyakit-penyakit dan *he is a very good doctor.* Lebih kurang macam Kepong, *very soft spoken.* Tetapi tidaklah lembut macam Kepong. Tetapi *very nice person.*

Jadi, saya berharaplah bahawa pihak kementerian yang mana dengar, pegawai-pegawai yang dengar ambil tindakan kerana Tuan Yang di-Pertua kalau dia kata Ahli Parlimen ini apa dia? Waa... dia suka. Ya lah dia hina. Tetapi Tuan Yang di-Pertua kena ingat di sinilah kita lulus bajet Tuan Yang di-Pertua. Di sinilah kita lulus jawatan-jawatan dalam kerajaan. Kalau kita tidak lulus Tuan Yang di-Pertua, gaji pun tidak lepas. *This is the place* kita luluskan perbelanjaan negara, termasuklah gaji Tan Sri yang memaki kita itu, Tan Sri yang menghinakan kita itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Juga ubatlah. Bayaran ubat jugalah, Yang Berhormat yang luluskanlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ubat pun kita bagi. Jadi, is *very unfair* lah, *sad* lah. Sedihlah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah, cukuplah. Banyak baiklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi saya faham, saya tengok macam doktor kita di klinik, di hospital kita di Parlimen kita berapa? Ada satu. Doktor keadilan. Doktor kulit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Gombak, Gombak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Gombak pun doktor. Ini Pasir Mas dia bomoh, dia bomoh. *[Ketawa]* Jadi saya ingat Tuan Yang di-Pertua kita sama-samalah menjaga alam sekitar. Sekian saya menyokong. Ini doktor aurora masuk mai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cuba tengok ramai hendak berucap. Jadi, saya minta semua jangan kalau yang tidak penting, ada yang tidak berkaitan, jangan buang masa. Tuju kepada tajuk. Jadi Kinabatangan.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]:** Sakit hati ke? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling. Tuan Yang di-Pertua, kualiti alam sekitar sudah menjadi isu global dan dia dikenali sebagai non tradisional isu.

## ■1220

Tuan Yang di-Pertua, kualiti alam sekitar sudah menjadi isu global dan dia dikenali sebagai non tradisional isu dan walaupun isu alam sekitar ini sudah menjadi isu perbincangan seluruh masyarakat namun mungkin bagi sebilangan rakyat khususnya di luar bandar mereka perlu pendedahan, *knowledge* ataupun *education* bagaimana alam sekitar ini boleh mendatangkan satu ancaman yang luar biasa. Tidak seperti kalau di medan perang mereka bertembak maka mereka mati oleh peluru ataupun mati akibat letupan bom. Tetapi ancaman keadaan alam sekitar yang tidak menentu boleh mendatangkan berbagai-bagai impak termasuk mereka yang terdedah, alah kepada jangkitan, mudah letih dan dari segi fizikal dan mental.

Justeru itu memang kita kena alu-alukan tindakan kementerian walaupun saya nampak dalam pindaan ini lebih kurang sekadar melepaskan batuk di tangga sebab dunia pada hari ini alaf 21 memerlukan perubahan yang drastik, memerlukan tuntutan rakyat, memerlukan agensi-agensi yang terlibat melakukan sesuatu rombakan sesuai dengan tuntutan keadaan. Keadaan pada hari ini mungkin ada yang mengatakan sebagai *global warming*, sudah memang jelas tidak menentu di mana hujan tidak tahu bila hentinya, panas terik datang tiba-tiba, ribut taufan melanda di sana-sini, banjir kilat berlaku di sana-sini, kawasan yang dijangka tidak berlaku banjir pun boleh berlaku banjir.

Melihat kepada keadaan ini memang banyak sumbangan dia kepada perbuatan tangan kotor manusia. Di samping kejadian alam semula jadi tetapi perbuatan manusia itu adalah penyumbang terbesar ke arah bagaimana keadaan perubahan cuaca pada hari ini. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya bentangkan pagi tadi, Sungai Kinabatangan. Pada suatu ketika sungai ini memang jernih memang cantik, Sungai Kinabatangan ini unik bukan macam Sungai Rejang. Sungai dia berliku-liku, berpusing ke kiri dan ke kanan. Jadi apabila dia berliku-liku, daripada keluasan lebih kurang 75,000 hektar ini, 60% diterokai oleh estet-estet kelapa sawit. Dianggarkan lebih kurang 340 estet dan 49 buah kilang di daerah Kinabatangan.

Dalam masa yang sama di antara 49 kilang ini kalau saya tidak silap cuma ada tiga yang mengikuti piawaian antarabangsa iaitu mereka ada memproses balik sisa-sisa toksik mereka tetapi selebihnya mereka gunakan Sungai Kinabatangan untuk *dumping down* sisa-sisa toksik dan juga baja-baja mereka, yang lebih menyakitkan hati undang-undang kita nampak ada tetapi tidak boleh mengikat pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan ini. Jadi ini yang menjadi persoalan apakah akta kita tidak memadai atau apakah kita sambil lewa untuk melihat bahawa keadaan-keadaan ini perlu diberhentikan?

Sungai Kinabatangan dianggarkan oleh WWF menganggarkan 50,000 hingga 80,000 tan sisa-sisa toksik di *dump in* di Sungai Kinabatangan tiap-tiap tahun. Justeru itu ancaman dia, cabaran dia masyarakat nelayan sudah tidak boleh berusaha, sudah kehilangan punca pendapatan dari segi nelayan. Air Sungai Kinabatangan dahulu ketika boleh diminum terus, hari

ini sudah tidak boleh dan terpaksa bergantung pada air hujan dan air perigi. Bayangkan bagaimana kerugian yang kita hadapi, sumber yang diberi oleh Allah S.W.T. ini telah dicemari oleh mereka-mereka yang ingin cepat kaya sehingga ada yang menanam kelapa sawit di *refrained reserve*, di tebing-tebing Sungai Kinabatangan juga ditanam kelapa sawit, seharusnya tidak boleh.

Justeru itu pada 14 Julai ini Yang Berhormat Menteri yang menjaga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini bersetuju datang ke Kinabatangan untuk kita sama-sama.. *[Batuk]* ...mesej kita. Mesej kita untuk meminta pemilik-pemilik ladang ini supaya mereka ada sosial obligasi. Mereka menyedari kita tidak tahan mereka menjadi kaya-raya tetapi mereka harus melihat kepentingan awam itu adalah keutamaan. Saya akan bawa menteri ini dengan NGO-NGO daripada mana-mana pihak, kita akan tebang pokok-pokok sawit di Sungai Kinabatangan tersebut. Ini kita akan lakukan pada 14 Julai ini sebab ini merupakan satu perkara yang pada saya kalau tidak kita laksanakan akan mengakibatkan pencemaran sepanjang hayat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat kita boleh balik kepada pindaan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, justeru itu ini memang pindaan Tuan Yang di-Pertua. Justeru itu, pindaan ini kalau boleh harus direalisasikan. Bukan sahaja CEO dia kalau boleh pemegang-pemegang saham dia pun kalau boleh didenda dan dipenjarakan juga sebab mereka mengaut keuntungan.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat abang saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik, amat terpujil kalbu saya apabila menyebut denda-denda tadi. Kalau kita tengok setakat ini mandatorinya hanya penjara. Apa pandangan Yang Berhormat mandatori juga denda, setuju tidak?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, memang kita berkehendakkan begitu sebetulnya, terima kasih Yang Berhormat. Jadi oleh sebab itu kementerian harus melakukan sesuatu langkah yang baru iaitu memberi pendedahan pendidikan kalau boleh bermula di sekolah dijadikan alam sekitar ini sebagai salah satu kurikulum supaya pelajar-pelajar di peringkat awal, mereka lebih peka, mereka lebih prihatin dan faham bahawa kepentingan menjaga alam sekitar ini adalah merupakan satu keutamaan dan menjadi keperluan sebab kita manusia ini apabila dia hidup dalam keadaan suasana yang tidak menentu, cuaca yang tidak baik, keadaan yang membimbangkan, bagaimana kita boleh hidup selesa mengamalkan kehidupan seharian kita?

Jadi kementerian bukan sahaja kalau boleh melaksanakan mandatori penjara dan juga RM500,000 ini tetapi juga melaksanakan di peringkat *preliminary*, di peringkat awal sebab ini merupakan keperluan di mana kita harus sedar mungkin di masa akan datang perang sudah

tidak ada tetapi masyarakat akan berperang dalam keadaan alam sekitar. Nyawa akan mudah hilang apabila keadaan sekeliling tidak keharuan apabila kita sudah hidu gas yang kita sedut bukan lagi udara bersih tetapi udara yang mempunyai racun maka mudahlah dia mati tetapi orang kampung kata oh dia kena racun, dia kena bomoh, dia kena sakit padahal keadaan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Putatan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya tertarik tadi semasa saya di luar apabila Yang Berhormat bagi Kinabatangan menyentuh soal Kementerian Kesihatan ini. Saya ingin minta penjelasan sedikit atau minta pendapat daripada Yang Berhormat tentang kalau kementerian sendiri yang mencemar, bagaimana apa tindakan kita?

■1230

Saya bagi satu contoh di Kota Kinabalu, *Queen Elizabeth* hospital, mencurahkan air-air dari *mortuary* yang cucian-cucian dia *direct* ke Sungai Sembulan, yang mencemarkan Sungai Sembulan sampai ke tempat peranginan di Sutera Harbour dan pantai-pantai di Kota Kinabalu, minta pendapat daripada Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Setiausaha Parlimen ambil *note*, pastikan ada pemeriksaan segera dilakukan di atas dakwaan Yang Berhormat Putatan tersebut. [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen ada sini, dia pasang telinga saya tahu, dia akan ambil tindakan, kalau dia tidak ambil tindakan, kita ambil tindakan sama dia [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, jadi yang berlaku pada hari ini kawalan yang kita lakukan pada hari ini akan memastikan penyediaan ruang lingkup yang cukup bersih kepada modal insan-modal insan pada masa hadapan kita. Kegagalan kita bermakna kehancuran masa depan negara akan menanti kita.

Sebab isu alam sekitar ini bukan lagi suatu yang remeh temeh, bukan lagi suatu yang boleh dianggap ringan bahkan ia merupakan satu isu yang menjadi ancaman terbesar kepada masyarakat antarabangsa dan kita memang tidak bersetuju dengan negara-negara besar seperti Amerika dan Eropah, mereka berkehendakkan kita menjaga hutan kita tetapi mereka membakar hutan mereka, mereka menebang hutan mereka, mereka sudah tidak ada hutan tetapi mereka bercakap soal alam sekitar. Sedangkan statistik menunjukkan bahawa Amerika Syarikatlah salah satu pengeluar sisa toksik yang tidak terkawal di dalam dunia, tetapi mereka masih boleh bermegah bahawa mereka adalah negara yang menjaga alam sekitar, demikian juga dengan negara Eropah!.

Jadi ini merupakan satu lagi penindasan baru yang dilaksanakan oleh negara besar tetapi kita jangan terikut-ikut dengan kehendak mereka, kita laksanakan apa yang perlu untuk memelihara masyarakat kita dan juga *society* kita.

Kita perlu ada pelan secara jangka panjang yang dirancang oleh kementerian, yang dicadangkan oleh kementerian, sama ada melalui NGO dan sebagainya, bagaimana cara kita memelihara hutan kita, bagaimana kita memaklumkan kontraktor kita bahawa bukit ini tidak perlu digondol, tidak perlu ditebang pokok untuk mendirikan pembangunan, kita bukan benci pembangunan tapi pembangunan itu seharusnya selaras dengan tuntutan masyarakat rakyat kita.

Kita memang berkehendakkan pembangunan, kita mahu maju seperti negara-negara lain tetapi kemajuan itu biarlah rakyat kita juga sihat dan mereka boleh menikmati pembangunan tersebut, kalau kita ada pembangunan yang canggih tetapi rakyat semua batuk, rakyat semua demam, buat apa? Itu tinggal mahu jadi rakyat zombi.

Jadi kita mahu rakyat kita segar bugar, tanah kita juga ditanam apa sekali pun subur, pembangunan juga maju, mesti ada kaedah-kaedah, dalam dunia ini asal rajin, asal kita rajin melihat R&D kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta gulung sudah boleh. Jadi asal kita rajin untuk membentuk sesuatu yang baik, cuma perlu ada perancangan Tuan Yang di-Pertua.

Kita tidak boleh bergantung seperti kalau berlaku banjir di Kuala Lumpur, baru ada perancangan, tercemar sungai ini, baru ada perancangan. Kementerian hendaklah memandatorikan pewujudan satu jawatankuasa lembaga sungai-sungai, bukan saja untuk memantau, untuk menguatkuasakan, untuk melihat dan menjaga kualiti sungai-sungai tersebut.

Sekiranya ini ada, saya percaya sungai-sungai dan juga alam sekeliling di negara kita ini akan menjadi kembali kepada sedia kala dan kita rakyat di luar bandar juga boleh menikmati akan kesuburan air dan sungai-sungai tersebut, dengan ini Tuan Yang di-Pertua terima kasih, saya menyokong.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ambil bahagian dalam pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini. Meskipun catatan dalam pindaan cuma dua seksyen sahaja tetapi implikasinya begitu besar.

Saya juga ingin menyebut di sini, perbahasan ini harus juga merujuk kepada akta induknya kerana akta induknya telah meliputi banyak perkara-perkara yang barangkali kita tidak sedari yang sudah pun terkandung di dalam itu dalam usaha kita mengawal segala macam sisa-sisa toksik ataupun bahan-bahan beracun ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat terpaksa kita tumpukan masa untuk pindaan.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Ya, ya. Saya ingin menyentuh tentang beberapa implikasi sebab dalam seksyen ini dikuatkuasakan dan diperuntukkan ialah hukuman

pemenjaraan mandatori dan juga denda, ertinya tidak ada pilihan bukan 'atau' yang digunakan di sini tetapi ayat yang digunakan adalah 'dan' bukan 'atau'. Ertinya satu peningkatan daripada akta induk yang lalu, yang barangkali memberi pilihan dengan menggunakan perkataan 'atau' dan tidak 'dan'.

Dulu barangkali orang bersedia untuk tampil ke hadapan mengakui tentang kerja-kerja pencemaran alam sekitar ataupun pengeluaran toksik ini kerana mereka sanggup dikompaunkan kerana pengkompaunan terhadap kesalahan-kesalahan itu.

Dengan akta yang baru ini barangkali ramai di antara mereka yang bersabit dengan melanggar undang-undang ini tidak akan mengaku salah ataupun berkurangan kerana mereka takut dengan denda-denda yang agak besar yang sedang di kenakan dan tidak ada alternatif, tidak ada pilihan sebab kedua-duanya akan mengenai mereka.

Ini akan menimbulkan pula masalah pengesanan kepada pesalah-pesalah itu dan ini implikasinya akan mengambil masa yang lebih dan juga akan melibatkan kos yang tinggi, kerana dulunya mereka mudah mengaku kerana dendanya hanya sekadar kompaunnya saja tetapi sekarang ini barangkali dengan denda yang besar dan dikenakan penjara, terpaksa naik ke mahkamah, ertinya ada unsur-unsur untuk mengelak dendaan-dendaan ini. Maka implikasinya ialah mungkin pencarian dan pengesanan kepada pesalah-pesalah itu.

Saya nak sebut di sini implikasinya pula adalah daripada penguatkuasaannya, saya nak tanya kepada kementerian, berapakah nisbah pegawai-pegawai penguatkuasaan dengan puluhan ribu, dalam satu kertas kerja pernah disebut terdapat kira-kira 10 ribu kilang-kilang yang terlibat dalam pengeluaran toksik ini, berapakah nisbah pegawai-pegawai penguatkuasaan ke atas kilang-kilang ini?.

Kita tidak mahu pelbagai peraturan undang-undang kita keluarkan tetapi dari segi perlaksanaannya tidak ada, inilah sindrom, inilah gejalanya *the execution gap* dengan izin, yakni kelompangan dari segi perlaksanaannya banyak akta-akta dan rang undang-undang yang kita adakan tetapi melaksanakannya, menjadikannya satu realiti dan membawa mengheret mereka ke mahkamah itu sebagai satu isu masalah yang besar.

Maka kata kunci saya sekarang semak balik pegawai-pegawai penguatkuasaan dan dalam konteks itu juga kalau perlu ditambah, kalau perlu banyak ditambahkan kos dan juga dari segi peruntukan perlu dilakukan untuk memastikan penguatkuasaannya perlaksanaannya dapat dibuat dengan menyemak, saya ulangi nisbah pegawai-pegawai penguatkuasaan ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang definisi pembuangan bahan-bahan terjadual ini, saya kira kita juga perlu merujuk kepada akta induk terdapat pelbagai sumber-sumber yang disebut sebagai sumber-sumber atau punca-punca buangan secara tak spesifik iaitu 30 jenis dan juga sumber-sumber yang datang daripada sumber yang spesifik.

Ini adalah merupakan perkara-perkara yang harus di semak dan dimengerti oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan itu, sebab ini adalah satu definisi yang perlu jelas yang perlu



benar-benar difahami untuk kita mengambil tindakan-tindakan sewajarnya kepada mereka-mereka yang melakukan kesalahan.

Satu perkara lagi yang hendak saya sebut di sini, denda ini tadi setengah orang mengatakan tidak mencukupi ini membawa kesan-kesan yang hebat, kematian dan juga kesengsaraan hidup, tapi dalam masa yang sama juga kita harus sedar di sini bahawa, saya kira yang akan melakukan kesalahan ini bukan merupakan kilang-kilang yang besar-besar ataupun daripada syarikat gergasi yang besar-besar, tapi kilang-kilang yang kecil-kecil ini yang terdiri daripada IKS-IKS ataupun syarikat-syarikat, pengusaha-pengusaha kecil ini, apakah pula implikasinya? Dengan denda yang agak besar, dengan denda RM500,000 dan di penjarakan. Apakah ini juga akan menghalang kegiatan-kegiatan IKS?.

■1240

Kalau sekiranya gergasi yang melakukan, kerja buat serupa ini, berbaloi bagi mereka kalau mereka dikenakan dendaan itu, bagaimana pula implikasinya kepada syarikat-syarikat kecil IKS yang baru mula hendak bertatih berniaga dikenakan denda-denda yang besar ini. Ini juga harus dilihat, disemak tentang implikasi-implikasi tentang undang-undang dan peraturan ini. Selain daripada itu juga, saya hendak bertanya kepada kementerian ini, yakni berapa banyak setakat ini denda-denda yang telah dikenakan kepada syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat gergasi, kilang-kilang yang melepaskan sisa-sisa toksik yang berbahaya itu?

Berapa pula yang kecil-kecil ini yang telah dikenakan tindakan-tindakannya? Apakah tidak mungkin kita kenakan satu nisbah bagi kilang yang besar begini jumlahnya. Bagi kilang-kilang yang kecil pula, ini nisbah dendaan-dendaannya sebab yang ditetapkan ini adalah merupakan sesuatu yang secara holistik, secara menyeluruh begitu sahaja. Apakah ada skala-skalanya pula. Bagi syarikat yang besar, berapa skalanya, berapa bayaran dendaannya, yang kecil-kecil pula IKS pula bagaimana pula dalam bentuk dendaan-dendaan yang harus dikenakan terhadap syarikat-syarikat yang sedemikian rupa.

Saya juga hendak menyentuh akhir sekali iaitu tentang kerjasama. Saya juga hendak menyebut dan saya menyeru kepada kementerian ini supaya ada kerjasama pelbagai agensi. Saya bimbang tindakan-tindakan yang buat dan tidak berlaku kerjasama *working in sylo*, ertinya kerja dalam bentuk sempadan-sempadan tertentu sahaja dan dalam *compartment-compartment* tertentu sahaja. Saya juga hendak menyentuh di sini kadang-kadang, apa yang dibuat oleh pihak majlis tempatan, lain pula kaedah dan caranya, sedangkan ada peraturan-peraturan tertentu daripada EIA, kadang-kadang tidak diendahkan oleh pihak-pihak tertentu. Ini yang saya maksudkan bahawa *working in sylo* ini harus disemak. Ini memerlukan kerjasama dan juga tindakan secara bersepadu pelbagai pihak.

Di antaranya adalah tindakan yang harus bersepadu yang dibuat oleh kementerian ini juga dengan pihak kerajaan tempatan, kerjasama dengan pihak irigasi pengairan, saluran, perlu ada kerjasama-kerjasama yang mantap daripada pelbagai agensi. Saya setuju tadi apa yang disebut kesedaran terhadap masyarakat. Pendidikan harus diberi untuk benar-benar kita

memahami definisi berhubung dengan sisa toksik ataupun buangan terjadual itu harus disampaikan, dididik kepada anak-anak kita agar benar-benar mereka memahami tentang bahan-bahan buangan secara bertoksik yang dimaksudkan dalam akta ini, sekian mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong. Cuba ringkaskan Kepong.

**12.42 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cubalah tetapi masalah ini masalah serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, bincang dalam pindaanlah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang besar sekali itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab masa sudah bagi banyak tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Besar sekali itu terutamanya di Johor Bahru dan di kawasan Yang Berhormat sendiri pun masalah pencemaran teruk juga terutamanya oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang membuang sisa berjadual dengan kehendak mereka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang menyokong rang undang-undang seumpama ini untuk mengendalikan semua buangan berjadual di negara ini dan yang penting sekali itu pihak kerajaan, pihak kementerian hendak memperuntukkan hukuman pemenjaraan mandatori dan denda dan juga untuk memasukkan perkataan selepas perkataan 'Pengarah' dengan perkataan 'Ketua Pegawai Eksekutif'. Walaupun beberapa perkataan sahaja, tetapi ini memang mempunyai kesan yang luas.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita tahu setiap tahun kita lebih daripada 10 ribu kilang yang menghasilkan buangan terjadual, lebih 10 ribu kilang. Ini bermakna dengan kilang-kilang yang berdaftar ini, ia keluarkan setiap tahun hampir 800 ribu tan bahan toksik. Hampir 800 ribu tan dan ini meningkat setiap tahun 8% atau 9% setiap tahun. Angka ini tidak termasuk kilang haram. Di dalam satu bancian oleh Pertubuhan dan Perusahaan pada tahun 2005, terdapat sebanyak 546,218 Industri Kecil dan Sederhana termasuk 433,511 atau kira-kira 80% daripadanya merupakan perusahaan mikro.

Ini lebih setengah juta IKS, kebanyakannya keluarkan bahan toksik seperti Yang Berhormat Kuala Terengganu yang menyebutkan mengenai bahan toksik yang dikeluarkan oleh IKS. Ini memang penting kerana kita perlu melihat daripada kemampuan kementerian untuk melaksanakan, untuk menguatkuasakan proses pemantauan terhadap kilang-kilang yang menghasilkan buangan terjadual. Ini memang penting, Tuan Yang di-Pertua macam mana kita dapat melaksanakan ataupun menguatkuasakan akta ini apabila digazet kelak, misalnya daripada hampir setengah juta IKS ini, kalau keuntungan dia, prestasi dia cuma kecil sahaja, macam mana dia boleh bayar sehingga RM500,000 denda.

Ini memang mustahil, saya di dalam akta ini tadi kementerian ada rang undang-undang disebutkan macam mana kita akan mengenakan hukuman berskala mengikut prestasi dan keuntungan syarikat. Maksimum sahaja saya tidak sebutkan macam mana kita dapat mentafsir, menilai dari segi hukuman itu. Yang Berhormat Ketereh bukan peguam, dia maksimum sahaja.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Boleh minta laluan Tuan Yang di-Pertua? Walaupun kita bukan peguam, Yang Berhormat pun bukan peguam, doktor kulit dengan juru ukur lebih kurangnya, sama-sama profesional. Saya minta penjelasannya begini, kita bercakap tadi pasal sisa toksik. Di antara sisa yang boleh menyebabkan jadi sisa toksik atau perkara yang merosakkan alam sekitar ialah *the upgradeable plastic usage*. Plastik ada dua jenis, satu yang tidak *degradable*, yang satu lagi boleh dihapus kira. Jadi penggunaan plastik di negara ini adalah terlalu banyak, *rampant*, terlalu banyak dan Yang Berhormat sebut pasal IKS.

Di antara pengeluaran plastik yang paling banyak ialah IKS. Kita tidak ada satu, mungkin saya tidak tahu Yang Berhormat boleh *correct me*. Adakah kita ada akta yang melarang daripada penggunaan bahan-bahan yang boleh menyebabkan sisa toksik ada. Kalau itu ada macam di negara luar, saya ingat perkara ini boleh dikurangkan, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang kali ini Yang Berhormat Ketereh pun ada idea yang baik juga, dia punya gagasan dia baik. [Ketawa]. Memang kita mesti mengkaji undang-undang kita akta kita macam mana kita boleh memantau semua kilang yang mengeluarkan bahan-bahan seperti plastik. Setiap hari saya ada berjalan di taman awam, saya nampak plastik coca-cola pun ada bermacam-macam-macam plastik dia buang sahaja kerana tabiat membuang sampah memang... bukan ubat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Laluan sedikit.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Mengenai plastik dan pembuangan sampah, tabiat dan tabii untuk membuang sampah.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong. Tuan Yang di-Pertua apabila dia tanya Yang Berhormat Ketereh ini peguam. Saya peguam *Bachelor of Islamic Law*, sistem dia sama sahaja, *Civil Law*, *Syariah Law* sudah sama sekarang ini, jadi saya hendak bercakap. Hukuman ini tidak semesti kita bagi RM500,000 maksimum, tidak mesti lima tahun maksimum mandatori. Tetapi dia tengoklah kalau IKS ini banyak sangat kesalahan dia, kita bagilah berpatutan. Tetapi saya bimbang satu, hukuman ini *is* hukuman. Takut siasat, dia tidak buat. Siasat, pemantauan ini siasatlah.

■1250

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, betul.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Pertuduhan tidak ada, macam mana hukuman hendak bagi? Saya takut harap pagar, pagar makan padi. Ini bagaimana pendapat Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, Pasir Puteh, memang dia itu tepat, persis dan jitu pula. [*Ketawa*] Kemampuan untuk menyasat, kemampuan untuk menguatkuasakan, itu penting kerana kita mempunyai 144 pihak berkuasa tempatan dan kebanyakannya tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk menyasat kilang-kilang. Tambah pula ada niat tidak berapa baik juga sesetengah kakitangannya, melakukan penyelewengan dan sebagainya, tetapi tidak cukup. Tidak cukup kakitangan untuk menyasat dan menguatkuasakan.

Kita berbalik kepada jenis buangan toksik kita. Mengikut di dalam Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 itu, jenis itu di dalam buangan terjadual – apa-apa buangan yang termasuk dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama iaitu sebanyak 28 jenis buangan daripada Bahagian I, buangan daripada punca-punca tidak spesifik dan 30 jenis buangan daripada Bahagian II, buangan daripada punca-punca spesifik. Secara umumnya, buangan terjadual adalah bersifat toksik, berbahaya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekalinya, masalah plastik kita. Pelbagai jenis plastik. Saya pun tidak tahulah macam mana kita boleh buat, mungkin kita mengkaji bagaimana kita dapat meminda akta-akta yang sedia ada untuk menghalang sesetengah plastik digunakan di negara ini ataupun kita bagi tanggungjawab bagi pengeluar plastik dan pengguna plastik yang besar, pengguna di pasar raya besar dan sebagainya yang menjual bahan-bahan dan plastik-plastik digunakan dan dibuang ikut kehendak sahaja di mana-mana tempat, di merata-rata tempat itu.

Kita mungkin hukum juga pengeluar plastik ataupun pengguna plastik daripada syarikat-syarikat seperti *Coca Cola*, kita kenakan tanggungjawab kepadanya.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pontian bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya.

**Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kepong, di Kepong mungkin banyak kawasan industri ini, pusat-pusat membeli belah yang mengeluarkan bahan-bahan plastik yang mana, seperti mana Yang Berhormat katakan. Tempat-tempat pembuangan, tempat untuk menerima bahan-bahan buangan plastik, toksik, ada tidak di kawasan Kepong? Kalau ada, kadar yang dikenakan bagi menerima buangan ini sama ada tempat yang diwujudkan untuk tujuan memproses sisa toksik atau menerima buangan-buangan sisa toksik, plastik dan sebagainya – kedudukannya, adakah kena pada tempat, adakah bilangannya mencukupi, sama ada kadar yang dikenakan bagi memproses, adakah ianya berpatutan menjadikan sesuatu yang menggalakkan pengeluar bahan-bahan toksik atau plastik ini mudah *accessibility*nya, dengan izin, kepada tempat-tempat memproses.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat Pontian, dia memang ada gagasan seperti *Ketereh*. Ia bernas. Saya berharap dapat dilaksanakan di Pontian juga. Di Kepong itu memang di sesetengah tempat itu tidak bersih tetapi ada tempat pun boleh diterimalah, seperti di

Taman Metropolitan Kepong itu lebih 120 ekar itu yang terbesar di Wilayah Persekutuan. Nampak cantik, tetapi ada juga yang buang sampah, plastik pun ada. Pusat wau ada di situ, di Taman Metropolitan. Kalau hendak main wau, pergi Kepong.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Wau bulan pun ada.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tidak, saya wau dacing.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dacing? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, saya pernah lalu di Kepong dan selalu lalu di Kepong. Dahulu saya tengok di Kepong, sebelah kanan selepas daripada *highway* baru ada pusat pembuangan sampah yang cukup busuk dan cukup teruk, dahulunya. Baru-baru ini saya kebetulan datang dari Universiti Islam Antarabangsa, isteri saya mengajar di sana, saya ambil dia, saya balik lalu ikut situ, saya tengok sudah ada perubahan yang cukup baik, daripada luarlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah ini perjuangan Kepong?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tidak, itulah saya hendak tanya ini. Saya tengok Kepong tidak pernah bercakap pun sejak saya datang sini sudah tiga tahun pasal pembuangan sampah, tetapi saya tengok ia telah berubah begitu indah, dengan pagarnya, dengan rumput rampainya, busuknya sudah tidak ada, ianya jadi baik. Saya ingat ini mesti kerja Jabatan Alam Sekitar. Itulah saya hendak tanya pandangan Kepong, macam mana?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Wah, sekarang dia hendak ampu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pula. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi Yang Berhormat kata dia...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini tidak ada kena-mengena dengan alam sekitar. Ini dewan bandar raya punya pasal. Di situ tapak pelupusan sampah itu sudah ditutup tiga tahun yang lepas. Yang ditutup itu dengan tumbuh-tumbuhan itu boleh ditengoklah. Kita tengok tumbuh-tumbuhan itu hijau. Sekarang tapak pelupusan itu jadi tapak tumbuh-tumbuhan dalam kawasan itu, hijau belaka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, macam berceramah di kedai kopi, tidak mahu pandang sini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mempelbagaikan pandangan kita. Johor Bahru pun kita hendak pandang juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi jangan tunjukkan belakang kepada saya sini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ampang pun kita pandang. Cuba tengok Ampang, dia berpakaian cantik itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ooh.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Ketawa]*

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Pandanglah Ipoh Timor.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pendang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Betul juga, kita ada stesen pemindahan sampah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pendang bangun.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Kepong. Tadi Kepong ada menyebut beberapa jenis bahan-bahan toksik yang dilepaskan yang mencemarkan alam. Apa tindakan ataupun komen Kepong berhubung dengan bahan-bahan toksik yang tidak terjadual tersebut tetapi ia menyebabkan kemusnahan, misalnya ikan-ikan di dalam sawah, di dalam sungai dan juga hidupan-hidupan yang lain walaupun tidak terjadual ataupun campuran-campuran daripada bahan-bahan yang menyebabkan kesan toksik walaupun tidak tersebut di dalam jadual tersebut. Apa pandangan Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat, itu memang penting kerana kita tengok di sesetengah tempat itu, ikan dalam kolam mati kerana mungkin racun makhluk perosak digunakan, terutama di kawasan-kawasan pertanian. Ini termasuklah sungai-sungai. Di Kuala Selangor misalnya, pada dahulunya tangkapan ikan itu banyak. Dalam 10 tahun ini kita tengok tangkapan ikan itu terutamanya di pesisiran itu sudah kurang.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Peraturan Mesyuarat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Di Melaka pun begitu juga.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Pandang Tuan Yang di-Pertua.

*[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kalau macam ini kita tidak boleh tengok Ampang pula.

*[Disampuk] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang tidak bolehlah, Yang Berhormat. Kalau berucap, berucaplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang betul mengenai bahan-bahan yang tidak termasuk di dalam jadual ini. Kita mesti kaji termasuk garis panduan yang baru perlu diadakan untuk menyenaraikan bahan-bahan yang belum lagi dimasukkan di dalam Jadual Pertama dan sebagainya. Ini memang satu perkara yang penting. Juga masalah garis panduan mesti diadakan untuk memilih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** ...mengadakan tapak pelupusan sisa toksik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup, boleh sambung nanti..

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak apa, saya sambung nanti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Ketereh ada sebutkan mengenai kilang-kilang yang mengeluarkan plastik dan bahan-bahan toksik yang lain. Di sini saya pernah mencadangkan supaya...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sungai Petani bagi jalan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak ada kilang plastik di situ, adakah? Saya ingat Sungai Petani...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan ke tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Baik, baik.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Cuma soalan saya mudah sahaja. Tadi Yang Berhormat Kepong ada menoleh ke belakang melihat Yang Berhormat daripada Ampang. Boleh Yang Berhormat membuat penjelasan mengenai lihat ini? Saya bimbang nanti akan jadi kenyataan seksis.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, Sungai Petani sekarang dia memang *confuse* sedikit, keliru sedikit. Orang Ketereh dan Pontian memberi nasihat yang bernas, Tangga Batu pun ada. Mereka beri pandangan yang bernas sebab itulah di dalam hubungan manusia kita mesti bersemuka, pandang mata ke mata, itulah cara kesopanan. Jangan kita hendak mengelirukan.

Jadi yang penting sekali itu, kilang-kilang yang mengeluarkan plastik dan syarikat-syarikat yang banyak menggunakan plastik, kita mestilah adakan pindaan ke atas undang-undang kita supaya kilang-kilang dan syarikat-syarikat ini juga bekerjasama untuk mengendalikan hal-hal pembuangan plastik dan sebagainya. Itu cara yang paling baik dan tidak kira siapalah, Yang Berhormat yang keluar ke mana-mana kita nampak plastik di perkarangan Parlimen dan juga di dalam Parlimen pun kita nampak juga plastik.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat, kita semua maklum bahawa plastik ini adalah merupakan *culprit* kepada pembangunan alam sekitar yang sihat dan Yang Berhormat menyebut tentang pengeluar-pengeluar plastik. Jadi kalau hendak minta kerjasama ini dia macam 'longgau' orang Melaka kata, bahasa kita longgar. Longgar sangat tidak nampak ketegasan itu.

Apa kata Yang Berhormat kalau kita cadangkan supaya pihak kementerian ini mencadangkan supaya pengenalan satu tarif cukai kepada pengeluar-pengeluar plastik ini yang lebih ketat, cukai yang lebih tinggi supaya duit lebihan cukai itu boleh digunakan untuk kerja-kerja pemusnahan plastik-plastik ini. Apa kata Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Cadangan itu mestilah dipertimbangkan. Saya mencadangkan supaya kita mengambil teladan daripada negara-negara seperti Jerman. Di Jerman di semua tempat yang menggunakan plastik ataupun bahan-bahan yang lain ia mesti mengasingkan untuk *recycling* dan sebagainya, diasingkan secara teratur. Tiap-tiap syarikat bertanggungjawab untuk mengasingkan buangan ini dengan tepat. Di negara kita bukan sahaja tidak diasingkan, bahkan juga ada sesetengah itu buang mengikut kehendak sahaja. Itu masalah kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ada hendak sentuh sedikit mengenai apa yang disebutkan oleh Pontian kerana cadangan Pontian itu ada baiknya. Ini mengenai tapak pelupusan sisa toksik. Sekarang setahu saya di Bukit Nanas, di Negeri Sembilan sahaja, sebab kita menghadapi masalah, masalah rakyat pun sekarang sedar sedikit dan membantah dengan banyak. Kalau kita hendak mengadakan tapak pelupusan sisa toksik misalnya di Johor Bahru, memang orang Johor Bahru dia bantah. Walaupun Yang Berhormat Johor Bahru dia menasihatkan dan mahu meletakkan tapak pelupusan sisa toksik di situ secara selamat pun para penduduk masih membantah.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Putatan Yang Berhormat bagi jalan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya dari Kepong. Terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mencelah.

Saya banggalah di Parlimen ada pakar kulit walaupun dia di sebelah pembangkang. Saya minta sedikit pendapat Yang Berhormat. Soal penyakit kulit yang terkena pada orang-orang yang suka mandi-manda di sungai-sungai. Di tempat saya Yang Berhormat terdapat satu sungai yang kerap kali digunakan oleh nelayan-nelayan yang mencari punca rezeki seharian di sungai tersebut. Sungai ini di Sembulan. Apabila saya bertegur dengan nelayan-nelayan kecil ini, saya lihat mereka tergaru-garu selepas memukat ikan. Mereka mengatakan air ini amat gatal. Adakah air yang tercemar ini berpunca daripada air-air yang kotor dikeluarkan daripada hospital-hospital? Kita tahu dan Speaker kita pun doktor juga.



## ■1440

Yang saya menerima satu aduan daripada orang ramai bahawa dikatakan kekotoran cucian dari hospital terutama sekali dalam hospital bersalin itu dicurahkan *direct* kepada sungai dan bukan sahaja itu juga daripada *mortuary* sebagai mana yang saya celah sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi. Adakah ini benar bahawa kekotoran daripada hospital ini juga mengakibatkan walaupun dia tidak dalam kandungan toksik.

Yang kedua soal plastik yang terapung-apung di permukaan air ini. Bolehkah Yang Berhormat mencadangkan kepada pihak kerajaan tempatan bagaimana langkah atau pendekatan yang terbaik untuk memungut sampah yang terapung di permukaan air dan di *recycle*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya kalau punca kumbahan daripada hospital itu memang mungkin dari bilik mayat ada formalin - formaldehid yang bisa - toksik dan juga ada kuman yang banyak. Jenis-jenis kuman yang bisa. Saya tak tahu apa sebenarnya yang berlaku. Cerita nelayan memang kita mesti kaji sama ada kumbahan itu datang daripada hospital ataupun tidak. Apa nama hospital?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Queen Elizabeth. Saya sendiri akan tulis kepada pengarah di situ untuk menyiasat sama ada....

**Seorang Ahli:** Macam menteri!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan menteri. Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen di sini kurang faham. Di dalam Dewan ini semua itu sama. *There is no primes in the Paris, isn't?* Dia mesti tanya peguam yang terkemuka. *Primes in the Paris, is that correct? There is no primes in the Paris.* Jadi kita mesti faham di sini hanya menteri boleh tulis dia pun tak sempat tulis. Jadi jangan kita khuatir Putatan ya. Saya akan tulis sendiri tanya dia sama ada kumbahan itu dikeluarkan daripada Queen Elizabeth ataupun tidak. Kalau dikeluarkan daripada Queen Elizabeth mestilah diolahkan. Pengolahan dipentingkan sebelum dikeluarkan kepada sungai-sungai apa itu?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Sungai Simbulan. Tapi saya khuatir surat yang akan dihantar kepada pengarah hospital itu. Saya rasa pihak Yang Berhormat sepatutnya berhubung dengan pihak kementerian terlebih dahulu. Itu caranya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dua-dua pihak. Kita berhubung dengan kedua-dua pihak. Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Mesti kedua-dua pihak. Yang kedua mengenai plastik ini....

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Puteh.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, baik.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung, itu penyakit kulit. Saya sudah melawat ke Lojing ada 350 Orang Asli. Dia kata kepada saya Yang Berhormat, bukan sahaja Lojing botak, perut saya pun sudah botak sebab dia minum air tadahan macam susu. Yang Berhormat tahu Lojing? Yang Berhormat lahir di Kelantan, duduk di Kepong tapi kena ambil tahu juga Kelantan ini. Apa masalah tadi kulit, ini perut. Kulit perut dalam ini dia sudah makan air tadahan kotor, dia kata perut saya jadi sakit dan berbahaya. Apa pandangan Yang Berhormat, apa tugas kerajaan negeri Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang kerajaan negeri mesti ambil perhatian supaya semua orang termasuk Orang Asli dapat minum dan makan air yang bersih. Saya berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Kelantan itu ambil perhatian yang cukup untuk menyelesaikan masalah Pasir Puteh.

Masalah yang kedua disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Putatan itu mengenai plastik yang dibuang di dalam sungai itu memang ini kerja semua pihak termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) di Putatan itu mesti mengajar para penduduk supaya jangan buang ke dalam. Di Sungai Klang Kuala Lumpur ini kita ada 15 sekatan dan tiap-tiap hari kita pungut sekurang-kurangnya 50 tan sampah yang kebanyakan plastik dan membelanjakan berpuluh juta ringgit.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat bukan di sungai tapi di permukaan laut....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Permukaan laut lebih serius lagi.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** ... Laut Cina Selatan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya lebih teruk lagi. Itu kita nampak di permukaan di bawah pun banyak lagi. Saya pernah tengok di dasar laut banyak lagi.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Banyak ikan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan ikan sahaja, plastik di dasar laut banyak. Ini mengenai plastik tapi yang saya hendak cadangkan pihak kementerian mestilah mengadakan garis panduan untuk tapak pelupusan sisa toksik termasuklah pendidikan kepada para penduduk mengenai garis panduan ini mestilah termasuk masalah fizikal, geologi, lokasi dan saiz, kemudahan infrastruktur dan sosial dan persekitarannya dan juga kategori tanah dan sebagainya. Ini perlu kita buat garis panduan dan juga pendidikan untuk para penduduk kerana di mana pun kita cadangkan adakan tapak pelupusan sisa toksik mesti ada bantahan yang cukup hebat. Mungkin kita boleh letakkan tapak pelupusan sisa toksik di Putatan mungkin. Tak ada bantahan? Tuan Yang di-Pertua mengenai...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Siapa cakap?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Cadangan yang membuat ajaran kepada penduduk Putatan tak masuk akal. Ajaran sesat. Cuba Yang Berhormat cadangkan yang betul-

betul. Ini kalau ajar orang Kepong mungkin boleh. Tapi tempat-tempat lain mungkin ajaran itu sesatlah Yang Berhormat. Cuba bagi cadangan yang baik sedikit.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Seperti biasa Yang Berhormat bagi Putatan kurang sedar sedikit dan saya berharap dia dapat menyertai kursus-kursus mengenai masalah sisa toksik kita termasuk plastik. Kursus diperlukan. Tapi walau bagaimanapun, pihak berkuasa tempatan di Putatan mestilah bekerja dengan lebih kuat dan gigih untuk menyelesaikan masalah. Itu lebih realistik pihak berkuasa tempatan kerana Putatan pun dia segan sedikit hendak menegur PBT di Putatan itu hendak jaga kerusinya.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, mengenai punca-punca alam sekitar terhadap sisa toksik ini di air, di udara, di tanah dan juga tadi disebutkan sungai itu. Saya mencadangkan supaya kementerian itu membuat kajian yang baru untuk mengetahui tahap pencemaran di negara ini. Bagi saya, langkah yang dibuat, kajian dan bancian yang dibuat oleh pihak kementerian tidak mencukupi dan bukan untuk keadaan terkini dan perlu kita buat dan Tuan Yang di-Pertua, yang disebutkan di dalam rang undang-undang ini ialah untuk syarikat tempatan termasuk..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Puchong.

*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kawasan sendiri pun lupa?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Ketawa]*. Tadi kita cakap mengenai toksik, plastik. Tetapi sedarkah Yang Berhormat, yang sekarang masalah yang kurang, serius juga mengenai pencemaran ini ialah mengenai bahan-bahan buangan binaan khususnya di kawasan-kawasan perumahan yang baru dan juga kawasan-kawasan bandar. Masalah sekarang ialah kita seolah-olah tidak ada satu tempat pelupusan sisa-sisa buangan binaan ini seperti batu-bata, simen, kayu-kayu, besi-besi yang lain dan ini telah memberi satu gambaran yang buruk kepada banyak pihak. Ada pihak yang kata, PBT kata inilah kerja Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Alam Sekitar kata ini ialah kerja PBT.

Tetapi yang jadi mangsa ialah orang ramai. Tuan punya tanah dan juga tanah-tanah di negeri atau tanah-tanah Persekutuan. So, adakah Yang Berhormat cadang kepada kementerian bahawa kita mesti mengkhaskan satu tempat pelupusan bahan-bahan sisa buangan ini supaya ia dapat kita atasi masalah ini secara lebih sistematik, secara lebih terkawal lagi, supaya pencemaran alam ini dapat dikurangkan. So, adakah Yang Berhormat sanggup cadang kepada kementerian untuk buat ini?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, memang yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puchong itu penting kerana sisa bahan binaan itu banyak. Merata-rata tempat banyak dan tidak ada tempat khas untuknya dan biasanya di buangkan di tempat pelupusan

sampah yang lain. Saya berharap tidak akan dibuang di Bukit Tagar sekarang ini, Bukit Tagar di Hulu Selangor.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Menyampuk]* Rawang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Rawang situ dan Bukit Tagar. Saya berharaplah sisa binaan itu mestilah dibuang di dalam tempat khas untuknya. Dan di sini memang satu kelemahan kerana tapak pelupusan itu tak cukup. Kemudahan pun kurang dan kadar bayaran untuk membuang di dalam tapak pelupusan pun tinggi dan biasanya, masalahnya walaupun bahan binaan bukan di dalam bidang rang undang-undang ini, tapi itu penting juga kerana seperti sisa toksik dan bahaya biasanya susah dirawat dan kadangkala hanya dilupuskan secara kambus tanah sahaja dan itu pun bukan di tempat spesifik yang khas untuk sisa ini atau dieksport ataupun di simpan di premis kilang.

Ini memang kita tak boleh terima, hanya disimpan di premis kilang. Dan di sinilah kita perlu satu garis panduan bukan sahaja untuk sisa bahan binaan bahkan juga untuk semua jenis sisa toksik dan kalau kita hanya simpan di dalam premis kilang masing-masing, ini akan menimbulkan banyak masalah bukan sahaja dari segi ruangan simpanan yang terhad bahkan juga bahaya kepada orang ramai dan di sinilah kita perlu satu garis panduan baru untuk semua, lebih 10,000 kilang ini untuk mengendalikan, untuk merawat sisa-sisa toksik ini. Dan seterusnya mengenai sisa toksik yang diimport. Saya pun tak tahulah sebab apa hal ini berlaku di Johor, tempat lain saya tak dengar sangat. Sisa toksik diimport dan hanya di Johor. Saya pun..

**Seorang ahli:** *[Menyampuk]*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya memang. Saya pun tak faham. Kalau ada jenayah teruk pun di Johor juga dan walaupun di rang undang-undang ini tidak disebutkan masalah bahan sisa toksik yang diimport ya. Saya ingat itu denda dan hukuman ke atas orang yang mengimport pun mungkin kita perlu yang lebih teruk lagi kerana memang mereka mesti dibayar dengan lumayan. Kalau tidak siapa nak import sisa toksik? Dan saya pun juga mencadangkan supaya kita pun jangan eksportlah kepada negara yang lain kerana biasanya bahan toksik ini dieksport kepada negara-negara yang kurang maju. Dan ini akan menyusahkan penduduk-penduduk di negara yang kurang maju ini. Kita tak boleh mengamalkan pembuangan sisa toksik seperti negara-negara maju yang lain. Kadangkala dia buang ke negara kurang maju dan ini memang tidak adil dan saya berharap pihak kementerian dapat mengambil perhatian mengenai sisa toksik yang diimport dan di sini Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya kerana ada ramai lagi nak ucap.

Saya mencadangkan supaya kita adakan garis panduan yang lebih komprehensif terhadap pembuangan bahan terjadual dan berbahaya kerana bagi saya, setakat ini garis panduan yang ada tak cukup, tak cukup. Dan kita perlu garis panduan yang baru supaya pihak yang berkenaan dan rakyat Malaysia memahami apakah garis panduan ini dan juga untuk menguatkuasakan rang undang-undang ini apabila menjadi akta dan diwartakan kelak, kita mesti

menambahkan kakitangan yang terlatih, yang cukup di semua pihak berkuasa tempatan dan juga di dalam kementerian supaya mereka cekap untuk menguatkuasakan undang-undang yang kita luluskan hari ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Johor Bahru. *[Ketawa]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** *[Ketawa]*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa saya tidak akan menunjuk-nunjuk muka saya kepada yang lain.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Kiri kanan. *[Ketawa]*

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Kiri kanan kerana saya rasa saya bukanlah secomel Ahli-ahli Parlimen yang lain dan saya akan ikut peraturan Mesyuarat dengan berdepan dengan Tuan Yang di-Pertua dan saya akan cuba untuk bercakap dengan secara yang ringkas dan tepat kepada perkara ini. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah sekali lagi membentangkan satu rang undang-undang yang ada sangkut pautnya dengan alam sekitar.

■1500

Saya rasa memanglah, dari segi kemampuan kita untuk menggubal rang undang-undang, untuk menubuhkan lembaga, untuk mencadangkan bagaimana ia boleh dilakukan secara formal dan rasmi ini memang kerajaan kita tidak ketinggalan dari sudut ini, tetapi saya tidak mahulah bercakap hanya sebagai seorang *legislator* yang bercakap tentang soal rang undang-undang. Saya hendak bercakap sebagai seorang wakil rakyat yang melihat masalah alam sekitar ini dari sudut pandangan kumpulan yang sebenarnya mempunyai kepentingan yang terbesar, iaitu kumpulan *stakeholders* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita lihat kepada soal keadaan sungai yang tidak bersih dan tidak sihat sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pagi tadi berhubung dengan soal dan keadaan sungai-sungai, pencemaran di sungai-sungai. Saya lihat bahawa pendekatan kita kalau hanya melalui undang-undang dan melalui penguatkuasaan dengan menggunakan kakitangan kerajaan, menggunakan pihak PBT, menggunakan pihak Jabatan Alam Sekitar, saya rasa kita telah pun melalui beberapa tahun dengan masalah ini. Pendekatan kita selalunya kalau ikut cara formal, kita akan menggubal satu kontrak dan kontrak ini akan ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar sama ada dengan Kementerian Kewangan atau PBT ke, pejabat daerah. Selalunya pendekatan kita ialah untuk melihat kepada cara penyelesaian secara komersial kepada masalah yang dihadapi oleh kumpulan yang berkepentingan atau *stakeholders* yang sebenarnya tidak pula terlibat dalam soal ini.

Jadi, saya hendak kata cabar pun mungkin perkataan itu terlalu keras, tetapi saya hendak mengesyorkan kepada kementerian yang menjaga sungai, umpamanya yang bertanggung jawab kepada rang undang-undang bio-keselamatan ini. Kita ambillah pendekatan yang sudah turun temurun digunakan oleh masyarakat kita di negara ini iaitu apa konsep yang biasa digunakan ialah konsep gotong-royong, begitu. Hanya dalam keadaan kerajaan kita hendak bergerak kepada ke arah sebuah negara yang maju, kita mungkin ketepikan konsep gotong-royong, dalam keadaan kita ini sudah hendak jadi sebuah negara yang maju dengan ada sistem yang maju, sistem yang moden dan sebagainya. Kalau saya tafsirkan konsep gotong-royong sebagai dalam jargon hari ini, iaitu memperkasakan kumpulan yang berkepentingan dan tidak dipanggilkan gotong-royong iaitu *empower* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, memberi *empower the stakeholders* di dalam soal alam sekitar secara gotong-royong. Saya rasa mungkin hasilnya lebih baik. Saya ada sebuah sungai di Bandaraya Johor Bahru, di dalam kawasan Parlimen Johor Bahru. Ianya sungai yang memang tercemar, melihatkan keadaan sampah yang tidak terpungut dan memang pihak kerajaan negeri melalui PBT biasanya pendekatan bagi kontrak kepada satu syarikat yang berdaftar untuk memungut dan membersihkan sungai ini, sedangkan di sungai ini ada juga sekumpulan nelayan-nelayan yang juga bergantung hidup mereka kepada sungai ini.

Mereka merupakan *stakeholders* dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang sebenarnya dan di sepanjang sungai ini juga terdapat Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang boleh dilibatkan dalam soal alam sekitar. Saya hendak mengesyorkan kepada Jabatan Parit dan Saliran, kalau ada peruntukan, wujudkan satu program, gerakkan satu program untuk melibatkan semua pihak yang mempunyai kepentingan iaitu *stakeholders* bukan syarikat yang menunggu kontrak, tetapi kumpulan yang berada di sepanjang sungai itu melalui JKK mereka, kumpulan nelayan, untuk diupah. Bukan berdasarkan secara *lump sum* yang mana satu bilangan kos projek yang biasanya dilakukan dalam konteks sekarang, tetapi memberi secara insentif kepada keberatan atau jumlah sampah yang telah dipungut daripada sungai. Apabila sampah itu dipungut, dilakukan juga pemisahan daripada bahan plastik, bahan kayu, organik dan sebagainya dan memberi upahan berdasarkan beratnya atau jumlah yang telah dipungut dan diasingkan.

Saya rasa kalau kita mengambil tindakan seperti ini, dengan melibatkan kumpulan-kumpulan yang berkepentingan yang maksud saya, dengan *stakeholders*, kumpulan nelayan, jawatankuasa kemajuan kampung, persatuan pengilang-pengilang yang berdekatan, jawatankuasa penduduk taman perumahan, saya rasa kita tidak perlu sangat terlalu banyak pegawai-pegawai penguat kuasa yang sebenarnya akan hanya berpandukan kepada soal bagaimana hendak menterjemahkan undang-undang. Keadaannya jelas bahawa kita berhadapan dengan masalah alam sekitar. Sekarang kita barulah masuk kepada zaman bio-keselamatan, tetapi yang asas, soal kebersihan dan pencemaran sungai ini, masih belum lagi kita selesaikan, yang asas dan yang *basic*.

Kita mendengar tentang cerita pasal *plastic bag* atau beg-beg plastik. Ini menunjukkan bahawa sebenarnya sambil kita sudah merayau-rayau, melihat kepada soal yang begitu sofistikated, yang moden dan sebagainya, bukan tidak perlu, memang perlu. Kalau kita sudah meningkat kepada bahagian yang begitu moden dan sofistikated, tentang soal *biohazard* dan sebagainya, tetapi tidak dapat kita selesaikan yang asas. Saya rasa mungkin yang silapnya ialah pendekatan kita. Sebab itu saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Alam Sekitar, melalui jabatannya supaya mengambil satu pendekatan yang *basic*, yang asas, balik semula kepada cara kita bekerja dahulu dengan melibatkan kumpulan-kumpulan yang berkepentingan dalam program alam sekitar kita dan...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [*Bangun*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sabak Bernam.

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** ... dan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habis dah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Saya ingat perkara ini kritikal. Orang kampung ini, saya daripada Sabak Bernam ini. Selalu dijadikan satu eksperimen - percubaan tanpa mereka dilibatkan. Saya bagi contoh umpamanya, di kawasan Sabak Bernam, separuh daripada kawasan itu adalah bendang, padi. Dahulu daripada padi mereka dapat duit, dan daripada parit dan kawasan perairan mereka dapat ikan keli, ikan sepat, ikan haruan dan macam-macam ikan air tawar dan biasanya...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Ikan puyu, seekor lagi.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** ..dan ikan ketutus sekali, terima kasih, tetapi yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Johor Bahru, ternakan ini yang tidak ditenak sebenarnya memberikan suatu keuntungan yang sebenarnya lebih baik daripada padi itu sendiri. Oleh sebab itu apa pandangan Yang Berhormat Johor Bahru supaya apabila sesuatu program ataupun projek atas nama bioteknologi yang dikatakan untuk kepentingan petani ini harus melibatkan mereka di peringkat akar umbi dahulu supaya kepentingan mereka ini dapat dijamin. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat Sabak Bernam bersetuju dengan pendekatan saya, ya? Untuk memberikan kuasa balik, *empowerment* kepada kumpulan yang berkepentingan atau *stakeholders*. Kalau petani merupakan *stakeholders*, kumpulan yang berkepentingan tentulah patut dilibatkan dalam penyelidikan ataupun percubaan dan bagaimana dapat juga dipelihara alam sekitar. Itu yang *basic*, Tuan Yang di-Pertua. Ini mesej saya yang *basic* bahawa alam sekitar ini bukan masalah orang di Kuala Lumpur ataupun duduk dalam pejabat. Ini masalah orang ramai, orang di akar

umbi yang duduk berhadapan dengan sungai, yang duduk berhadapan dengan yang membuang sampah, yang mengotorkan keadaan. Cara penyelesaian saya rasa bukan cara dengan memberi kontrak, tetapi balik semula kepada bagaimana kita boleh melibatkan kumpulan yang berkepentingan di dalam soal alam sekitar.

■1510

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sabak Bernam bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya hendak mengambil kesempatan terlebih dahulu hendak mengalu-alukan pelajar-pelajar daripada SMK Sungai Besar, Sabak Bernam.

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih. Bagi pihak mereka saya mengucapkan terima kasih. Saya hendak minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak bercakap pendek sahaja pasal saya sebenarnya tidak hendak memberikan laluan kepada mana-mana pihak, tetapi kepada Ahli Yang Berhormat daripada Sabak Bernam saya bagi satu pengecualian. Yang lain saya minta maaf. Saya sudah hendak habis iaitu soal kita kena balik semula kepada pelaksanaan yang berkesan dan bukan cara birokratik, bukan cara korporat tetapi bagaimana kita boleh melaksanakan perbelanjaan kerajaan, tanggungjawab kerajaan dengan paling berkesan.

Saya percaya kalau Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dapat melibatkan Ahli Parlimen yang berminat tentang soal ini termasuklah daripada Sabak Bernam, daripada Kinabatangan, daripada Jerai dalam masalah tempatan dalam soal memperkasakan kumpulan yang berkepentingan ini di peringkat akar umbi. Saya percaya bahawa masalah alam sekitar ini dapat dikurangkan.

Dengan ini itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sungai Petani.

### 3.11 petang

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan pindaan akta untuk ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sabarlah giliran, pagi tadi orang lain bertugas Yang Berhormat, saya bertugas petang.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** ... Akta Alam Sekeliling 1974. Saya tahu perkara pindaannya agak pendek tetapi ia memberi makna yang besar. Cuma persoalan saya apakah pindaan ini selanjutnya akan menjamin kualiti alam sekitar kerana apakah tiap-tiap kali kita buat pindaan, kita buat itu, buat ini apakah seterusnya penguatkuasaan kita? Itu persoalan saya.



Malah dalam akta ini pindaan 34B seksyen 34B – mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara. Kita dengar pun begitu hebat dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga didenda yang tidak melebihi RM500,000. Bagi saya ini tidak mencukupi untuk dianggapkan ini sebagai *an act of deterrent*, dengan izin untuk orang tidak mencemar alam sekitar.

Saya ingin mencadangkan, saya rasa RM500,000 ini amat kecil mengapa tidak ia diletakkan RM5 juta bagi satu-satu kesalahan dan dipenjarakan selama 10 tahun bagi mereka yang melakukan kesalahan. Mengapa tidak kalau ini kita anggap adalah suatu perkara yang serius, mengapa pindaan pun kecil apatah lagi kalaulah mata wang kita nilainya itu akan menjadi kecil pada harinya, jadi mengapa tidak kita tambah sahaja wang nilai ini. Itu cadangan saya.

Cuma apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah, apakah hubungan pihak kementerian ini dengan agensi-agensi yang lain. Umpamanya yang terdekat sekali dalam hal ini dan kita juga akan buat satu akta, iaitu mengenai pelupusan pindaan pepejal....

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat, Pasir Puteh.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat abang saya Sungai Petani, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat saya tertarik apabila disebut hukuman ini tadi. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat lebih mana '*afdaliat*' yang aulanya, menghukum atau mendidik masyarakat. Apakah hukuman menjadi *priority* dalam mendidik menjadi *second priority*. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, saya bersetuju, yang aulanya ialah mendidik. Kemudian kalau mendidik tidak dengar juga, kita hukum dan kedua-dua ini amatlah penting. Kalau kita mendidik tidak ada hukuman, bermakna masih kita tidak melakukan satu-satu tindakan. Saya berharaplah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bersetuju dengan saya.

Saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai dengan saya katakan kita akan buat juga pembentangan undang-undang pelupusan sisa pepejal oleh kerajaan tempatan. Kementerian ini ada kaitan rapat dengan pihak PBT, yang mana PBTlah yang kita tahu yang akan sama ada bersetuju atau tidak bersetuju untuk satu-satu industri atau satu perusahaan itu diwujudkan, dan sudah tentu juga adanya kalau yang perlu diminta pandangan daripada pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sudah tentu dia akan buat ya ataupun tidak.

Saya hendak bangkitkan ini ialah kerana beberapa kes. Umpamanya macam baru-baru ini dalam tahun 2006, ada pihak menteri telah membuat komen, kalau tak silap saya mengenai dengan IWK yang mana kumbahan air *leachatenya* yang dibangkitkan oleh pihak PUAS mencemar Sungai Selangor sehingga air yang diminum ini kami bimbang.

Oleh yang demikian, apakah sekiranya kita luluskan undang-undang ini kalaulah didapati IWK bersalah, apakah CEOnya akan ditangkap dan didapati bersalah dihukum penjara. Apakah ini kita akan lakukan? Ataupun kalau ini benar pula, kedudukan menteri besar yang memberi kelulusan dalam exco dia kepada pihak IWKkah atau siapakah, apakah kalau ini berlaku pihak menteri besar juga akan dipenjarakan? Ini persoalan saya.

Begitu juga saya dengar khabar kata pencemaran-pencemaran yang lain misalnya di kawasan Dungun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading ]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading, Yang Berhormat bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, sila *brother*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato'. Selamat Petang. Dato' pun nampak ceria. Terima kasih Sungai Petani, apa yang dipersoalkan, apa yang diragukan, apa yang ditanyakan oleh Sungai Petani itu jauh di lubuk saya. Jauh di lubuk saya sama.

Soal penguatkuasaan, soal lulus undang-undang ini, pindaan ini di Parlimen ini bukan masalah. Termasuk parti pembangkang pun akan sokong pindaan ini, lebih-lebih lagi kita kerana pindaan ini sangat baik. Soal pelaksanaan ini sejauh mana keberanian penguat kuasa besok. Sejahtera mana keberanian. Kilang-kilang yang besar-besar yang sekarang berada di tepi-tepi sungai yang mengeluarkan macam-macam kekotoran yang mengazabkan rakyat tempatan boleh diambil tindakan atas rang undang-undang ini.

Ha, ha, ho, ho bukan mudah! Cakap atas kertas cantik. Kita luluskan di Parlimen. Semua orang mengeluarkan pendapat-pendapat, cadangan-cadangan, buah fikiran-buah fikiran yang cantik-cantik yang molek-molek yang 'molek-molek' ini. Ini kilang-kilang besar kadang-kadang hendak mengelakkan ini waktu hujan dia lepaskan asap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, berucapakah atau mahu bertanya ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bertanya ini. Saya bertanya Tuan Yang di-Pertua. Adakah berucap dengan bertanya ada perbezaan Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada kalau tanya bila, kenapa. Kalau berucap ini macam Yang Berhormatlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Oh! Begitu kalau bila, jadi bila, kenapa, macam mana itu bertanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Macam mana fikiran Sungai Petani soal pelaksanaan dan penguatkuasaan ini. Ini lepaskan dalam ... saya, di bahagian saya Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen saya ada tiga kawasan perindustrian yang masing-masing

mengeluarkan, mengeluarkan asap yang hitam legam tetapi dia lepaskan di waktu hujan, waktu malam, satu kilang saya tidak hendak namakan di sini bersebelahan dengan Universiti Tun Hussein Onn di Parit Raja di kawasan saya, bersebelahan keluaran asap yang boleh menghitamkan baju penuntut-penuntut universiti yang ada di asrama dalam kampus dia, buat bantahan, buat macam-macam.

■1520

Yang Besar tetap besar, Tuan Yang di-Pertua. Yang kaya tetap kaya. Nampaknya kekayaan, kebesaran boleh mengatasi undang-undang. Parlimen ini meluluskan tetapi hendak menguatkuasakan ini masalah. Bagaimana? Saya mengambil kata Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pendapat Sungai Petani? Ini pertanyaan saya. Terima kasih di atas kesabaran Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat. Sebab itulah mula-mula sekali ayat saya ialah walaupun kita lulus undang-undang ini, apakah dan bagaimanakah penguatkuasaan kita. Kalau kita ada peraturan macam ini, ini pindaan sahaja kepada akta ibu, pindaan kecil dari segi hukuman. Saya persoalkan juga penguatkuasaan. Ini yang saya akan bangkitkan lagi iaitu pegawai-pegawai yang bertugas dan kaitan kementerian ini dengan pihak PBT.

Macam Yang Berhormat bangkitkan tadi, siapa yang saya anggap dalang dengan izin, *the culprit* ini? Macam tadi saya bercakap mengenai IWK. Ini air kumbahan dia, dia keluar masuk. Kemudian dia masuk mencemarkan sungai, kita pam balik air. Kemudian segala macam kekotoran, pencemaran tadi ada dalam air. Ini proses yang kita hendak buat air itu menjadi air bersih menelan belanja yang besar.

Sekiranya masalah ini masih ada, adakah kita hendak menangkap syarikat itu? Syarikat itu ada macam-macam, pekerja atau yang menjadi CEO ataupun atas daripada CEO, apa-apa benda lagi dan adakah kita hendak penjarakan orang ini? Ini soalan saya. Kalau ada undang-undang tidak ambil tindakan buat apa? Macam Yang Berhormat katalah, kita boleh lulus. Kita bercakap dengan hebat dan gagah di sini tetapi tindakan tidak pernah diambil.

Misalnya macam di kawasan Jerai, di Gurun. Saya sudah dua tiga kali lalu pada waktu malam saya lihat satu kilang baja keluaran asap waktu malam. Tiap-tiap malam keluaran asap. Kilang baja ini saya tidak mahu sebutlah kilang siapa. Ini mencemarkan alam sekitar. *[Disampuk]* Saya tidak tahulah. Yang itu saya minta... Tidak apalah. Jadi, kilang-kilang ini kita kena *check* lagi.

Macam saya katakan tadi, saya hendak bangkitkan di Dungun misalnya. Yang Berhormat bagi Dungun tidak ada di sini. Di Dungun, misalnya, PBT biarkan orang menabur sampah begitu sahaja. Longgok sampah begitu sahaja. Bayangkan kalau hari hujan, air masuk ke dalam sungai. Begitu juga dengan sampah.

Ha, Timbalan Menteri *environment* tidak ada. [*Memandang ke arah tempat duduk Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*] Di Port Dickson di mana dia buang sampah dalam lombong lama yang tidak digunakan kemudian air itu mengalir ke Sungai Linggi. Sungai Linggi tercemar. Jadi, apakah tindakan ini semua? Siapakah yang harus kita ambil tindakan, adakah DO? Adakah Yang Dipertua PBT? Kalau dia betul-betul bersalah adakah dia hendak kena penjara? Ini soalnya, kalau kita luluskan hari ini. Ini jangan main-main. Ini serius maknanya. Implikasinya begitu serius sekali.

Oleh itu saya minta pihak kementerian sekali lagi, apakah kerjasama mereka dengan pihak PBT? Yang menjadi *culprit* dalam soal ini ialah PBT.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Sungai Petani, hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Jerai?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat adakah *bill-bill* yang kita luluskan dalam Parlimen ini tidak serius. Maknanya selama ini peraturan, undang-undang yang kita luluskan ini tidak serius kerana Yang Berhormat berkali-kali bertanya sama ada serius atau tidak serius. Jadi, jika *bill* dibawa masuk untuk kita bahas kalau tidak serius buat apa kita datang ke sini menghabiskan duit rakyat bersidang dalam Dewan ini?

Kalau keseriusannya itu maka tindakannya harus juga serius. Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat, maknanya kalaulah DO gagal menjalankan tugas, PBT gagal menjalankan tugas, maka tindakannya samalah. Pasal apa hendak dibeza-bezakan? Mereka ada *General Order* (GO) mereka, ambillah tindakan kalau kena gantung kerja atau apa. Macam kita jugalah wakil rakyat, macam itulah juga. Kita terikat kepada undang-undang juga. Semua dalam Dewan ini kita bolehlah, kalau di luar orang boleh saman kita, ambil tindakan terhadap kita. Walaupun begitu dalam Dewan ini pun kadang-kadang hak-hak kita pun sudah ditarik sedikit demi sedikit. [*Ketawa*] Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih. Terima kasih *my beloved brother*, dengan izin. Saya bukan kata kita tidak serius. Kita semua serius apa pindaan, apa akta. Kita adalah *legislator* untuk menggubal undang-undang. Persoalan saya adakah bila kita luluskan undang-undang ini kita serius dari segi penguatkuasaannya. Itu yang saya maksudkan kerana saya bimbang - maaf saya cakaplah di sini mengenai dengan kementerian ini.

Kita dengar bunyi bising, riuh sana sini iaitu apabila ada sesuatu kes misalnya, maka dia jadilah satu bahan *TV show*. *TV show* sahajalah, menteri bercakap lepas itu orang ini bercakap, orang itu komen, orang ini komen. Selepas itu *nothing happened*. Ini maksud saya.

Macam juga kementerian ini. Saya tidak tahulah. Hari itu kita buat tanam pokok bakau peringkat nasional di kawasan saya. Tiba-tiba bakau itu pun sudah hanyut pergi entah ke mana

pun kita tidak tahu. Ini yang patut kita *investigate*, patut kita buat dan tindakan-tindakan harus di ambil. Saya tidak salahkan juga kementerian ini. Saya mahu bertanya dengan kementerian ini adakah besar kemungkinannya tidak cukup pegawai-pegawai penguatkuasaan? Itu yang kita hendak tanya. Kalau tidak cukup kita tambah. Sekarang ini *population* kita sudah meningkat. Penduduk kita sudah ramai, kalau kita hendak tambah pegawai, mengapa tidak? Pegawai boleh kita tambah dan hasil mahsul kita pun banyak. Mengapa tidak boleh? Ramai graduan kita pada hari ini kalau kita anggap tidak ada pekerjaan dia boleh masuk dalam *service*. Apa masalahnya? Janganlah orang kata, oh, *civil service* di Malaysialah yang terbesar di dunia. Itu salah. Bayangkan penduduk kita berapa ramai? Misalnya yang hendak menjalankan tugas-tugas ini. Kita perlukan pegawai-pegawai. Apakah pegawai-pegawai tidak ada? Kalau tidak ada mengapa tidak kementerian mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk membuat pengambilan. Ini memanglah saya tahu JPA akan *control* dalam soal ini. Jadi mengapa tidak?

Soalnya berbalik kepada undang-undang ini. Saya berharap pihak kementerian boleh bekerjasama dengan PBT dan kita akan buat lagi satu undang-undang ini mengenai dengan sisa pepejal sedikit masa lagi. Adakah ia juga ada kaitan dengan ini dan apakah pula pegawai-pegawai PBT yang akan mengambil tindakan atas nama kementerian ini ataupun kementerian yang akan mengambil tindakan. Itu soalan saya.

Satu perkara lagi yang hendak saya bangkitkan ialah mengenai dengan budaya plastik. Banyak yang membangkitkan mengenai budaya plastik ini. Mengapa tidak kementerian ini, sekarang ini dari segi kempennya baru-baru ini saya baca melalui surat khabar tempatan mengenai dengan beg plastik yang digunakan secara berleluasa di negara kita. Padahal orang sudah bercakap di Eropah, mereka sudah tidak bercakap lagi mengenai plastik, dia kata dengan izin *biodegradable* - beg plastik yang boleh dilupuskan. Kalau kita buang dia boleh hancur. Sebab itulah masalah di Kuala Lumpur ini ialah bukan masalah *drainage*, bukan masalah SMART *Tunnel* tetapi masalah budaya plastik ini, dibuang di merata-rata. Penguatkuasaan tidak ambil tindakan. Ha, inilah parit tersumbat, hujan lima minit boleh tenggelam Kuala Lumpur! Ini dia akan berlaku. Saya berharap pihak kementerian serius dalam soal budaya plastik ini, bagaimana hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya budaya plastik ini dapat ditangani dengan baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih. Yang Berhormat, saya bersimpati dengan kementerian kita ini. Kementerian kita ini, kementerian Yang Berhormat Datuk Seri Azmi ini diasak, dikatakan macam-macam kerana tidak dapat mengawal. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian lain juga bertanggungjawab.

■1530

Contohnya macam PBT, dia bertanggungjawab. Bandaraya, Datuk Bandar dia bertanggungjawab. Kalaulah air banjir di Kuala Lumpur, pasal apa tunjuk tangan kepada

kementerian? Sudah awak jadi Datuk Bandar. Carilah sebab musabab dia. Lubang mana tersumbat joloklah bagi dia tidak tersumbat. Plastik kat mana hendak kutip. Ini hendak salah kementerian.

Jadi Kementerian Alam Sekitar ini dia menjaga alam sekitar. Mengeluarkan undang-undang untuk menjaga tetapi kelulusan saya nampak daripada pembangunan ini bergantung di majlis daerah, Dewan Bandar Raya dan pejabat-pejabat daerah. Mungkin pegawai daripada kementerian hanya menduduki sebagai salah seorang daripada jawatankuasa. Kadang-kadang apabila *pressure* datang dia bagilah. Benda yang tidak boleh lulus pun dia lulus. Saya keluar Tuan Yang di-Pertua, kalau saya balik ikut Jalan Duta ini, kiri kanan duduk tanah runtuh. Satu itu rumah besar itu. Mereka kata orang Singapura punya rumah. Sebelah kanan saya itu dekat dengan kedai orang jual kerusi meja itu pun tanah runtuh.

Jadi tak kan hendak salah kementerian. Yang lulus buat rumah di atas itu siapa? Jadi boleh tidak kita cuba bantu kementerian. Kesian dekat kementerian ini. Sampai Setiausaha Parlimen kejam terlina, kejam terjaga. Dia rasa demam. Dia bagi tahu saya dia demam. Demam dia hendak pergi ke klinik, doktor pula tidak boleh bagi ubat. Dia masuk baliklah. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya sebenarnya bersetuju dengan Yang Berhormat. Saya bukan hendak longgok, saya hendak buat tuduhan kepada Kementerian Alam Sekitar semata-mata. Tidak! Sebab itu saya katakan apakah kerjasama antara kementerian ini dengan pihak PBT? PBT macam Yang Berhormat sebutkan juga. Macam Kuala Lumpur saya kata. Ya semua orang mesti bertanggungjawab dalam hal ini termasuk kita juga yang bertanggungjawab iaitu kita sebagai wakil rakyat juga, ini saya dengar dia orang dah jalankan kempen ini. Saya tidak tahulah dia hendak bagi peruntukan ataupun tidak.

Misalnya kempen alam sekitar. Macam kita kata jangan dok buang sampah. Kita pun tidak faham dengan budaya kita sebab apabila seseorang murid itu masuk sekolah, dia cukup bersih dan sekolah dia tidak pernah menyampah, dia tidak pernah buang kertas sana sini. Tetapi apabila dia keluar saja dari pagar sekolah, kenapa dia boleh buang sana, buang sini. Itu kita tidak faham. Macam dalam rumah kita, kita tidak buang sampah tetapi kita keluar misalnya orang kereta banyak kali sudah saya lihat. Dia buang beg plastik, dia buang apa atas jalan. Banyak berlaku ataupun dia sampai tempat rehat, dia buang plastik begitu saja. Saya tengok dengan mata kepala saya sendiri. Apa ini? Macam orang pergi berkelah di tepi pantai. Dia bawa botol plastik, dia bawa itu. Semua dia campak di atas pantai. Apakah ini saya maksudkan budaya kita? Jadi apakah pihak kementerian sekarang hendak menjalankan kempen umpamanya.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Hari itu dia buat kempen cukup cantik. Kempen hendak buang botol dalam tong sampah ini, buang surat khabar di sini tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ROI, ROI.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** ROI di belakang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Inilah saya kira apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani adalah merupakan kata kunci yang cukup penting sekali. Masalah kita adalah budaya tanggungjawab itu, *the culture of responsibility* itu tidak ada. Maka saya kira ini perkara yang cukup penting bagi kita. Kita bercakap tentang pencemaran alam udara, toksik serba macam itu. Selagi kita tidak menyelesaikan masalah *the culture of responsibility*, budaya bertanggungjawab, adab kita ini saya kira adalah masalahnya. Apa pandangan Yang Berhormat sebagai bekas seorang pendidik dan bekas seorang Timbalan Menteri Pelajaran ini?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** [Ketawa] Semua tanya masa kita jadi pegawai pentadbir. Saya bersetuju. Jadi yang inilah dia semua seperti yang Jerai bangkit tadi betullah. Semua pihak terlibat. Jadi dalam hal ini macam saya kata bagaimanakah kita hendak membudayakan masyarakat kita supaya tidak mencemar alam sekitar? Macam tadi Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sebut. Pendidikan.

Jadi macam mana kita hendak didik? Di sekolah kita ajar begitu begini dan sebagainya tetapi dia keluar pagar sekolah sudah berbeza. Jadi yang mana kita hendak lakukan. Adakah tadi macam saya balik pada soal yang saya sebut tadi, kempen dalam TV buang sampah buang di tong sana, tong sini tetapi apabila kita keluar, kita hendak buanglah. Botol di dalam tong ini, yang kertas di sini. Tetapi tidak ada benda itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Puteh, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** PBT tidak pun adakan peruntukan itu. Saya tidak faham, sini buat yang ini, sini buat yang ini. Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Sikit saja lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang. Saya hendak bagi satu kata-kata hikmah. "Mati jasad tiada roh, mati roh tiada ilmu". "Mati ilmu tiada amal, mati amal tiada ikhlas". "Mati ikhlas tiada kebenaran, mati kebenaran tiada ketentuan". Itulah saya rasa saya sokong tadi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tiada klinik kita mati.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya amat menghargai pandangan Yang Berhormat itu. Begitu juga saya katakan tadi bangkit kepada soal budaya plastik. Adakah pihak kementerian tadi akan mencadangkan pihak Kabinet untuk mengambil langkah-langkah yang tertentu mengenai dengan budaya plastik

ini. Kita kembali kepada plastik yang boleh *biodegradable* plastik beg ataupun kita hendak pakai balik kertas-kertas lama. Dulu kita bungkuskan semua buat kertas surat khabar tetapi kita boleh gunakan kertas-kertas yang kita panggil *brown paper* beg ke, apa semua ke. Menggalak balik benda ini.

Jadi kita balik kepada soal persoalan tadi. Salah seorang daripada kita telah bangkit *recycling*. Adakah syarikat-syarikat ini akan juga turut serta dalam proses *recycling*? Misalnya botol, misalnya plastik dan sebagainya. Dia melakukan proses *recycling* yang terdapat di negara-negara maju yang proses *recycling* itu begitu baik sekali.

Yang akhir sekali ialah saya sekali lagi pihak PBT saya pohon bekerjasama dengan pihak kementerian dalam mengeluarkan lesen-lesen bagi industri-industri yang mana beroperasi di tepi sungai. Memang undang-undang itu sudah ada. Yang mereka lulus dan juga apakah pemeriksaan setiap kali mereka lakukan? Adakah betul ataupun tidak? Begitu juga termasuk dengan industri penternakan.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beluran bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya lihat industri penternakan terutama sekali industri ternakan babi misalnya dan ayam itik juga selalu kenapa dia cari sungai? Saya tidak tahu kenapa. Ya, *please*.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Cadangan untuk melibatkan pihak industri sebenarnya sudah kita lakukan. Saya nampak MC, MC dia ambil daripada syarikat telekomunikasi ada satu *pool money*, kemudian gunakan duit itu untuk *develop* pemancar telekomunikasi. Begitu juga MPOB dia kutip wang daripada industri kelapa sawit. Kemudian MPOB *displace* wang untuk industri balik. Apakah Yang Berhormat cadang pihak industri plastik, industri yang itu. Kita kerajaan wujudkan satu lagi badan untuk mengutip jumlah yuran, jumlah pungutan wang daripada industri ini dan gunakan wang ini untuk mengurus masalah pencemaran.

Kementerian kena lihat perkara ini dan gunakan kutipan wang itu untuk balik kepada kebaikan sisa-sisa, *address* sisa-sisa daripada industri. Mengapa kerajaan tidak buat? Adakah Yang Berhormat nampak ini dan ingin mencadangkan kepada pihak industri. Pada masa yang sama kita tidak boleh cakap soal plastik sebagai sesuatu yang *non-biodegradable*, tetapi pada masa yang sama kita tidak mencari alternatif kerajaan, Kementerian Alam Sekitar, Kementerian Kerajaan Tempatan. Mengapa tidak balik kepada kertas umpamanya, *enforce the law* jadikan itu sebagai satu undang-undang untuk *address* kepada isu pencemaran plastik.

So, maknanya kerajaan bercakap tentang keperluan tentang *environment* yang baik tetapi pada masa yang sama tidak mengambil langkah-langkah ke arah *environment* yang baik. Mesti ada konflik. Konflik Kementerian Kerajaan Tempatan, ada konflik kehendak MITI, ada konflik



kehendak Kementerian *Environment*. Apa pendapat Yang Berhormat? Konflik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ada konflik kehendak MITI, ada konflik kehendak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, bagaimana pandangan Yang Berhormat?

■1540

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Saya amat bersetuju malah cadangan Yang Berhormat itu saya rasa patut diberi perhatian oleh pihak kementerian macam betul Yang Berhormat kata industri-industri patut terlibat. Misalnya macam proses *recycling* yang saya bangkitkan tadi yang mana dilakukan di Germany benda ini. Dia telah proses dan dia *recycle* balik. Misalnya botol-botol plastik dan sebagainya dan apabila kita tukar balik kita boleh dapat satu sen kah ataupun sepuluh sen satu botolkah apakah. Jadi *can* dan sebagainya boleh pula kita buat *recycling* tetapi mengapa tidak benda ini diperluaskan lagi.

Itu amat setuju, sebab itu saya bangkit tadi mengenai dengan apabila kita keluarkan lesen atau kelulusan bagi satu-satu industri, kita harus pastikan benda-benda ini dapat dituruti. Misalnya macam air kumbahan, mengapa dia misalnya macam di Selangor ini saya dengar masalah tentang kumbahan penternakan babi misalnya hendak dipindah ke kawasan pendalaman tetapi masih ada di tepi sungai. Begitu juga orang yang buat ternakan ayam, dia juga buat tepi sungai, dia buang benda-benda itu tepi sungai. Jadi adakah ini saya minta sekali lagi, apakah langkah-langkah yang perlu diambil semasa kita meluluskan lesen dia ataupun industri dia.

Lainlah kalau industri haram, itu kita tidak ada kawalan. Itu PBT boleh tangkap tutup terus tetapi dalam hal ini berlaku. Jadi apakah penguatkuasaan tadi yang saya bangkitkan. Kalaulah kita tidak mengambil tindakan secara cepat, benda ini akan terus menerus akan berlaku dan kita percayalah apakah kita akan mencapai sebuah negara maju kalau ini tidak diambil tindakan lebih awal. Kalau kita hendak lihat negara kita maju mengapa tidak langkah-langkah ini?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi menyebut tentang *enforcement* dengan izin. Saya hendak beritahu di sini walaupun ada industri-industri secara haram yang telah mencemarkan keadaan setempat, saya ambil contoh di kawasan saya secara spesifiklah. Kita adukan kepada pihak berkuasa tempatan tetapi mereka tidak berani mengambil tindakan. Kononnya industri ini telah dibuat di atas tanah dia sendiri. Walaupun kelulusan mesti diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan untuk menentukan cadangan-cadangan yang menyebabkan berlakunya pencemaran tetapi mereka tidak berani, tidak berani ambil tindakan.

Seolah-olah industri seperti ini, yang secara haram ini didalangi orang dalam. Ini kes saya sebut, yang saya sendiri cuba ajukan kenapa tidak boleh diambil tindakan. Saya bagi contohnya, di kawasan saya, hendak dirikan sebuah Kolej Tinggi Kemahiran Mara, Yang Berhormat Menteri ada di sini. Yang Berhormat Menteri pernah meletakkan batu asas untuk mendirikan projek ini sewaktu pilihan raya yang lalu. Tiba-tiba naik satu projek ayam dan sudah tentu menyebabkan akan mengganggu sekiranya projek ini diteruskan, 3,000 orang pelajar hendak masuk. Sudah tentu MARA tidak akan mahu meneruskan projek ini tetapi anehnya, bagaimana industri seperti ini boleh dibangunkan secara haram dan bila kita ajukan perkara ini ke peringkat yang lebih berkuasa, mereka tidak boleh ambil tindakan.

Jadi kalau kita ada undang-undang untuk lulus di Parlimen ini, hanya setakat kita meluluskan, kita tengok sahaja kita bercakap, kita menuding jari kepada semua pihak, seolah-olah tidak ada siapa yang betul, tidak ada siapa yang bertanggungjawab, bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah pencemaran alam. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini yang saya maksudkan dan saya bangkitkan tadi, apabila ini bermula daripada baru-baru masa kita hendak meluluskan satu-satu projek itu harus dibawa ini sebagai pertimbangan terlebih dahulu. Sebab itu kelulusan daripada pihak kementerian perlu diperoleh dan juga pihak PBT untuk meluluskan. Sudah tentu mereka ada *planning-planning* yang tertentu tetapi malangnya *planning* ini tidak dilaksanakan. Dia biar begitu sahaja, terus-menerus berlaku dan masalah demi masalah walaupun kita tukar Yang Di-Pertua Majlis Bandaran, tukar *mayor* dan sebagainya, benda itu dia terus-menerus *accumulate* tetapi bagaimanakah penyelesaiannya?

Kita ada peraturan macam Yang Berhormat kata betul kita lulus undang-undang di Dewan Negeri di Parlimen, macam-macam undang-undang tetapi macam Yang Berhormat bangkit, saya bersetuju, penguatkuasaan tidak ada diambil tindakan. Kalaupun ada sekadar itu sahajalah, bagi *warning* dan sebagainya dan perlu atau tidak kita melihat semula iaitu berapa tahun misalnya industri beroperasi, dia akan dinilai semula dan kemudian diberi *certificate* sama ada *yes or no* ataupun dia diminta ubahsuaikan itu dan ini kalau adanya *complaint* dan perlu ditinjau daripada semasa ke semasa walaupun lesen itu sudah pun diluluskan dan beroperasi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat saya hendak mencadangkan supaya penyelarasan, seolah-olah alam sekitar ini yang terakhir yang dirujuk. Kadang-kadang industri sebagai contoh yang secara *illegal* dengan izin, walaupun tidak seharusnya mendapat keputusan tetapi mereka dapat bekalan api, bekalan air. Sedangkan sepatutnya dia dirujuk dulu kepada Kementerian Alam Sekitar yang lebih tahu tentang kedudukan tapak tersebut sama ada boleh diteruskan ataupun tidak. Inilah yang menjadi masalah kerana tidak ada penyelarasan di antara satu agensi dengan agensi yang lain.

Jadi saya berharap saya ingin mencadangkan supaya penyelarasan ini amat penting adanya persefahaman tidak lagi boleh main macam tolak-menolak. Biasanya agensi ini mengatakan bukan tugas dia, bukan bidang kuasa dia. Ini menimbulkan masalah kalau di sungai seolah-olah semuanya diserahkan kepada JPS sedangkan JKR juga bertanggungjawab sedangkan agensi PBT yang lain pun bertanggungjawab, tidak ada penyelarasan. Kalau ini berterusan sebagaimana kata Perdana Menteri kita, *delivery system* ini, akhirnya akan menyulitkan lagi keadaan, akhirnya rakyat yang akan menjadi mangsa dan akhirnya kita akan terlewat dalam mengejar pembangunan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Betul Yang Berhormat. Saya berterima kasih kepada pandangan Yang Berhormat, sebab itu saya sudah bangkit berkali-kali mengenai dengan hubung kait dan kerjasama antara kementerian dan PBT misalnya dan adakah ahli-ahli dia. Sekali lagi persoalan juga timbul di sini soal *Federal* dan juga negeri. Yang negeri kata ini hak negeri dan yang *Federal* kata ini hak *Federal*. Jadi yang mana satu, dengan itu kita berharaplah kerjasama dan hubungan baik antara *Federal* dan negeri dan antara PBT dan pihak kementerian dalam meluluskan satu-satu projek.

Akhir sekali yang saya hendak menyebut di sini ialah saya turut menyokong akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Mambong.

### 3.48 petang

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling hanya kepada Seksyen 34(b) Sub Seksyen (4) yang mana hukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan juga denda tidak melebihi RM500,000. Ini hanya denda dan hukuman sahaja tetapi isu yang lebih besar adalah isu bagaimanakah kementerian boleh mengawal, boleh mengurus pembuangan sisa-sisa toksik ataupun *schedule waste*, yang paling penting di dalam perkara ini adalah *regulation*. Saya tidak ada terjemahan dalam Bahasa Melayu tetapi dalam Bahasa Inggerisnya ialah, '*Environmental Quality, Schedule Waste Regulation 1989*.'

Di dalam *regulation* ini pelbagai langkah telah pun digariskan, termasuk langkah untuk pembuangan sisa-sisa toksik, rawatan sisa-sisa toksik, pengangkutan sisa-sisa toksik dan juga *waste generator*. Semuanya ini ada tetapi kenapa masalah ini yang berlaku? Berlaku setiap hari, berlaku setiap minggu, berlaku setiap bulan dan berlaku setiap tahun, kita dengar masalah ini.

#### ■1550

Masalahnya ialah penguatkuasaan, adakah langkah-langkah penguatkuasaan di dalam peraturan ini mencukupi? Untuk pegawai dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar melaksanakannya. Ini adalah yang paling penting daripada hukuman. Walaupun hukuman rendah, jika penguatkuasaan efektif dan berkesan, masalah ini sudah tentu tidak berlaku. Di

dalam peraturan ini juga kalau kita lihat, pelbagai sisa-sisa toksik di dalam Jadual Pertama di gariskan di sini [*merujuk kepada satu dokumen*] pelbagai, tetapi adakah senarai ini senarai yang *exotic*? Sebab pada masa sekarang banyak lagi jenis-jenis sisa toksik yang tidak tersenarai di dalam ini.

Kenapa tidak kalau kita ambil kira saja sifat-sifat sisa-sisa toksik, kalau sisa-sisa toksik itu bersifatnya sebagai perumpamaan mudah terbakar maka di situlah kita harus mengawal, kerana sifat-sifat ini adalah penting dan yang di senaraikan di Jadual Pertama adalah sangat spesifik. Jadi banyak lagi sisa-sisa toksik pada masa sekarang yang tidak termasuk di dalam jadual ini dan selalu kita dengar menjadi masalah pembuangan. Apa terjadi sebagai umpamaan kepada sisa-sisa toksik yang di buang di Johor dulu, yang bercampur dengan tanah dan sebagainya. Sudah tentu kes ini belum selesai lagi. Adakah sisa-sisa toksik seperti ini terjadual di dalam Jadual Pertama di situ?.

Banyak lagi, apakah terjadi kepada sisa-sisa toksik yang di bawa oleh treler di tangkap di Perak? Apakah tindakan yang di ambil sekarang? Adakah sisa-sisa itu terjadual juga di dalam senarai yang ada di dalam peraturan ini? Semuanya ini langkah-langkah seharusnya dipinda, langkah-langkah penguatkuasaan kerana peraturan *environmental quality is schedule of regulation* ini mengandungi hanya langkah-langkah penguatkuasaan.

Oleh itu, inilah yang kita harus ketatkan, bukan saja denda , bukan saja hukuman penjara tetapi langkah-langkah penguatkuasaan yang harus diperketat, dan dengan itu kuasa-kuasa pegawai, bagaimanakah mereka boleh ambil tindakan? Bagaimanakah mereka boleh masuk di dalam premis-premis yang dijadualkan yang mengeluarkan sisa-sisa toksik? Bagaimanakah mereka boleh memeriksa inventori hasil sisa-sisa dan juga inventori produk-produk yang kilang mengeluarkan dan daripadanya ialah pengeluaran sisa-sisa toksik. Ini semuanya penting kepada kementerian, jangan saja nak mengirakan tambah denda orang tidak membuang sisa-sisa toksik di mana-mana saja kerana di Semenanjung Malaysia hanya satu saja syarikat yang membuat rawatan sisa-sisa toksik di Bukit Nenas, iaitu Kualiti Alam, kalau..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Ayer Hitam silakan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Mambong, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sebagai seorang yang memang arif dalam alam sekitar.

Memandangkan kadar yang di kenakan oleh Kualiti Alam Sdn. Bhd. agak tinggi, jadi itu yang menyebabkan ada kecenderungan pihak pengusaha membuang sisa-sisa terjadual atau toksik ini secara sewenang-wenangnya. Apakah cadangan Yang Berhormat kepada kementerian selain meninggikan denda ini, apakah cara boleh kita meminta Kualiti Alam Sdn. Bhd. menurunkan kadar yang dikenakan sedangkan dari segi pelaburan *capacity* itu datangnya

daripada kerajaan. Mungkin itu merupakan satu pendekatan yang lebih baik bagi menyempurnakan sistem yang ada sekarang?.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih rakan Yang Berhormat Ayer Hitam, saya tidak tahu sama ada pelaburan untuk mengujudkan tempat rawatan sisa-sisa toksik itu dilabur oleh kerajaan, itu saya tidak tahu.

Sekarang ini yang saya tahu adalah harga yang mana mereka yang mengeluarkan sisa-sisa toksik membawakan sisa-sisa di Bukit Nenas di tempat Kualiti Alam Sdn. Bhd. membayar kurang lebih RM1,200 hingga RM2,900 satu metrik tan, itu harga untuk rawatan sisa-sisa toksik.

Namun walaupun demikian, jika dibandingkan dengan pengeluaran mereka keuntungan daripada hasil-hasil produk mereka kalau dibandingkan dengan harga rawatan sisa toksik, mungkin itu lebih besar kita pun tidak tahu tetapi harga ini bergantung kepada jenis sisa-sisa toksik, sama ada ianya harus dibakar di dalam ketuhar kerana ketuhar itu harganya kos untuk menyediakan ketuhar itu memang amat tinggi sekurang-kurangnya RM25 juta sekarang untuk kapasiti yang kecil, untuk hanya kapasiti 10 metrik tan saja ataupun sama ada sisa-sisa toksik itu hanya boleh di kubur di dalam tapak *secure land fill* bergantung kepada jenis-jenis sisa toksik.

Walaupun demikian, saya rasa adalah satu *cost benefit analysis* untuk syarikat Kualiti Alam Sdn. Bhd. dan untuk mereka yang mengeluarkan sisa-sisa toksik. Apa yang saya bimbang ialah.. .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, nak bagi jalan Kubang Kerian.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Kubang Kerian, okey silakan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sahabat kita daripada Mambong ini pakar dalam bidang alam sekitar saya ingin bertanya pengalaman Yang Berhormat mungkin dalam lawatan kerja ataupun mana-mana *conference* antarabangsa, negara-negara maju bagaimanakah mekanisme mereka menghapuskan sisa-sisa toksik ini? Adakah mereka menggunakan *incinerator* sebagai contoh ke atau bagaimana cara yang terbaik yang boleh secara praktikalnya dilaksanakan dalam negara kita, kalau ada jawapan saya minta penjelasan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Di negara mana-mana pun langkah yang pertama adalah pengurangan pengeluaran sisa-sisa toksik. Ini boleh dilakukan di dalam kilang-kilang di tapak-tapak yang menghasilkan produk-produk yang tertentu, ini adalah paling penting langkah pertama.

Langkah kedua, adalah pelupusan dan rawatan di tempat-tempat yang memang didirikan khas untuk itu. Di kebanyakan negara memang mereka menggunakan *incinerator*. *Incinerator* sekarang ini adalah teknologi berlainan dan teknologi tinggi dan ianya boleh membakarkan walau pelbagai *emit* material pun, berapa tinggi keracunannya ianya boleh membakarkan itu, itu tidak menjadi masalah lagi memang menggunakan *incinerator*. Ya, Yang Berhormat Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya nak menjuruskan kepada cadangan daripada Yang Berhormat setuju memberi penjelasan.

Masalah tentang undang-undang penguatkuasaan, kita tahu bahawa inisiatif kepada pemberi maklumat..

■1600

Kalau pemberi maklumat ke atas tangkapan penjenayah yang melakukan kesalahan dari segi perhutanan atau pembalakan, ada insentif kepada pemberi-pemberi maklumat yang disediakan oleh kerajaan dan juga kepada Perhilitan yang memberi maklumat. Jadi barangkali sudah tiba masanya kita didik sedikit masyarakat kita ini dengan menyediakan insentif kepada penjenayah-penjenayah alam sekitar yang telah ditangkap ataupun didakwa di mahkamah. Walaupun saya sebutkan tadi Yang Berhormat tentang pembalakan.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua saya berpeluang pergi ke Parlimen Kuala Rajang di Sarawak kerana dijemput. Saya berpengalaman naik feri pukul 4.30 pagi untuk sampai dari Daro ke Sibu. Bayangkan walaupun masalah pembalakan ini menjadi satu masalah pencemaran sungai, tetapi saya tidak tahulah macam mana masyarakat di sana yang terdedah kepada pembuangan sisa-sisa kayu balak ini dalam keadaan 4.30 pagi Yang Berhormat hendak melalui Sungai Rajang itu bukan pendek, panjang. Saya mengalaminya tiga jam. Cuma hendak merasai bagaimana yang dirasai oleh penduduk di sana terpaksa subuh 4 pagi, kita hanya mendengar. Ini pengalaman saya sendiri. Menaiki feri 4.30 pagi dari Daro kawasan Kuala Rajang kawasan Yang Berhormat kita ini, hendak sampai ke Sibu untuk menaiki pesawat balik ke Kuala Lumpur. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau... dahulu pernah berlaku pelanggaran feri di sungai yang sama. Jadi, barangkalilah Yang Berhormat, di samping kita bercakap soal undang-undang, soal penguat kuasa, teguran, saya merasakan insentif seperti ini juga perlu diperluaskan lagi kepada penjenayah alam sekitar ini seperti pembuangan sisa-sisa toksik yang telah rakan-rakan sebut tadi. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Yang Berhormat Larut. Memang betul kata Yang Berhormat Larut. Kita seharusnya ada insentif kerana kakitangan dan pegawai Jabatan Alam Sekitar kita boleh kira, saya boleh kira saya tahu bukan semua, tetapi setengah daripada bilangan mereka saya memang kenal, Jabatan Alam Sekitar. Bilangan mereka tidak ramai, itulah sebabnya jika ada pengaduan dan orang itu ditangkap, semestinya insentif haruslah diberi. Itu tidak jadi masalah pun, kerana itu ada di dalam peruntukan 36B. Dia untuk apa-apa sahaja, di dalam peruntukan 36B *Establishment Of Environmental Park*, kalaulah ada duit, sudah dimasukkan di dalam tabung itu, kita boleh gunakan duit ini untuk bayar insentif.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beluran Yang Berhormat.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Jika ada laporan dan pengaduan dan orang itu ditangkap, dan dihadap ke mahkamah didapati bersalah, masukkan dia dalam jel, orang yang mengadu pun seharusnya mendapat insentif kerana pegawai penguatkuasaan di dalam jabatan ini memang saya tahu tidak mencukupi. Ya, Beluran.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Mambong. Sebagai *expert* dalam *environment* ada dua perkara yang saya inginkan pendapat Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang pertama keseriusan kita terhadap kualiti dari sudut penyelarasan undang-undang. Di Semenanjung ini air kumbahan daripada kilang kelapa sawit mesti diukur pada tahap tidak melebihi 50 ppm. Di Sabah 100 ppm, diukur pada minimum 100 ppm. Kita nampak dua standard yang berbeza. Soal undang-undang kenapa kita tidak seragam? Saya difahamkan bahawa Sarawak ingin turunkan kepada minimum 2 ppm. Maknanya kita tidak ada keseragaman dari segi undang-undang untuk menyeragamkan standard alam sekitar yang mahu kita wujudkan, apa pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini.

Yang keduanya di kawasan luar bandar, air kumbahan dari kilang kelapa sawit merupakan *culprit* utama terhadap pencemaran alam sekitar.

Kita cuma ada satu pendekatan yang ada sekarang ini yang dijadikan undang-undang iaitu dengan mengadakan *oxidation pond*, proses *oxidation* melalui kolam-kolam oksidasi dan yang nyata sekarang ini, pendekatan ini tidak efektif untuk mengawal alam sekitar terutama sungai. Kerana prosesnya boleh *dishort* 10 kolam prosesnya satu bulan, tetapi kebanyakan kilang ini, industri ini *short cut*kan proses ini. Akhirnya air kumbahan yang dikeluarkan daripada *the last pond* itu tidak sebersih seperti yang dikehendaki. Yang Berhormat, apakah tidak kerajaan atau kementerian yang tertentu ini *formulate* kaedah baru untuk memproses air kumbahan ini umpamanya. Jadikan itu sebagai undang-undang baru untuk dilaksanakan.

Jika kita serius dari segi undang-undang, makna sekarang *oxidation pond* ini, tidak menyelesaikan kepada masalah alam sekitar kita. *How many years?* Berapa lama kita harus melihat? Mengapa tidak ada proses baru jadikan itu sebagai undang-undang, kita tidak boleh balik kepada soal terlalu mahal, tidak *cost effective* kerana kalau berbuat demikian, kita melihat kepada keuntungan dan memperkecilkan soal alam sekitar. Jadi maknanya kita mempunyai konflik, ekonomi konflik, soal *environment* dijadikan sebagai faktor yang terkecil, yang paling akhir sekali. Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Yang pertama Yang Berhormat menyentuh tentang standard. Ini adalah satu standard di mana di Semenanjung Malaysia air kumbahan daripada kilang kelapa sawit yang seharusnya dikeluarkan daripada kilang adalah tahap 50 ppm ataupun ke bawah dan di Sabah 100 ppm ke bawah, di Sarawak 20 ppm ke bawah. Ini memang kita sudah buat, tetapi walaupun ianya sudah

dibuat begini, pembuangan air kumbahan daripada kilang-kilang kelapa sawit tertakluk kepada perundangan yang berlainan pula. Bukan kepada perundangan yang saya sebut tadi untuk mengawalkan sisa-sisa toksik. Ini di bawah perundangan *Environmental Quality (Sewage and Industrial Effluents) Regulations* 1979.

Di dalam *meregulation* ini ataupun peraturan ini, memang untuk Semenanjung Malaysia, untuk seluruh negara kelas B, memang kelas B, kelas B ialah 50 ppm. Itu untuk kelas B. Kelas A, 20 ppm. Tetapi di Sarawak, mengapa ianya 20 ppm, semasa saya bekerja dahulu di Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, saya melihat bahawa penduduk di Sarawak, ramai penduduk di kawasan luar bandar memang tinggal di tebing sungai. Oleh itu mereka menggunakan air sungai, memang *directly* air sungai, untuk masak, mandi, membasuh, mencuci dan sebagainya. Oleh itu saya melapor kepada kabinet negeri yang bersetuju ke atas standard 20 ppm dan jika Sabah mahu ikut, Sabah boleh buat yang sama kerana kita tidak mahu sungai yang tercemar.

Jadi ini adalah satu masalah standard kerana pada tiga empat bulan yang lepas, ada satu *accident* berlaku di sebuah kilang kelapa sawit di Sungai Niah. Apabila ianya berlaku semua air kumbahan, semua *sludge* daripada *oxidation pond* dan air kumbahan yang lain termasuk di dalam sungainya, dan kebetulan *water index point* ataupun tempat di mana JKR mengambil air mentah untuk dirawat tercemar dan ianya terpaksa ditutup satu minggu.

■1610

Ini adalah satu masalah yang besar. Oleh yang demikian, jika kita menyeragamkan agar pengeluaran air kumbahan daripada kilang-kilang kelapa sawit kepada standard yang amat tinggi, maka masalah juga berkurangan. Sekarang harga minyak kelapa sawit (CPO) mungkin RM2,600 satu metrik tan. Jika mereka meningkatkan standard dan membuat rawatan yang rapi, maka mereka tidak akan rugi kerana harga minyak kelapa sawit memang sudah amat tinggi.

Yang kedua, tentang *oxidation pour*. Ini adalah satu kaedah rawatan yang sudah lapuk. Kita sudah tidak guna itu lagi. Seharusnya kilang-kilang sepatutnya tidak guna itu. Teknologi untuk merawat air kumbahan dan juga *sludge* daripada kilang kelapa sawit memang sudah ada, tanpa buangan memang sudah ada. Satu syarikat Golden Hope di Bintulu telah pun menggunakan kaedah ini dan tiada pembuangan air kumbahan di dalam sungai. Teknologi seperti ini sudah wujud. Kenapakah mereka tidak menggunakan teknologi seperti ini? Ini memang benar.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Ya.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah benar, Yang Berhormat Mambong bahawa sehingga pada hari ini belum ada satu garis panduan yang komprehensif berhubung dengan pembuangan bahan terjadual dan berbahaya, termasuklah kumbahan yang Yang Berhormat nyatakan tadi. Jika sekiranya tidak ada satu garis panduan yang komprehensif telah dibuat oleh pihak kerajaan, bagaimana pula nanti dari segi



penguatkuasaan undang-undang yang kita laksanakan ini sebab untuk menguatkuasakan undang-undang ini, ia perlukan bukti-bukti yang tertentu yang sudah tentunya akan diasaskan kepada satu garis panduan yang komprehensif. Jadi apa pandangan Yang Berhormat sebagai seorang yang pakar dalam hal ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Beluran. Memang kita tidak dengar pun. *[Disampuk]* Ha? Tuaran, maaf, Tuaran. Memang kita tidak dengar pun. Mungkin penguatkuasaan daripada Jabatan Alam Sekitar dan PBT sudah pun dipertingkatkan ataupun memang pihak media tidak ada melaporkannya. Itu kita tidak tahu kerana kita hanya dengar, hanya membaca dalam surat khabar. Walaupun demikian, ianya bukan sahaja garis panduan. Peraturan ada. Ini adalah undang-undang, peraturan yang saya telah sebut. Ini adalah penting. Peraturan ini menggariskan langkah-langkah yang amat sesuai, yang betul jika ianya boleh dikuatkuasakan. Memang benar mereka boleh mengambil tindakan.

Tetapi apa yang saya mempertikaikan juga adalah senarai sisa-sisa bahan-bahan terjadual amat spesifik sekali di sini. Kalau kita melihat undang-undang daripada Singapura, ianya berlainan sedikit. Undang-undang Singapura, ianya berlainan daripada kita. Mereka menyenaraikan bahan-bahan berjadual mengikut *characteristic* ataupun sifat-sifat.

Yang pertama adalah sifat mudah bakar ataupun *ignitability*. Jadi apa sahaja yang mudah terbakar adalah di situ walaupun ianya tidak disenaraikan. Yang kedua, ianya boleh menyebabkan bahan-bahan gunaan berkarat ataupun *corrosivity*. Itu sifat yang kedua. Yang ketiga adalah sifat-sifat tindak balas dengan bahan-bahan lain ataupun *reactivity*. Yang keempat adalah tahap keracunan ataupun *toxicity*. Tahan keracunan ini memang banyaklah.

Yang pertama, ianya beracun jika dimakan atau diminum atau *acute oral toxicity*. Yang kedua, ianya menyebabkan kulit kita hangus ataupun terbakar ataupun *acute dermal toxicity*. Yang ketiga adalah *acute inhalation toxicity*. Ini termasuk wap atau *vapor*. Walaupun jauh kita menghidu, mungkin kita terkena juga. Ada rakan-rakan yang sebut tadi macam mana atau bagaimanakah bahan-bahan beracun boleh berlaku. Yang keempat adalah *acute aquatic toxicity*. Ini campuran dengan air. Walaupun ianya dibuang ke dalam sungai, ianya masih beracun juga. Kalau kita minum air sungai, kita akan terkena racun. Yang kelima adalah *carcinogenicity* ataupun ianya boleh menyebabkan kanser. Ianya bahan karsinogen.

Inilah sifat-sifat yang seharusnya kita masukkan di dalam jadual, selain daripada masukkan ataupun senaraikan yang sangat spesifik ini kerana bahan-bahan sekarang adalah bahan-bahan toksik ataupun bahan-bahan kimia memang sudah tidak dibenarkan masuk di dalam negara kita lagi. Jadi...

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** ...Tidak ada gunanya untuk masukkan ini di dalam jadual.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Mambong, Pendang.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Ya, Pendang, silakan.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Mambong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejarah *industrial hazard* kalau kita renung balik pernah berlaku yang menyebabkan ribuan nyawa meninggal dunia disebabkan oleh bahan-bahan toksik daripada industri ini dan mungkin negara kita juga sedang menuju ke arah itu dengan pembinaan pusat penapisan minyak di Yan, Kedah pada tahun-tahun yang mendatang.

Kalau kita lihat pada tahun 1984, kes Union Carbide di Bhopal, India melibatkan puluhan ribu yang mati, di Tulus, Perancis pada September 2001 juga ramai yang meninggal disebabkan oleh bahan-bahan toksik daripada industri ini. Begitu juga di California, Brazil pada Ogos 2001, di Alabama, Amerika Syarikat pada Mac 1998 dengan kilang kimia Musanto dan juga di Kerala, India, New Orleans, Louisiana, Amerika Syarikat dan banyak lagi kes-kes yang menyebabkan berlakunya bahan-bahan toksik daripada kilang-kilang yang berlaku masalah letupan ataupun apa juga *hazard* yang berlaku di kilang tersebut.

Jadi apakah pandangan ataupun ulasan daripada Yang Berhormat berhubung dengan jumlah bahan-bahan toksik yang perlu kita tambah ataupun kita senaraikan lagi di dalam senarai-senarai bahan toksik ini agar *hazard* yang berlaku dalam kilang-kilang ini boleh kita ambil kira sebagai kita masukkan dalam undang-undang yang bakal dipinda ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Itulah yang saya sentuh tadi. Kalau kita terlalu spesifik, maka perusahaan yang baru, yang mengilang pelbagai produk, kita tidak boleh meramalkan apa yang boleh berlaku. Kita dari sekarang juga tidak boleh meramalkan apa produk-produk yang kita ingin mengilang. Itu belum tentu lagi. Dengan adanya teknologi tinggi seperti *nano technology*, *biotechnology*, pelbagai *hazard* ada. *Accident* boleh berlaku di mana-mana. Tetapi walaupun *oxidant* berlaku, yang pertama adalah *emergency response plan* mestilah ada di kilang-kilang itu untuk menjaga *hazard* tersebut.

■1620

Walaupun demikian jika ianya ada satu kemalangan ataupun *accident* yang berlaku seperti di kilang Union Carbide di Bhopal pada tahun 1994. Kesannya adalah hingga sekarang. Yang saya selalu sentuh dulu sehingga sekarang adalah berapa lamakah bahan-bahan kimia itu boleh aktif walaupun ianya sudah bercampur dengan air, walaupun ianya sudah bercampur dengan semak, walaupun ianya boleh bercampur dengan tanah. Kita tidak tahu, beratus tahun, berjuta tahun, ia tetap ada di situ. Bagaimanakah *oxidation* boleh berlaku untuk memecahkan elemen-elemen di dalam bahan-bahan kimia itu? Itu tidak boleh, sekiranya kita hanya menggunakan oksigen di udara sahaja, itu proses *oxidation*.

Ini adalah satu masalah yang kerajaan harus melihat dan di dalam perundangan ini seperti yang saya telah sebut. Selain daripada menyenaraikan bahan-bahan terjadual di sini, di dalam jadual pertama, cubalah kaji tentang sifat-sifat bahan-bahan kimia dan kita menggunakan sifat-sifat itu untuk merangkumkan bahan-bahan kimia jika ianya ada dibuang di merata-rata, jika ianya tidak dilupuskan di tempat yang harus digunakan untuk melupuskan bahan-bahan terjadual.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian...

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Tuaran

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Pindaan ini adalah serius bermakna ia melibatkan pemenjaraan mandatori dan denda. Ia juga melibatkan soal perkilangan, perindustrian dan sebagainya yang ada kaitan langsung dengan soal penjanaan ekonomi kita. Persoalannya di sini ialah apakah Yang Berhormat sebagai orang yang banyak terlibat dalam hal-hal alam sekitar ini, adakah kita mempunyai kemudahan pelupusan yang mencukupi di seluruh negara? Apakah ini sudah mencukupi dalam kadar yang tertentu dan jika tidak mencukupi bagaimana pula nanti ini akan menjadi sebagai satu alasan kilang untuk tidak melupuskan atau membuang di merata-rata tempat jika kita tidak mempunyai tempat pelupusan yang mencukupi. Itu soalan yang pertama.

Yang kedua, ialah dalam soal bagaimana mengawal pelupusan itu, siapa yang akan *supervise* - mengawasi, mengawal selia pelupusan itu. Apakah pihak kilang atau pihak pembuang ini dengan sendirinya membuang di situ atau adakah ada pihak yang mengawal selia, pihak yang bertanggungjawab contohnya pihak Jabatan Alam Sekitar. Terima kasih.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuaran. Soalan ini memanglah amat baik. Walaupun mungkin kementerian tidak bersetuju. Saya terus terang bercakap di sini bahawa kita tidak mencukupi tapak pelupusan untuk bahan-bahan berjadual. Walaupun saya tidak ada data-data, jumlah bahan-bahan berjadual yang dikeluarkan bertahun-tahun di negara kita, daripada segi penelitian, daripada penelitian saya memang tidak mencukupi. Oleh itu, kalau kita lihat, pergilah kepada kualiti alam di Bukit Nanas, pergilah di Mambong, di Kuching, kita lihat longgokan bahan-bahan sisa terjadual beratus-ratus, beribu-ribu tan di situ belum lagi dilupuskan. Tetapi di simpan, di longgok di tapak pelupusan itu dan belum lagi dilupuskan kerana yang pertama, *incinerator* tidak mencukupi, *volume incinerator* tidak mencukupi. Yang kedua, *secure land field* juga tidak mencukupi.

Oleh yang demikian, saya dengan terus terang bercakap di sini di Semenanjung Malaysia, memandangkan negara kita memang ke arah negara maju kerana industri-industri sudah banyak didirikan di negara kita, sudah tentu bahan-bahan ataupun sisa-sisa toksik sudah bertambah. Jika ianya bertambah, kita harus ada tapak pelupusan lagi. Tambah tapak pelupusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Saya mahu gulunglah ini. Terima kasih kerana *remind* saya. Jadi tapak pelupusan di Semenanjung saya pohon satu lagi. Di Sabah mesti satu lagi. Di Sarawak sudah ada satu. Inilah yang kita mahu bukan sahaja untuk melupuskan sisa-sisa yang hanya sisa-sisa berjadual. Sisa-sisa toksik yang lain juga yang tidak termasuk di dalam jadual ini ada banyak lagi. Bagaimanakah dengan *electronic waste*, ataupun sisa-sisa elektronik? Apa yang berlaku sekarang, apa kita sudah buat untuk *electronic waste*? Jadi inilah yang penting kepada kita...

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya, sebelum Mambong gulung, saya ingin bawa satu aspek ke kawalan alam sekitar yang juga penting yang harus dilihat oleh Kementerian Alam Sekitar iaitu soal *indoor air quality* masalah udara dalam bangunan. Saya belum melihat keseriusan kementerian dan kerajaan mengenai perkara ini sama ada dalam bentuk undang-undang ataupun pengawalan yang berkesan untuk melihat masalah kualiti udara dalaman dalam bangunan, dalam *supermarket*, dalam gedung membeli-belah yang besar yang juga merupakan satu aspek alam sekitar yang harus dilihat oleh kementerian. Adakah Yang Berhormat melihat tiba masanya sekarang ini kementerian serius untuk menangani masalah kualiti udara dalaman ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih. Memang saya tahu Beluran gemar membawa isu ini. *Indoor air quality* juga penting kepada kita. Kalau kita lihat daripada penyakit-penyakit yang kita alami, jika kita tinggal di dalam rumah sekian lama tidak keluar untuk menghidu udara yang bersih, penyakit selesema umpamanya.

Sekarang negara kita penduduk-penduduk memang sudah kaya. Ramai yang tidak mahu membuka tingkap kerana ingin menggunakan *air conditioner* unit udara yang di *air condition* dan ramai daripada kita menggunakan racun di dalam rumah tanpa menyedari racun serangga untuk membunuh semut, untuk membunuh lipas, mungkin untuk membunuh cicak, membunuh nyamuk di dalam rumah, di dalam bilik kita sendiri. Jadi inilah racun, adakah kita mengawal racun yang digunakan di dalam rumah kita, di dalam bilik kita sendiri? Kenapa seharusnya kita membunuh nyamuk menggunakan Ridsect yang beracun itu? Kenapa kita tidak membenarkan cicak makan nyamuk itu? Kenapa? Kita tidak fikir ke? Cicak yang ada di dinding rumah, di siling rumah?

■1630

Kita rela menggunakan racun untuk meracun diri kita sendiri. Jadi termasuklah juga kepada kawalan kepada kualiti udara di dalam rumah. Adakah seharusnya kerajaan menguatkuasakan kualiti udara di dalam rumah kita. Siapa hendak? Siapa hendak? Kualiti udara di dalam rumah kita, kita sendirilah yang mengawalnya tetapi di tempat awam seperti di *supermarket*, mungkin kita seharusnya ada satu standard dan oleh itu maka tibalah masanya juga kita seharusnya meminda *Environmental Quality Clean Air Regulations 1978* juga. Sudah ada pun Beluran, *Clean Air Regulations 1978*. Sudah lama ini, cuma kita masukkan kawalan di

dalam tempat-tempat awam seperti *supermarket*, panggung wayang, dewan besar dan sebagainya termasuklah di dalam Dewan Parlimen ini. Ini yang harus kita buat.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Yang Berhormat minta penjelasan sekejap.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Alor Star, boleh.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat Mambong ini memang seorang pakar juga dari segi kajian *environment*. Tadi Yang Berhormat sudah sebut tentang terdapat begitu banyak jenis sisa-sisa toksik dan sisa-sisa lain. *Incinerator* pada pendapat saya tidak dapat melupuskan sisa-sisa toksik. Maka saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah cara yang terbaik sekali kalau kita hendak melupuskan sisa-sisa toksik dan apakah kerajaan buat sekarang ini adalah munasabah atau bolehkah kita melupuskan sisa-sisa toksik dan *environment* kita ini tak dicemari. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Star. Ini tentang *incinerator*. Kalau kita lihat *incinerator* lama memanglah ia tidak dapat melupuskan dan memecahkan satu kompaun kepada elemen-elemen yang tersendiri supaya ia tidak mengeluarkan gas-gas *dioxin* dan '*firen*'. Ini yang penting.

Di dalam *incinerator* adalah pengurangan pengeluaran gas *dioxin* dan '*firen*' daripada *incinerator* tersebut. Di dalam proses *incinerator* sekarang *step* yang pertama adalah pembakaran di dalam satu *rotary drum* ataupun satu dram yang berputar dengan suhu 1,400 *degrees celsius*. Itu langkah yang pertama.

Yang kedua, selepas dibakar di dalam *rotary drum* itu ia dimasukkan di dalam satu *chamber* yang lain pula di mana pembakaran abu dengan suhu yang amat tinggi, 2,000 darjah celsius untuk melupuskan semua bahan-bahan toksik itu sama sekali. Hanya yang ada nanti adalah gas sedikit saja yang keluar. Ini adalah tujuan utama dan objektif yang utama di dalam menggunakan *incinerator*. Pada sekarang teknologi ada, kita mampu membuatnya. Itulah sebabnya tadi saya mengatakan kita mahu lagi tempat pelupusan sisa-sisa berjadual ini dibina di Semenanjung Malaysia sekurang-kurangnya sebuah lagi dan di Sabah dengan menggunakan teknologi yang tinggi. Dengan RM50 juta kita boleh membina *incinerator* seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Yang terakhir, yang terakhir sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Mambong, Mambong.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Ada?

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Satu, satu.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Tebrau.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil kesempatan ini untuk meminta penjelasan dari seorang pakar *environment*. Kita dapati ada

*refresher* yang digunakan dalam kereta itu dibenarkan menjual dalam pasaran. Adakah *refresher* yang digunakan dalam kereta itu mempunyai elemen bertoksik kepada pengguna.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tebrau. Memang ada. Memang ada. Ini bergantung kepada *resistance* kita. Memang ada. Apa saja yang digunakan untuk membuat *freshener* itu di dalam kenderaan kita, memang ada, kerana di dalam wap itu kita tidak nampak. Mikro *particulate* itu yang kecil sekali kurang daripada 10 mikrons, kita tidak nampak iaitu dimasukkan di dalam badan kita. Kalau badan kita tidak tahan, itulah dia, matilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Kalau lama-lama dia menjadi karsinogen....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ucapan ini memang baik tetapi tidak sangkut-paut dengan pindaan.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Saya daripada tadi memang mahu berhenti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah ikut Yang Berhormat dari Sarawak pergi Johor Bahru balik ke Kuala Lumpur belum berhenti lagi.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Kawan yang tanya, sebab kawan yang tanya. Saya sudah tiga kali bercakap yang terakhir sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Macam beri ceramah Yang Berhormat.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Gunalah pandan dan bunga-bunga yang lain kutip di belakang rumah masukkan dalam beg kecil gantung di dalam kereta, itu lebih elok lebih baik. Bolehkah? Okey, yang akhir sekali...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kali ini benar-benar akhir ya.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Ini memang benar-benar. Saya tengok kawan tak ada.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Eh, ada juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini Islam hadhari?

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Ini fasal Islam hadhari ini.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Hadhari hendak tanya sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini alam sekitar bukan Islam hadhari Yang Berhormat.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Mambong, fasal pakar ini perspektif hadhari dalam mustawalhayah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini fasal pindaan mana satu.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ini fasal ada toksik dalam *aircond* tadi. Jadi kita tidur dalam *aircond* ini tak selamatkah? Boleh matikah? Terima kasih.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** [*Ketawa*] Yang Berhormat Pasir Puteh, kita tidur dalam *aircond* boleh matikah tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pasir Puteh tak ada toksiklah. Bersih.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Itu kadang-kadang. Yang sebenarnya *aircond* ini fungsinya adalah untuk mengeringkan udara dalam bilik kita. Mengambil wap-wap air, dia masuk ke *filter* supaya udara ini kering. Kadang-kadang kita kalau kurang juga wap dalam bilik kita itu nahas juga jadinya. Kering udara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Dalam Parlimen?

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Dalam Parlimen....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat. bukan seminar alam sekitar ya.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Saya memang cukup. Itulah sebabnya. Saya yang sebenarnya untuk mengakhiri saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian sebab kementerian sudah mewujudkan perundangan *Environmental Quality Schedule Waste Regulations* 1989. Saya pun tak tahu bagaimana ketua pengarah pada masa itu, kawan baik saya, Datuk Abu Bakar, mungkin dia yang buat kerana pada masa itu kita hanya mula berbincang tentang *vessel convention on the control of trans ... [Gangguan bunyi] movement of hazardous waste and their disposal*. Yang diluluskan pada bulan Mac 1989 dan berkuat kuasa hanya pada tahun 1992. Tengok negara kita mungkin lebih maju di dalam mewujudkan perundangan. Cuma apa yang kita mahu sekarang adalah penguatkuasaan.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik terima kasih.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [*Bangun*]

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada dua lagi ya. Baik Tanjong, lepas itu Pasir Puteh. Tanjong sila.

#### 4.39 petang

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam membahar rang undang-undang ini untuk meminda Akta Kualiti Alam sekeliling 1974.

Tuan Yang di-Pertua, soal alam sekitar menjadi kian penting dalam pembangunan negara dan ia juga menimbulkan satu masalah yang besar jika tidak dipastikan kita semua dapat

hidup dalam alam sekitar yang sihat dan ia akan membawa kos yang begitu banyak kepada pembangunan negara dan juga masyarakat dan manusia.

■1640

Kerajaan boleh mendekati soal alam sekitar ini dengan pelbagai pendekatan, mengadakan akta-akta, ada penguatkuasaan akta, seterusnya pendakwaan dan mungkin jatuh hukuman dan penalti kepada pihak-pihak yang didapati bersalah melanggar undang-undang ataupun peraturan alam sekitar di negara ini. Dan melalui pindaan pada kali ini Tuan Yang di-Pertua, iaitu pindaan kepada subseksyen 34B (4) untuk memperuntukkan hukuman penjara yang mandatori dan juga subseksyen 43(1) untuk memasukkan Ketua Pegawai Eksekutif sebagai seorang yang bertanggungjawab bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan, perbadanan.

Ini saya nampak mendekati masalah alam sekitar ini dengan pendekatan penalti iaitu kementerian ingin melalui pindaan ini dengan dapat kuasanya dan juga memberitahu badan kehakiman bahawa kita perlu menjatuhkan hukuman penjara kepada pesalah-pesalah sebab selama ini kementerian mendapati bahawa badan kehakiman enggan menjatuhkan hukuman penjara kepada pesalah-pesalah di mahkamah dan pada lazimnya cuma denda dikenakan kepada pesalah-pesalah selama ini walaupun adanya peruntukkan penjara dan denda di dalam fasa yang sedia ada.

Dan melalui pindaan ini, saya rasa kementerian mengharapkan badan kehakiman juga dapat memainkan peranan dengan menjatuhkan hukuman penjara secara mandatori untuk membayangkan keseriusan kita kepada masalah yang ditimbulkan terhadap alam sekitar kita dan juga melalui hukuman penjara secara mandatori ini diharapkan akan menjadi satu *deterrent* yang sangat berkesan kepada pihak-pihak yang tidak mematuhi undang-undang dan juga tidak menghiraukan kesan-kesan buruk kepada alam sekitar dan juga manusia.

Kementerian ini mengambil pendekatan ini kerana kebelakangan lima tahun ini terdapat 97 kes didakwa di mahkamah dan didapati bersalah tetapi tidak satu kes pun hukuman penjara dijatuhkan oleh mahkamah. Mereka cuma diberi hukuman denda sahaja dan nampaknya ini tidak berkesan langsung untuk menghindarkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil risiko ataupun mengambil jalan yang lebih pintas, yang lebih murah untuk membuang sisa-sisa toksik di tempat-tempat yang tersembunyi untuk menjimatkan kos kepada perniagaan mereka tetapi perbuatan ini menimbulkan pelbagai masalah.

Saya rasa pindaan ini masih tidak cukup untuk kita mengatasi masalah pembuangan sisa-sisa toksik berjadual ini. Walaupun perkara ini sudah dibangkitkan oleh kementerian, oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi ia mengambil masa yang begitu panjang untuk sampai ke peringkat Dewan Rakyat ini untuk dibahaskan dan diluluskan. Saya rasa melebihi satu tahun perkara ini dibangkitkan di dalam media oleh Menteri dan kementerian tetapi akhirnya selepas satu tahun barulah dibawa ke Dewan Rakyat ini. Tadi Yang Berhormat Mambong juga kata peraturan-peraturan sisa-sisa toksik berjadual itu diluluskan tetapi tunggu sampai tiga tahun barulah dilaksanakan. Ini membayangkan satu sikap yang tidak



terdesak untuk kita sama-sama mendekati dan mengatasi masalah yang berhubung dengan pencemaran alam sekitar kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun adanya hukuman penjara mandatori, apakah ini akan memberi kesan yang kuat kepada syarikat-syarikat untuk menghindarkan mereka untuk terus membuat ataupun membuang sisa-sisa toksik mereka dengan sembarangan sebab mereka mungkin akan menjadikan CEO ataupun pegawai-pegawai tertentu, kadangkala mungkin pemandu lori yang mengangkut sisa-sisa itu akan menjadi mangsa ataupun dihantar ke penjara tetapi tauke-tauke yang memiliki syarikat ini tidak akan menerima apa-apa kesan yang negatif. Saya rasa kita perlulah mendekati isu ini dengan satu perkara yang lebih berkesan sebab walaupun ada penjara secara mandatori, ia tidak dapat mengatasi soal kos kepada alam sekitar dan manusia akibat pembuangan sisa-sisa yang toksik itu. Negara kita kena pikul kos untuk membersihkan alam sekitar yang tercemar. Manusia yang tinggal di sekitar buangan sisa-sisa toksik itu menderita dan tidak terima pampasan pun.

Jadi saya rasa kerajaan perlulah mengadakan pindaan lagi untuk memastikan orang-orang atau syarikat-syarikat yang bertanggungjawab ataupun yang selepas dijatuhkan hukuman bersalah oleh mahkamah juga perlu bertanggungjawab untuk membiayai kos bagi membersihkan tapak-tapak di mana sisa-sisa toksik itu dibuang. Itu mungkin melibatkan kos berjuta-juta ringgit. Kalau sebuah syarikat perlu diarahkan ataupun dijatuhkan hukuman atau diarahkan oleh mahkamah untuk membersihkan tapak-tapak itu yang menelan belanja berjuta-juta ringgit, saya rasa syarikat-syarikat ini akan lebih berhati-hati dan tidak akan berani untuk mengambil tindakan membuang sisa-sisa toksik ini di merata tempat. Walau bagaimanapun nampaknya pindaan pada kali ini tidak mengambil kira perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kementerian boleh memberi penjelasan berhubung dengan hukuman kepada orang-orang yang terlibat dalam pembuangan sisa-sisa toksik ini yang mencemarkan sumber-sumber air kita. Nampaknya pada tahun lepas, Dewan ini sudah meluluskan *Water Services Industry Bill* di mana mengandungi satu fasa yang menyatakan pihak yang bertanggungjawab untuk mencemarkan sumber-sumber air kita melalui pembuangan sisa-sisa toksik ini akan menghadapi hukuman mati ataupun hukuman penjara 20 tahun ini.

Ini saya rasa sudah menjawab Yang Berhormat-Yang Berhormat tertentu yang menganggap bahawa walaupun ada penjara secara mandatori dan denda masih tidak mencukupi. Jadi saya ingin tahu dari kementerian ini, apabila berlaku kes seperti ini sama ada mereka akan mendakwa pihak yang bersalah ini mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling ataupun merujuk kepada pihak yang lain di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air yang memperlihatkan satu hukuman yang lebih berat kepada kesalahan mencemarkan sumber air kita.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat sudah menyentuh tentang soal penguatkuasaan. Apakah kementerian ini cekap dalam memantau dan menguatkuasakan

undang-undang yang sudah diluluskan walaupun dengan hukuman yang lebih berat, apakah kementerian dan jabatan ini berupaya untuk memastikan mereka dapat bekerja dengan lebih baik, membawa pesalah-pesalah dan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menghadap ke mahkamah.

■ 1650

Ini satu cabaran yang besar kepada kementerian ini dan saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini dan menteri juga pernah mengakui bahawa memang ada kelemahan dalam Jabatan Alam Sekitar untuk mencegah pembuangan sisa-sisa toksik secara haram. Jadi, saya ingin tahu dari kementerian ini, apakah tindakan akan diambil untuk menaikkan kecekapan penguatkuasaan kementerian ini dari segi kuantiti ataupun bilangan pegawai-pegawai penguatkuasaan, dan di samping itu juga kualiti penguatkuasaan, sebab tadi Yang Berhormat Kuala Terengganu juga ada menimbulkan satu perkara yang penting di mana dikatakan dengan lebih berat hukuman ini, pihak-pihak yang disabitkan akan cuba mencari pelbagai alasan untuk mempertahankan kes mereka. Ini memaksa Jabatan Alam Sekitar untuk mempunyai bukti-bukti yang kukuh supaya mereka dapat berjaya apabila kes ini dibawa ke mahkamah. Jadi kualiti penguatkuasaan dan pemantauan kutipan bukti-bukti menjadi satu perkara yang amat penting untuk memastikan kita dapat mencegah masalah ini dari berlarutan.

Selain daripada penguatkuasaan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang soal pencegahan, sebab kita tahu bahawa pencegahan adalah lebih baik daripada perubatan. Apakah peranan Jabatan Alam Sekitar dan kementerian untuk memastikan industri-industri kita lebih peka terhadap tanggungjawab sosial mereka kepada alam sekitar, dan bagaimana kementerian dan jabatan ini dapat memastikan kilang-kilang sama ada SMI ataupun kilang-kilang yang besar itu dapat *comply* ataupun mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kementerian? Ini menjadi satu langkah yang patut dilaksanakan oleh kementerian sebagai langkah pencegahan dari berlakunya lebih banyak kes pembuangan sisa-sisa toksik secara haram. Jabatan Alam Sekitar perlulah mengadakan pegawai penguatkuasaan yang mencukupi, dan pada tahun lepas kementerian juga mengakui bahawa kementerian dan jabatan menghadapi kekurangan kakitangan dan pernah mencadangkan bahawa ahli-ahli dari ikatan relawan atau Rela juga membantu dalam memantau aktiviti-aktiviti pembuangan sisa-sisa toksik di sekitar mereka.

Jadi, sama ada perkara ini dapat keputusan di mana ahli-ahli Rela dipertanggungjawabkan untuk membantu Jabatan Alam Sekitar menjalankan tugas untuk memantau pembuangan sisa-sisa toksik ini. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen kepada syarikat-syarikat untuk menguruskan sisa-sisa toksik.

Melalui laporan yang dikemukakan oleh jabatan ini, mereka kata mereka terima pemberitahu bahawa sebanyak 469,000 tan sisa-sisa toksik berjadual dikeluarkan pada tahun

2004 di mana daripada jumlah ini, 18.8 peratus diuruskan oleh Kualiti Alam dan 2.7 peratus merupakan *clinical waste* yang dilupuskan oleh *incinerator* di kemudahan *offside*, manakala 0.7 peratus dieksportkan untuk tujuan *recovery* dan 5.8 peratus sisa-sisa toksik ini didapati dalam kemudahan *offside*. Bakinya 19 peratus dirawat dan disimpan *onside* di premis *waste generator*.

Statistik ini menimbulkan masalah iaitu saya ingin tahu di manakah sisa-sisa toksik ini yang sudah dirawat, disimpan? Apakah ia disimpan di *offside facility* yang merupakan kebanyakannya dari jumlah yang dikeluarkan oleh jabatan ini? Didapati kemudahan *offside* masih simpan begitu banyak sisa-sisa ini selepas dirawat. Apakah destinasi yang terakhir bagi sisa-sisa toksik ini walaupun dirawat? Apakah ia selamat untuk dilepaskan kepada alam sekitar ataupun bagaimana ia diuruskan supaya tidak menimbulkan masalah yang lain?

Mengikut statistik yang dikeluarkan juga, didapati cuma 35 *onsite waste incinerator* dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan mereka menguruskan cuma 11.3 peratus dari jumlah sisa-sisa toksik yang dibuang di negara ini. Saya ingin tahu macam mana lain-lain sisa-sisa toksik ini diuruskan memandangkan cuma ada 35 *onsite incinerator* yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar? Apakah langkah-langkah yang sudah diadakan oleh kementerian dan jabatan ini untuk memastikan SMI ataupun MMC ini mematuhi segala perintah ataupun akta-akta ini? Sebab memandangkan kos untuk menghantar toksik *waste* ini kepada *waste incinerator* yang berlesen ini adalah tinggi. Jadi tadi Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam juga merasa kalau kos terlalu tinggi, pengusaha-pengusaha SMI akan memilih jalan yang lebih pantas, membayar sedikit wang kepada kontraktor ataupun pemandu lori untuk membuang toksik *waste* ini begitu sahaja dan tidak akan menghantar kepada Alam *Waste Incinerator* yang berlesen oleh Jabatan Alam Sekitar.

Satu perkara yang perlu kita beri perhatian, saya rasa kementerian pun sudah mula memberi perhatian adalah menangani masalah yang ditimbulkan oleh e-Waste, *Electronic Waste* di mana pada zaman ICT ini, pelbagai sisa-sisa dikeluarkan oleh komputer-komputer dan lain-lain peralatan elektronik. Jadi, saya berharaplah kementerian ini ataupun Jabatan Alam Sekitar lebih proaktif dalam perkara ini dan menangani masalah yang ditimbulkan oleh buangan alat-alat ICT ini. Satu masalah yang timbul Tuan Yang di-Pertua, di negara ini lebih pengusaha-pengusaha terlibat dalam industri kitar semula, tetapi industri kitar semula akibatnya dia juga mewujudkan sisa-sisa yang tidak berguna kepada mereka. Ada banyak syarikat kitar semula beroperasi tanpa berlesen. Kalau mereka sebagai operator kitar semula, tidak semestinya mereka peka kepada alam sekitar. Kadang kala mereka juga menimbulkan masalah kepada alam sekitar, walaupun mereka syarikat kitar semula. Saya ingin tahu apakah pemantauan yang dilakukan oleh kementerian dan jabatan ini untuk memastikan syarikat-syarikat kitar semula ini dapat menguruskan sisa-sisa mereka dengan berkesannya dan tidak menimbulkan masalah kepada alam sekitar?

Baru-baru ini kementerian dan menteri ada menyatakan dalam surat khabar beliau telah menegur dua buah syarikat MNC Internet dan syarikat yang memasang dan mengeluarkan *mobile phone* sebab syarikat-syarikat di Malaysia mereka merupakan pelabur asing. Walau pun di negara asing mereka mengamalkan polisi kitar semula yang baik tetapi menteri berkata bahawa mereka tidak mempraktikkan polisi kitar semula mereka di negara ini. Mereka mengamalkan *double standard*.

Saya ingin tahu dari menteri, apakah nama syarikat ini? Apakah dasar-dasar kitar semula mereka yang tidak dipakai di negara ini? Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kita perlu terus memberi perhatian adalah memastikan dalam penguatkuasaan, kita tidak timbul masalah berhubung dengan korupsi di Jabatan Alam Sekitar.

Kebelakangan ini, dua tiga tahun ini Jabatan Alam Sekitar menghadapi tuduhan-tuduhan dan *allegation* bahawa pegawai penguatkuasaan terlibat dalam gejala yang tidak sihat, bersekongkol dengan pemilik-pemilik syarikat, menerima sedikit duit suapan untuk tutup mata terhadap kegiatan terhadap... sebelah sahaja cukup ya? Tidak perlu tutup dua belah mata ya? Untuk tutup mata terhadap apa yang dibuang oleh syarikat-syarikat tertentu.

Saya rasa pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar ini pun pernah disiasat oleh ACA dan pihak polis sehingga ada kes pembunuhan yang melibatkan pegawai penguasaan Jabatan Alam Sekitar. Saya ingin tahu dari kementerian setakat ini, berapa bilangannya pegawai penguatkuasaan ataupun kakitangan Jabatan Alam Sekitar yang masih disiasat oleh polis ataupun ACA? Berapakah yang telah dikenakan tindakan disiplin dalaman walau pun mereka tidak dihadapkan ke mahkamah?

Kita perlu dengan lulusnya pindaan ini ingin lihat *transparency* dan *accountability* dalam Jabatan Alam Sekitar dan kita tidak dapat bertoleransi apabila mereka yang diberi tugas untuk menjaga alam sekitar memilih untuk memihak kepada pesalah-pesalah yang menjahanamkan alam sekitar kita.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan satu kes yang berlaku di Raub, Pahang yang membabitkan *Australia Gold Mining* Sendirian Berhad. Baru-baru ini penduduk-penduduk di sekitar Bukit Koman di daerah Raub telah mengadu bahawa aktiviti *gold mining* yang dilakukan oleh syarikat ini menggunakan satu *substance* kimia yang amat bahaya iaitu *cyanide* dalam proses mencari emas di kawasan ini.

Mereka khawatir bahawa *cyanide* yang digunakan ini telah mencemar *under ground water source* yang ada di sekitar kawasan tersebut dan baru-baru ini kerajaan juga mengumumkan bahawa *Pahang - Selangor Inter State Raw Water Transfer Project* di sekitar kawasan itu. Jadi dengan aktiviti *gold mining* yang menggunakan *substance* kimia *cyanide* ini, adakah ia akan membawa padah kepada sumber air yang didapati di bawah tanah? Apakah EIA ada dilakukan dalam projek ini untuk menentukan *viability* projek ini dan sama ada penggunaan *cyanide* ini

akan mencemarkan sumber air di sekitar itu yang bukan mengakibatkan penduduk-penduduk kampung menerima padah.

Tetapi mungkin akan menjejaskan projek *Pahang - Selangor Inter State Raw Water Transfer* ini yang akan membawa kesan dan impak yang amat besar kepada penduduk di negeri Selangor dan Lembah Klang ini, jadi saya berharap kementerian akan dapat memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** [Bangun]

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pasir Puteh. Yang Berhormat Bera nanti berucap juga.

Bolehkah semua... saya akan cuba berikan keempat-empat. Bolehkah kita selesaikan dalam setengah jam semua? Cubalah ya? Sebab tadi saya nampak semua tidak bangun hanya tindakan Pasir Puteh sahaja.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pasir Puteh.

### 5.06 petang

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Atas bijaksana Tuan Yang di-Pertua memberikan sedikit masa untuk saya bersama-sama membincangkan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Saya rasa bersalah kalau saya tidak turut serta.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengajian saya dari segi sains, sains al-Quran. Kalau kita tengok manusia boleh hidup dalam udara atau pun hawa yang terdiri daripada tiga zat, zat ini alam sekitar ini Tuan Yang di-Pertua takut kena bangkang. Satunya zat lemas (*Nitrogen*), zat asam (*Oxygen*) dan zat air (*Hydrogen*).

Apabila dia berubah sedikit sahaja, manusia akan mati. Bukan saya boleh mematikan orang, Allah, Tuhan (*God*). Kalau dia berpusing sedikit sahaja kerana kita tengok udara boleh manusia hidup adalah 78% zat lemas, 21% zat asam dan 1% zat-zat yang lain. Kalau dia berpusing sedikit, zat lemas, dia akan lemas. Kalau dia berubah sahaja tidak cukup dengan zat lemas, zat asam ini, zat air ini dia akan berubah, manusia akan lemas, manusia akan mati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mukadimah ini panjangkah?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tidak, tidak panjang. *Go to the point.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab saya lebih minat sekiranya Yang Berhormat dapat tumpukan ke atas ini.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Maka di sini Tuan Yang di-Pertua, saya apabila melihat kepada hukuman mandatori, saya sudah puas hati kerana mandatori bukan sahaja hukuman denda tetapi mandatori penjara. Tetapi untuk melaksanakan mandatori ini, kita perlu kepada yang pertama saya minta wujudkan kalau belum ada lagi R&D (*Research and Development*) di Jabatan Alam Sekitar kerana kita tahu dengan R&D ini kita boleh kaji berapa jumlah sungai yang dikotori dan tidak dikotori. Berapa jumlah pemancar-pemancar komunikasi yang dipasang di negara kita yang boleh impak kepada kesihatan dan berapa yang telah kita dakwa dan berapa yang telah kita hukum.

Saya balik kepada cerita ini Tuan Yang di-Pertua, kerana saya melihat kepada Lojing sebagai contohnya, *by example* dengan izin sebagai begitu lama kita dapat kesan bahawa Lojing ini dirosakkan, dipunahkan, dikeruhkan air sehingga banyak yang terlibat orang-orang asli dan juga orang-orang Melayu, rosak dan terlibat dengan penyakit kerana air kotor, air tadahan.

Ini menunjukkan bahawa kita tidak cukup kakitangan. Saya pernah *interview*, saya pernah bertanya kepada Jabatan Hutan, kita terlepas pandang kerana kita kekurangan tenaga sebab kalau kita hendak pergi ke Lojing itu mengambil masa yang panjang Tuan Yang di-Pertua. Itu sebagai contohlah, maka dengan sebab itu saya hendak hukumannya di jalan ini selepas kita buat pemantauan, selepas kita menerima aduan atau hasil daripada R&D kita sendiri, kita mesti siasat, kita mesti buat pertuduhan, kita mesti melakukan pembicaraan baru kita hukum.

Ini perspektif perundangan mesti kita ikut sistemnya. Sebab itu dalam pelaksanaan ini modal insan menjadi teras. Yang keduanya *delivery system* mesti cekap. Kalau kita tidak cukup kakitangan minta tambah. Bagi saya JPA tidak ada masalah. Jangan jadikan masalah kepada agensi pusat untuk memberi tenaga kepada kita kalau kita tunjukkan prestasi atau justifikasi yang kuat.

■1710

Kita mesti ada tiga A. Ini bukan saya reka, Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti amanah. Dalam kerja-kerja ini mesti amanah. Penyiasat mesti amanah. Yang kedua mesti akhlak sahsiah, personaliti yang baik. Hendak letakkan di tepi-tepi hutan ini, hendak jaga sungai-sungai ini, penguat kuasa ini cari yang amanah. Cari yang berpersonaliti baik. Yang ketiga ialah amalan hidup yang sihat. Kita tidak mahu cari yang antara amalan-amalan yang dilakukan itu amalan yang tidak sihat. Saya tidak akan sebut kerana rakan-rakan sudah banyak sebut tadi. Maka saya cadangkan bahawa apa yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, kalau kita tidak cukup dengan hukuman ini kita boleh pinda tetapi apalah pada hukuman kalau kita tidak membuat sesuatu dengan tegas.

Sebab itulah bagi saya menghukum lebih baik dari kita mendidik. Ertinya mendidik itu aula, lebih afdal daripada kita menghukum. Tetapi hukuman itu sebagai senjata penting. Kalau

kita berjalan tidak ada senjata, kita dalam bahaya tetapi ada senjata bukan kita hendak tembak orang, hendak bunuh orang tetapi sebagai mempertahankan negara kita dan alam sekitar kita.

Saya tengok banyak penyakit di Kelantan yang pelik-pelik pada hari ini. Penyakit kegemukan, tidak pernah berlaku kegemukan, gemuk yang tidak boleh dikawal sehinggakan boleh membawa maut.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Obesiti.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Obesiti. Yang keduanya kalau kita tengok rongak gigi yang berlebih-lebihan kerana minum air yang tidak bersih. Barangkali air yang dicemari oleh toksik tadi gigi menjadi rongak. Saya pun sudah baiki gigi saya. Dulu orang-orang tua umur 100 tahun pun gigi beres, boleh memamah lagi.

Ini adalah antara penyakit yang kita kata barah payu dara dan barah usus. Ini pelik-pelik semuanya. Yang apendiks ini tidak peliklah. Ini barah usus yang tidak dikenali boleh berlaku. Semua ini adalah penyakit-penyakit yang lahir daripada alam sekitar yang kita tidak jaga betul-betul. Sebab itulah saya hendak bacakan sebuah ayat Quran dan saya akan tamat. Pendek sahaja. Ambil berkat. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa Yang Berhormat Bagi Tebrau hendak tanya?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Oh, Yang Berhormat bagi Tebrau, bagilah seminit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Fahamkah, Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Sebelum itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya ingat hendak minta penjelasan. *[Ketawa]*

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ada sebut tentang pendidikan. Pendidikan sasarannya ialah penguat kuasa. Bagaimana tentang insan/makhluk yang mendiami alam sekitar itu, majoriti orang yang membawa pencemaran kepada alam sekitar itu? Kita menumpu terlalu banyak perhatian tentang cara macam mana hendak menghukum. Bagaimana tentang makhluk yang mengotorkan alam sekitar itu? Bagaimanakah cara pendidikannya?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan ulas. Saya akan ambil sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Ini yang paling baik.

Saya baca sepotong lagi ayat. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Dua ayat. Maksudnya, pertama, kalau Tuhan jadikan dunia ini malam semalam-malamnya sampai kiamat siapa yang hendak pinda. Yang keduanya, kalau Tuhan jadikan siang sesiang-siangnya sampai

kiamat siapa yang boleh jadikan ia malam. Tidak boleh! *Because God knows everything*, dengan izin.

Jadi, saya hendak katakan bahawa kalau siang sesiang-siangnya sampai kiamat kita akan jadi debu malah hancur. Kalau malam semalam-malamnya kita akan jadi beku. Ini semua adalah punca dari tangan manusia. Apa yang berlaku adalah berpunca dari tangan manusia kerana ini adalah *environment* - alam sekitar yang baru berlaku. Sebab itu saya ...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Allah. Sebab Yang Berhormat Datuk... kena bagi Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh berkaitan dengan soal pendidikan tadi. Selain daripada soal pendidikan satu lagi aspek yang saya rasa penting di dalam soal pemuliharaan alam sekitar ini ialah soal perancangan (*planning*). Kalau kita mempunyai peluang untuk pergi ke kebanyakan negara-negara maju khususnya negara-negara barat, kita lihat bahawa salah satu daripada aspek penting yang diberikan penekanan di dalam pembangunan sesuatu bandar atau sesuatu tempat tersebut ialah pemuliharaan alam sekitar dan pemuliharaan ini adalah berpunca daripada perancangan yang baik. Perancangan yang baik itu ialah membolehkan setiap pembangunan itu haruslah *environmental friendly*.

Kalau kita pergi ke negara German - Berlin. Saya pernah ke Berlin dan saya pernah ke Australia. Saya dapat melihat bagaimana perancangan sesuatu bandar atau penempatan itu adalah begitu mengambil kira tentang pengekaln alam sekitar sama ada dari segi pemuliharaan sungai, sama ada dari segi pemuliharaan hutan yang berhampiran di situ, sama ada penyediaan misalnya taman-taman yang begitu mesra dengan alam. Dalam soal ini, apabila kita menyediakan satu perancangan di dalam negara kita, yang harus kita berikan keutamaan seperti kita membina sebuah rumah, yang diberikan keutamaan dalam sesebuah rumah itu ialah *foundationnya*.

Jadi dalam soalnya di sini ialah adakah kita menyediakan satu *foundation* yang baik di dalam pembangunan negara kita di mana *sustainable environment* kita berikan penekanan. Sebab itu kita harus menyediakan perkara-perkara ini dan sekiranya berlaku di dalam satu kawasan atau dalam satu bandar di mana keadaan tersebut tidak wujud, maka kita tidak seharusnya membenarkan pembangunan seterusnya di kawasan tersebut dan kita harus berpindah ke kawasan lain seperti mana kita sekarang mengadakan pembangunan di Putrajaya di mana ciri-ciri alam sekitar itu diberikan penekanan di dalam pembangunan tersebut. Kalau ini dapat kita lakukan dan kalau kita dapat mengadakan satu undang-undang di mana sesiapa juga kerajaan yang mengambil alih atau sesiapa juga yang memimpin yang mengambil alih....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, siapa yang berucap sekarang?



**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Saya hendak bertanya. Minta penjelasan bahawa apabila diwujudkan sesuatu perancangan tersebut tidak boleh diubah dengan sewenang-wenangnya sehingga menyebabkan perancangan tersebut akan terencat ataupun berubah. Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bersetuju dengan saya dalam soal sebegini. Terima kasih.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat, saya amat bersetuju dan saya masukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Saya hendak gulung, Tuan Yang di-Pertua. Saya terima pendidikan modal insan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggunakan modal insan. Tengok Putrajaya, bagaimana dia buat dengan *planning* yang begitu hebat. Maksudnya perancang hebat, pelaksana hebat, pemantau hebat dan penilai hebat. Kita tengoklah Putrajaya. Insya-Allah sesiapa yang duduk di Putrajaya umurnya lebih panjang daripada yang tidak duduk di Putrajaya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Umur orang Pasir Puteh macam mana?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Puteh sama puteh bagilah.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Kalau Yang Berhormat bagi Seputeh duduk di Putrajaya lebih panjang umurnya daripada duduk di Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Ketawa*] Minta penjelasan. Dia kata Putrajaya apa-apa pun begitu cantik tetapi kita lihat bangunan bocor dan kita pergi ke Putrajaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jangan sebut bocorlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak ada soalan lain?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kita tidak dapat cari tempat *parking* pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kita tidak dapat cari tempat *parking* sama seperti Parlimen. Parlimen kita ini bangunan lama, Putrajaya bangunan yang begitu canggih, tinggi tetapi tidak ada tempat *parking*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak langsung...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Peraturan, peraturan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak ada kereta api pergi ke sana. Tidak cukup pengangkutan awam, bagaimana ia sempurna? Jadi, salahlah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, tidak ada kena mengenalah. *Not related to the topic.*

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Kita tidak usah ungkit. Tadi Yang Berhormat Dato' Seri Samy Vellu sudah beri jaminan dia akan siasat dan kaji akan pulihkan semua. Serahkanlah kepada dia, jangan kita pula lebih daripada menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu JKR. Sekarang alam sekitar.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya, alam sekitar. *[Ketawa]* Jadi, saya hendak tutup ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta supaya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Setiausaha Parlimen - dia senyum tadi, saya hendak tahu di Kelantan khususnya. Saya tidak bicarakan seluruh dahulu sebab di Kelantan saya hendak *landing*. Saya tahu di Lojing ini perlu dibangunkan, membalak perlu, tetapi hendak membangun mesti ikut garis panduannya.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Cameron Highlands bangun.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Allah, Allah. Masalah. Saya tidak boleh, ini *brother* saya.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Bila bercakap pasal Lojing itu terpaksa saya bangun kerana jirannya adalah Cameron Highlands. Dua bulan yang lalu kita sudah beria-ia menguarakan, bercakap pasal 'pembotakan' Lojing yang menyebabkan kepanasan Cameron Highlands. Maka saya hendak tanya setakat ini apakah tindakan kerajaan mengenai hal ini?

■1720

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat macam mana Pasir Puteh boleh jawab soalan itu?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya pantun dia dari sana ke sana, dia ada *corner* la sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ingat dia sudah jadi menterikah?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** So, saya hendak tanya, bolehkah Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tanya kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengenai hal Lojing ini setakat ini. Masalahnya Yang Berhormat saya hendak tanya penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat cukuplah masa sebagai ucapan Pasir Puteh cukup.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Sekejap, Tuan Yang di-Pertua, sekejap, ini sangat penting Tuan Yang di-Pertua, alam sekitar. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, macam mana perundangan antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan tidak selaras Yang Berhormat, macam mana boleh diselaraskan? Kalau kita mendabik dada banyak bising pun tidak jadi apa. So, kenapa kita taburkan suara tidak tentu pasal? Tanya pandangan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh macam mana masalah dapat diselesaikan?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ini berat Tuan Yang di-Pertua hendak jawab, saya serah kepada kementerian akan jawab dengan secara halus. Saya yang saya terima tadi kenapa Cameron Highlands panas kerana apabila Lojing dibotakkan, Lojing itu sebelah dengan Cameron, maka sayur-sayur menjadi punah, tidak punah pun tidak akan mengeluarkan hasil yang lebih lumayan, sebab itu jangan botak lagi. Jadi saya hendak jawab yang tadi, balak *state matter*...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Siapa buat botak, siapa buat botak? Lojing siapa buat botak?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Balak *state matter*, tanah *state matter*, air *state matter*, agama *state matter*, apa lagi yang *matter*? Undang-undang semua pengawalan di bawah alam sekitar tetapi *state* tidak ada undang-undang. Dia hanya dikawal oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Akhir pada ucapan saya ini saya hendak supaya tumpulah Lojing, bangunlah Lojing tetapi ikut prosedur. Membalak boleh tetapi ikut prosedur, jangan kita ikut fikiran, ikut nafsu tidak ikut peraturan. Jadi inilah saya rasa terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh atas pindaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bera.

## 5.22 petang

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya dapat saya diberi peluang untuk berbahas usul ini pada petang ini. Saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian kerana pada hari ini membentangkan rang undang-undang pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Dulu kita pernah meluluskan akta ini dan pada hari ini kita pinda, hanya memasukkan hukuman, daripada hukuman pilihan sekarang memberi hukuman mandatori dari segi soal pemenjaraan. Persoalan saya ialah, adakah dengan pindaan ini kita mampu untuk mengawal pencemaran alam sekitar.

Saya ingin mengambil contoh, di dalam soal pencemaran sungai misalnya, terdapat 10 peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 bagi mengawal aktiviti-aktiviti yang boleh memberi kesan kepada kualiti air sungai, 10. Misalnya Peraturan Kualiti Alam Sekeliling

Pelesenan 1977, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Kumbahan dan Efluen Perindustrian 1979 dan berbagai-bagai-bagai lagi yang saya tidak bacakan satu persatu. Ada 10 peraturan untuk mengawal pencemaran sungai. Selain daripada itu ada empat lagi senarai undang-undang dan peraturan-peraturan lain berkaitan pengawalan pencemaran air iaitu di bawah Seksyen 69, bahagian kelapan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan juga mengawal pencemaran sungai di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, juga mempunyai peruntukan untuk mengawal pencemaran sungai.

Di bawah Akta Perikanan 1985, di bawah *Sewerage Services Act* 1993, yang saya hendak sebutkan ini ialah bahawa kita mempunyai cukup undang-undang tetapi hasilnya pada hari ini di bawah ....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sebentar, sebentar, Larut sebentar. Di dalam analisa pemantauan JPS terhadap 146 lembangan sungai di dalam negara kita, 59% ataupun 40.9% adalah sederhana tercemar dan tujuh lembangan sungai iaitu 4.8% adalah tercemar. Bermakna saya sudah sebut tadi ada 14 peraturan tetapi pencemaran tetap berlaku.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Larut dulu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak minta Yang Berhormat jelaskan, bila sebut pencemaran ini melibatkan manusia. Barangkali di kebanyakan kawasan-kawasan yang terdapat sungai ada orang yang menduduki rumah. Pihak berkuasa telah pun menetapkan bahawa rumah-rumah mestilah jauh daripada 20 meter daripada kawasan sungai. Bukan sahaja akan menyebabkan berlakunya kecelakaan sekiranya berlaku hakisan bahkan juga menyebabkan boleh berlakunya pencemaran pembuangan toksik, sampah dan sebagainya.

Yang Berhormat, kita ada pengalaman Yang Berhormat, tadi saya bercakap kita baru-baru ini berpeluang menaiki feri Sungai Rajang, 4.00 pagi. Yang Berhormat ikut saya pergi sama oleh sebab anak Yang Berhormat terlibat, Dafi seorang pelajar Akademi Fantasia, tidak mengapa. Kita menaiki feri, saya hendak bayangkan kepada saudara semua, Ahli Yang Berhormat yang lain, azab masyarakat di sana yang menggunakan Sungai Rajang terpaksa bangun seawal pagi, naik feri 4.30 pagi yang belum tentu selamat. Dulu pernah berlaku pelanggaran di sungai yang sama untuk ke Sibu, kerana di Sibu lah baru kita boleh ambil pesawat untuk ke mana-mana sahaja.

Jadi ini pengalaman saya dengan Yang Berhormat, bukankah pencemaran kayu-kayu balak. Mereka yang kaya-raja mengambil kayu balak tetapi ada serpihan-serpihan kayu ini yang cukup menakutkan dan merisaukan. Sebab itu tadi saya meminta supaya disegerakan apa juga cara yang lebih relevan selain daripada undang-undang yang ada bagi menyelamatkan keadaan

ini supaya pencemaran tidak berterusan berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat yang bersama-sama kita melalui pengalaman yang perit menggunakan sungai ini?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya bersetuju perlu ada undang-undang. Memang tidak ada salahnya kita mewujudkan undang-undang. Tetapi yang saya sebut tadi bahawa sudah ada 14 undang-undang mengawal. Sebelum dipinda akta ini sudah pun ada peruntukan seksyen 34(b) pun sudah ada yang membenarkan, yang membolehkan pesalah-pesalah alam sekitar dipenjarakan ataupun didenda sehingga RM500,000 sudah ada tetapi soalnya masih berlaku pencemaran yang saya sebut tadi sehingga mencemarkan sungai dan saya hendak beri contoh.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sekejap, sekejap. Saya hendak beri contoh Sungai Juru di Pulau Pinang. Mengikut WHO, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Sungai Juru disenaraikan sebagai salah satu sungai yang paling tercemar di dalam seluruh Asia Tenggara yang kesannya bukan sahaja kepada kehidupan di air tetapi juga manusia yang meminum air Sungai Juru walaupun dimasak boleh mati. Ini serius walaupun Yang Berhormat bagi Larut kata kita luluskan undang-undang yang baru, walaupun hari ini kita pinda tetapi sejauh manakah undang-undang yang ada boleh mengawal pencemaran dan saya hendak pergi lebih jauh, saya hendak jawab soalan saya tadi tetapi sebelum saya jawab soalan yang saya sendiri tanya, saya minta Tangga Batu dulu soalan.

■1730

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sambung hari esok.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Tangga Batu, biar saya tanya soalan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Dia sambung ke saya sambung?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Besok pagi Yang Berhormat Bera suruh saya bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kita ada ucapan penangguhan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Oh, yea ke Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat bagi Bera, besok saya tanyalah. *[Ketawa]* Terima kasih.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M.Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**  
**PERANAN MEDIA TV DALAM MENYOKONG AGENDA NASIONAL NEGARA**

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian di dalam sesi ucapan penangguhan. Saya hendak bercakap peranan media TV dalam menyokong agenda nasional negara.

Tuan Yang di-Pertua, bermula dengan siaran televisyen 'hitam putih' menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM) lebih 50 tahun yang lepas, industri penyiaran negara kini berkembang pesat dengan lebih 100 saluran ditawarkan kepada penonton.

Kehadiran stesen-stesen TV berbayar baru seperti MiTV dan Fine TV bagi membantu memeriahkan industri itu, dilihat memberikan lebih pilihan kepada 5.5 juta isi rumah sekali gus memecahkan monopoli ASTRO yang menawarkan 51 saluran TV kepada pelanggannya sebelum ini. Ini menjadikan keseluruhan 169 saluran TV bakal menemui lebih 25 juta rakyat negara ini termasuk enam saluran stesen TV percuma iaitu TV1 (RTM), TV2, (RTM) TV3, NTV7, CH9, dan 8TV. Bagaimanapun, beberapa perkara perlu diberikan perhatian oleh Kementerian Penerangan kerana RTM merupakan entiti media yang tidak kurang pengaruhnya dan berfungsi memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat yang tepat dan mutakhir, di samping mencorakkan identiti dan imej masyarakat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk melihat bagaimana BERNAMA sebagai institusi kerajaan berperanan sebagai sebuah kilang maklumat yang penting.

BERNAMA tidak mempunyai lesen penyiaran dan kerana itulah Berita BERNAMA disiarkan melalui saluran ASTRO. BERNAMA ditubuhkan di bawah Akta BERNAMA 1967 yang antara lain bertujuan mencari, melaporkan dan mengemukakan maklumat berita, bahan berita atau rencana berita yang lengkap, benar dan saksama dan membahagikannya kepada pelanggan-pelanggan yang dikenakan bayaran atau pertukaran berita atau kedua-duanya sekali. Inilah fungsi BERNAMA.

Justeru, bagaimana kita hendak mengumpulkan semua maklumat ini dalam kilang yang boleh kita panggil 'kilang BERNAMA' dan bagaimana kita hendak susunkan dalam kilang ini satu perancangan pengeluaran dengan izin *production planning* supaya maklumat ini dikeluarkan dengan teratur, pada sasaran yang tertentu, mengikut masa yang baik, dengan cara yang terancang. Bila saya sebut cara, soalnya pengurusan maklumat ini macam mana? Di sinilah

mungkin kita boleh buat perancangan supaya maklumat itu disampaikan secara bersepadu atau dengan izin integrated bersama-sama dengan RTM.

Kita kerap menonton '*bias reporting*' dalam CNN. Kita seakan-akan sudah lali dengan laporan maklumat yang berat sebelah sebegini oleh media Barat. Soalnya berbalik kepada masalah persepsi, keyakinan dan juga sentimen. Pada saya, BERNAMA mempunyai peranan terutama sekali untuk membetulkan persepsi masyarakat tentang keadaan ekonomi umpamanya.

Keadaan ini sebenarnya menyedarkan kita bahawa kita mesti bersedia untuk mengeluarkan maklumat dengan efektif dan relevan kepada masyarakat dengan cara yang terancang. Pada hemat saya, kita boleh jadikan BERNAMA ini sebagai rangka model komunikasi yang boleh dijadikan replika kepada sistem media penyiaran untuk negara-negara Asia atau Asian Media News Reporting Communication Model dengan izin tetapi tetap mengekalkan ciri-ciri adab ketimuran yang boleh kita banggakan. Malah pernah suatu ketika, Malaysia mencadangkan penubuhan NAM TV agar anggota kumpulan NAM memperoleh maklumat dan laporan media yang sahih dan tidak dibayangi oleh laporan yang tidak tepat oleh media barat.

Saya ingin mencadangkan agar RTM dan BERNAMA bekerjasama di mana RTM boleh mewujudkan suatu saluran ketiga di mana BERNAMA (BERNAMA TV) dapat menyalurkan berita-berita '*round the clock*', dengan izin laporan terkini dari negeri ke negeri seluruh Malaysia dan jika boleh serantau Asia. Kita tidak sekali-kali menafikan peranan RTM selaku saluran penyiaran berita utama. Kita memang mengiktiraf peranan RTM selaku penyiar Berita Nasional. Kita ambil contoh US National News di Amerika dan CNN. Masing-masing mempunyai peranan yang tertentu.

Cadangan ini bertujuan untuk memajukan dan menggalakkan kerjasama dan sefahaman antara laporan media di antara negeri-negeri di samping memajukan pengaliran berita yang lebih besar mengenai Malaysia secara saksama di dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa BERNAMA boleh memainkan peranan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bermaklumat menjelang tahun 2020 sekiranya ia diberikan satu saluran penyiaran oleh RTM. Namun, apa juga pendekatan yang akan diambil BERNAMA tidak seharusnya mengabaikan fungsi asalnya yang termaktub dalam akta penubuhannya iaitu mengumpul dan menyiarkan berita dan tanpa tugas '*conventional*' ini dengan izin BERNAMA tidak akan wujud di negara ini. Dalam hubungan ini, RTM perlu memikirkan satu cara untuk membantu BERNAMA menjalankan tanggungjawabnya ini secara berkesan dan bukannya dengan memberikan BERNAMA satu ruang penyiaran melalui satu saluran di RTM boleh merealisasikan hasrat ini malahan memperkasa sistem RTM itu sendiri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

### 5.37 petang

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Larut di atas keprihatinan terhadap peranan media TV dalam menyokong Agenda Nasional khususnya peranan yang boleh dimainkan oleh RTM dan BERNAMA semasa sesi Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, RTM sememangnya mempunyai perancangan untuk mewujudkan saluran siaran tambahan khususnya melalui projek TV Digital yang sedang dalam proses percubaan siarannya di Lembah Kelang sekarang. Bagaimanapun, kandungan dan format siaran secara khusus belum lagi ditentukan.

Cadangan Ahli Yang Berhormat Larut agar RTM bekerjasama dengan BERNAMA amat dialu-alukan, kerana kerjasama dengan BERNAMA sebagai satu jabatan di bawah kementerian memang telah lama wujud. Malah RTM turut menjadi pelanggan berbayar kepada BERNAMA yang membekalkan bahan-bahan berita untuk siaran berita radio dan TV (RTM) secara dari dahulu lagi sebagai input tambahan di samping input yang disediakan oleh wartawan berita radio dan TV (RTM) sendiri di ibu pejabat dan negeri. RTM sendiri turut nampak potensi saluran yang bakal diwujudkan nanti oleh mengorientasikan saluran berita dan maklumat.

Ini akan dilakukan melalui usaha RTM memperkasa bahagian beritanya sendiri bagi memantapkan sumber pengumpulan dan bahan termasuk aspek visual. Dalam hal ini, RTM peka terhadap perkhidmatan sedia ada. BERNAMA membekalkan berita dalam bentuk teks dan visual yang boleh terus dilayari sebagai salah satu sumber mendapatkan maklumat. Melalui saluran baru itu nanti, bukan sahaja berita setiap masa dapat disiarkan, tetapi bahan-bahan yang berorientasikan maklumat dalam bentuk bicarawara, dokumentari, majalah, kapsyen dan sebagainya juga boleh disiarkan. RTM berpendapat di samping tanggungjawabnya membekalkan bahan dan visual berita kepada stesen penyiaran termasuk RTM, BERNAMA yang berentiti perniagaan boleh terus menyiarkan beritanya melalui saluran ASTRO sedia ada termasuk menggunakan pelbagai pendekatan yang lain seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Larut.

#### ■1740

Tuan Yang di-Pertua, BERNAMA sendiri sememangnya mempunyai perancangan untuk menjadi sebuah agensi berita nasional yang lengkap dengan menggunakan semua platform media yang ada untuk menyalurkan maklumat kepada semua peringkat audiens.

BERNAMA bukan sahaja mahu menjadi kilang maklumat, malah menjadi pengedar maklumat atau *distributor*, dengan izin, dan peruncit atau *retailer* supaya penyaluran maklumatnya yang dikilangkan oleh BERNAMA akan menempatkan sasarannya untuk mencapai maklumat seperti mana yang termaktub di dalam akta yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1967.



Selain fungsinya sebagai pengedar, BERNAMA setakat ini mempunyai laman web beritanya sendiri yang semakin popular iaitu laman web Berita Mandarin, laman web Berita Arab, perkhidmatan Berita SMS, dwibahasa Malaysia dan Inggeris, saluran berita televisyen dalam empat bahasa utama iaitu bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin dan Tamil. Manakala pada bulan Ogos ini, saluran radio berita 24 jam akan ke udara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Larut dan Dewan yang mulia ini, BERNAMA bukan sahaja menyalurkan berita dan maklumatnya dalam pasaran tempatan kepada pelanggan media seperti akhbar, televisyen dan radio serta pelanggan bukan media seperti pihak kerajaan, pejabat-pejabat kedutaan, swasta, NGO dan individu, malah dalam pasaran luar kepada agensi berita asing yang mempunyai perjanjian pertukaran berita ataupun keahlian bersama BERNAMA seperti Organization of Asia Pacific News Agency (OANA), International Islamic News Agency (IINA), NAM News Network (NNN) dan Smart News Network International (SSNI), dengan izin.

Sungguhpun pencapaian BERNAMA setakat ini dianggap berkesan dan cekap tetapi keupayaannya masih terhad kerana BERNAMA belum mempunyai platform medianya sendiri seperti akhbar, stesen televisyen, stesen radio, rangkaian telekomunikasi dan satelit. BERNAMA kini menumpang media pihak lain untuk cuba berkembang daripada sekadar menjadi pengilang maklumat kepada pengedar dan peruncit maklumat. BERNAMA terbukti mempunyai kebolehan dan kepakaran untuk menangkis laporan-laporan berat sebelah yang dibuat oleh pelbagai media, baik tempatan mahupun asing yang cemburu dengan kerajaan dan negara kita.

Peranan BERNAMA akan diperhebat lagi dengan memberi peluang kepada entiti ini untuk berkembang dengan pesat dari segi penambahan peruntukan platform-platform media yang baru, kepakaran kakitangan, kemudahan peralatan dan teknologi canggih. Dalam dunia yang terus dilanda dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT, BERNAMA harus melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran dan landaan media-media baru seperti *internet broadcasting* dan *web casting*, dengan izin, *audio visual streaming*, peralatan bimbit, televisyen interaktif, media-media berkaitan internet dan sebagainya yang lebih terdedah kepada generasi muda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Ya, boleh. Cadangan supaya RTM dan BERNAMA bekerjasama untuk mewujudkan saluran ketiga bagi menyalurkan berita dan maklumat *round the clock*, adalah satu langkah yang baik dan bijak. Ini bukan sahaja dapat memperkasa BERNAMA malahan dapat memantapkan penyiaran berita televisyen yang disalurkan oleh RTM yang selama ini masih ketinggalan dan jumlah audiens beritanya berbanding dengan berita stesen-stesen televisyen swasta. Memang kerjasama akan menjadi satu perkongsian pintar yang akan memberikan manfaat yang besar kepada BERNAMA dan RTM.

Kedua-dua pihak ini akan dapat menggunakan semua kepakaran tenaga kerja dan segala kemudahan yang ada. Perkongsian ini akan dapat mengelakkan duplikasi kerja dan

tanggungjawab, pembaziran wang dan tenaga serta peralatan di kedua-dua pihak, BERNAMA dan RTM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Sebaliknya perkongsian ini akan memantapkan kedudukan BERNAMA dan RTM selaku media nasional yang berkesan, efisien, maju dan meluaskan, memastikan penyaluran berita dan maklumat demi kepentingan rakyat dan negara akan lebih mudah tercapai. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Cheras, sila.

### **PINDA UNDANG-UNDANG KECIL BAGI MEMBANTU PARA PENJAJA**

#### **5.45 ptg.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan isu dan masalah yang dihadapi oleh ramai majikan yang menjalankan perniagaan kecil sebagai penjaja pasar sekitar Kuala Lumpur, yang menghadapi dilema berhubung pembantu-pembantu gerai yang diambil bekerja untuk memudahkan mereka menjalankan perniagaan. Pada masa sekarang para penjaja dan peniaga kecil ini menghadapi kesukaran untuk mendapat pembantu gerai warga negara tempatan.

Sungguhpun ramai warga negara tempatan yang mencari pekerjaan, tetapi jarang mereka melakukan kerja membantu gerai pasar kerana selain gajinya rendah dan pekerjaannya sentiasa bergelumang dengan kekotoran dan lasak seperti perniagaan ikan, daging, sayur-sayuran, buah-buahan, runcit, makanan dan sebagainya tetapi kerjanya dianggap tidak glamor. Selain terpaksa menggunakan guna tenaga sebagai pembantu daripada ahli keluarga sendiri, saudara-mara, amat jarang golongan muda yang menceburi pekerjaan pembantu gerai pasar.

Oleh sebab itu, dalam kerancangan ekonomi negara kita membangun yang mana ramai majikan seluruh negara, baik perniagaan industri, perladangan, perkhidmatan dan pembinaan terpaksa bergantung dengan guna tenaga atau buruh asing untuk membantu kerja-kerja mereka. Maka perniagaan di pasar sebagai penjaja gerai atau peniaga kecil tidak dapat lari daripada mengambil pekerja-pekerja asing untuk bekerja dengan mereka yang meringankan kerja-kerja jualan, memunggah barang, melayani pelanggan dan sebagainya.

Apa yang menangkis ialah pihak Jabatan Imigresen Malaysia sebenarnya telah memberikan kebenaran kepada pekerja asing ini untuk menjadi pembantu gerai pasar dengan memberikan pas kerja setelah majikan mereka mengemukakan permohonan dan membuat bayaran levi yang agak besar juga. Malangnya, apabila mereka diambil bekerja di gerai pasar, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menerusi penguat kuasa sering menyaman majikan-majikan atas kesalahan mengambil pekerja asing sebagai pembantu mereka.

Ini berlaku kerana Undang-undang Kecil Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak memperuntukkan kebenaran pekerja kepada pekerja-pekerja asing sebagai pembantu. Saya rasa DBKL agak ketinggalan dalam mendepani isu pekerja asing yang diperlukan dalam pelbagai sektor perniagaan dan industri di negara ini. Majikan melakukan kesalahan ini telah dikompaunkan dan tidak dibenarkan mengambil pekerja asing lagi. Ini berlaku di Pasar Pudu yang terkenal dan berjaya menarik ramai pelanggan yang membeli-belah serta di pasar-pasar lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin mencadangkan supaya Undang-undang Kecil Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dikuatkuasakan sekarang dipinda oleh kerajaan supaya membenarkan majikan-majikan mengambil pekerja asing sebagai pembantu mereka di samping syarat lain yang dikuatkuasakan. Saya minta dihentikan tindakan memburu penjaja-penjaja dan pembantu mereka yang dilakukan oleh DBKL, selain itu memudahkan peraturan pengambilan pekerja ini asalkan mereka mempunyai pas pekerja asal yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan sihat tubuh badan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, sila.

#### **5.49 petang**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Cheras. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1989 membenarkan pelesen mengambil pembantu untuk bekerja. Walau bagaimanapun, pelesen tetap diwajibkan hadir menjalankan perniagaan bersama-sama di tapak perniagaan sebagaimana subseksyen 18(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai tersebut.

Kebeneran untuk mengambil pembantu bergantung kepada saiz perniagaan di mana biasanya hanya seorang pembantu dibenarkan bekerja dan bagi perniagaan yang lebih besar, maksimum dua orang pembantu boleh digajikan. Pada ketika ini, pihak DBKL menghadapi masalah apabila pihak pelesen telah mengambil pekerja pembantu gerai daripada kalangan warga asing terutamanya dari Indonesia, India, Myanmar, Bangladesh atau Nepal.

■1750

Alasan yang diberikan ialah kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja di kalangan warga tempatan dan jika ada yang berminat untuk bekerja kebiasaannya tempoh mereka bekerja adalah singkat. Pembantu tempatan yang digaji akan berhenti apabila mempunyai peluang bekerja di sektor lain. Fenomena ini berkaitan juga dengan kadar upah dan kemudahan insentif yang kurang menarik daripada majikan. Penggunaan para pekerja warga asing didapati agak ketara berlaku di pasar-pasar dan pusat-pusat penjaja di Kuala Lumpur terutamanya sebagai

pembantu gerai bagi kerja punggah-memungkah. Manakala gerai-gerai makanan warga asing dijadikan sebagai pelayan gerai dan tukang masak.

Pihak DBKL sedar tentang masalah untuk mendapatkan pekerja asing sebagai pembantu di pasar-pasar dan gerai penjaja. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dikaji dengan mengambil kira konsep asal melesenkan penjaja dan perniagaan kecil. Keupayaan peniaga menjalankan perniagaan. Daya saing antara peniaga-peniaga terutamanya peniaga-peniaga bumiputera dan kecenderungan warga asing menjalankan perniagaan.

Sektor penjaja dan perniagaan kecil merupakan sektor tidak formal dalam ekonomi negara yang mana ia banyak melibatkan ahli keluarga sahaja dalam menjalankan perniagaan. Kewujudan peluang kepada warga asing untuk memasuki sektor tidak formal ini adalah tidak sesuai dan boleh memberikan implikasi negatif kepada warga tempatan serta ekonomi negara. Peraturan ini diambil sebagai langkah untuk menjaga imej negara di kalangan para pelancong. Pembantu-pembantu di kalangan warga asing ini hanya akan memberi gambaran seperti bukan berada di Kuala Lumpur contohnya suasana di Chow Kit dan Petaling Street.

Pihak DBKL setakat ini tidak akan berkompromi dalam perkara ini dan memberikan kelonggaran untuk menggaji pekerja asing. Pada pandangan DBKL penglibatan warga asing dalam perniagaan sektor tidak formal akan menyebabkan status pemilikan lesen dan tapak perniagaan milik warga tempatan akan hilang. Perkara ini terbukti dari tindakan penguatkuasaan yang dibuat oleh DBKL dalam tempoh Januari 2007 hingga Mei 2007 yang mana sebanyak 38 kes kompaun telah diambil dan operasi sita barangan ke atas penglibatan warga asing sebanyak 1,112 kes. Dengan itu penyalahgunaan yang membabitkan warga asing tidak boleh dianggap sebagai kes terpencil. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah urusan mesyuarat kita. Dengan ini mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.53 petang.***